



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

---

Bil. 53

Isnin

11 November 2019

---

**K A N D U N G A N**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 24)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2020

**Jawatankuasa:-**

**Jadual:-**

Maksud B.15

(Halaman 25)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada

Peraturan Mesyuarat

(Halaman 24)

Anggaran Pembangunan 2020

**Jawatankuasa:-**

Maksud P.15

(Halaman 25)

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA  
Isnin, 11 November 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)  
mempengerusikan Mesyuarat]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memberikan satu atau dua ungkapan.

*Selamat pagi Tun,*

*Pagi ini tiada pantun. [Ketawa]*

Saya jemput Yang Berhormat Taiping untuk mengemukakan pertanyaan.

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan sekalian. Saya mulakan dengan serangkap pantun. *[Ketawa]* Boleh ya? Izinkan ya.

*Buat apa mencari permata,*

*Kalau emas selami besi,*

*Buat apa menimba harta,*

*Kalau sumbernya hasil korupsi.*

1. **Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah tindakan yang akan diambil dalam usaha memastikan kerja-kerja projek kerajaan baharu dilaksanakan dengan kos yang lebih berpatutan demi kepentingan semua rakyat.

**Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]:** Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Saya pun tidak ada pantun untuk menjawab tetapi ada jawapan untuk soalan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha memastikan projek kerajaan baharu dilaksanakan dengan kos yang lebih berpatutan demi kepentingan semua rakyat, maka semua perolehan bagi projek kerajaan akan ditawarkan secara tender terbuka seperti mana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Di samping itu pula, pihak kementerian akan melaksanakan Makmal Pengurusan Nilai atau *Value Management Workshop*, dengan izin, bagi setiap projek dengan kos yang melebihi RM50 juta sebagaimana yang telah diwajibkan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Makmal Pengurusan Nilai merupakan satu *management tools*

di dalam pelaksanaan projek untuk mencapai nilai untuk wang atau *value for money*, dengan izin, bagi setiap projek. Sekian, terima kasih.

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Menteri. Berikutnya isu kelembapan ekonomi dan perbelanjaan berhemah oleh kerajaan baharu, soalan saya, adakah kerajaan bersedia menimbangkan kaedah-kaedah baharu bagi merancakkan lagi ekonomi melalui sektor pembinaan? Sebagai contoh, melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi dengan mewujudkan projek-projek kecil yang berimpak besar di seluruh negara ataupun kerajaan boleh menimbangkan kaedah skim bayaran tertangguh bagi projek-projek berskala besar yang mungkin tidak dapat ditampung peruntukan menerusi kaedah belanja tahunan biasa. Minta jawapan daripada Menteri.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat Taiping kerana dengan mengemukakan soalan, walaupun dalam cara soalan tetapi ini adalah cadangan. Cadangan satu atau soalan satu itu "...melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi dengan mewujudkan projek-projek kecil yang berimpak besar...". Saya dimaklumkan Tuan Yang di-Pertua, dulunya ini telah dilaksanakan dan saya merasakan ini adalah satu cadangan yang baik dan kita akan kaji ini semula dan kita akan angkat ini kepada Jemaah Menteri dan akan dipertimbangkan. Keduanya, isu atau soalan yang dibangkitkan juga menimbangkan sekiranya kaedah skim bayaran tertangguh atau *deferred payment* ataupun dalam bahasa Inggeris, bagi projek-projek berskala besar yang mungkin tidak dapat ditampung peruntukan menerusi kaedah belanjawan tahunan biasa. Tuan Yang di-Pertua, kementerian pun telah menerima beberapa cadangan daripada segi ini, cara-cara *deferred payment* ini dan kita juga akan kaji ini dan kita akan angkat ini kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu, saya sebagai anak Kelantan merakamkan sembah tahniah sempena perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Yang ke-V Kali Yang Ke-50 pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah adakah di sana ada pengecualian apabila disebut berkenaan dengan tender terbuka? Adakah di sana ada beberapa pengecualian, di mana akan dilaksanakan secara runding terus sebagai mana kontroversi yang berlaku di- isu yang berlaku di Bangunan Gunasama Persekutuan Kota Bharu di Tunjung dengan tender RM450 juta. Juga saya tidak mendapati Menteri menyebut berkenaan dengan dasar kepada kontraktor Bumiputera, maka di sana adakah adanya dasar-dasar tertentu daripada pihak kerajaan untuk kontraktor Bumiputera? Terima kasih.

■1010

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Secara dasarnya kerajaan sekarang ini adalah menggunakan tender terbuka tetapi ada juga pengecualian atas dasar ini yang kita sudah maklumkan sekiranya isu itu mengenai isu *security*, dan keduanya kalau sekiranya cadangan itu adalah satu *area* yang mana tidak ada orang lain yang boleh berbuat

cadangan projek itu, itu pun akan boleh diangkat dan akan dipertimbangkan. So, ini adalah satu peluang atau pengecualian mengenai tender terbuka.

Mengenai isu kontraktor bumiputera, kita faham bahawa G1 itu adalah di bawah RM200,000, kontrak itu harus diberikan kepada kontraktor bumiputera. Terima kasih.

2. **Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah dan usaha Kerajaan untuk menentukan hala tuju kewangan Islam mampu memberi impak yang lebih besar kepada pembangunan ekosistem ekonomi negara sekali gus berupaya untuk memperkasakan sistem ekonomi kewangan Islam?

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jasin. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya ingin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Nibong Tebal yang dijadualkan pada 14 November 2019 memandangkan ia melibatkan perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kewangan Islam merupakan komponen penting yang sentiasa menjadi salah satu fokus utama dalam agenda pembangunan sistem kewangan di Malaysia. Kerajaan dan agensi berkaitan seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia serta semua institusi kewangan Islam di Malaysia telah bersama-sama berusaha membina sebuah ekosistem yang kukuh dan berdaya saing dalam memacu kemajuan sektor kewangan Islam negara ini.

Hasil usaha yang berterusan dan tersusun telah berjaya mengekalkan kedudukan Malaysia di tempat teratas daripada 56 buah negara dalam pelbagai dimensi indikator kemajuan kewangan Islam pada peringkat global sebagaimana yang dilaporkan pada setiap tahun oleh Laporan Pembangunan Kewangan Islam yang diterbitkan oleh *Thomson Reuters* sejak tahun 2013. Di samping itu, *Malaysia International Islamic Financial Center* (MIFC) telah memainkan peranan yang penting pada peringkat awal pengantarabangsaan kewangan Islam melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif terutamanya dengan sokongan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sultan Nazrin Muizzuddin Shah sebagai Penaung Diraja untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa.

MIFC juga menganjurkan Majlis Anugerah Diraja Kewangan Islam setiap dua tahun bagi memberikan pengiktirafan kepada individu yang telah memberikan sumbangan yang besar dalam bidang kewangan Islam. Meskipun sistem kewangan Islam telah mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan, kerajaan sentiasa menambah baik sistem penyampaian kewangan Islam agar ia dapat menjana impak yang positif kepada rakyat.

Antara langkah yang telah dan sedang diambil adalah bagi mencapai objektif yang pertama iaitu menentukan hala tuju kewangan Islam. Ada tiga langkah yang kita ambil. Pertama, pengukuhan rangka kerja perundangan, pengawal seliaan dan pematuhan syariah. Antaranya melalui penggubalan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 bagi memastikan kestabilan

sistem kewangan Islam dan memastikan aspek syariah dipatuhi sepenuhnya oleh institusi kewangan Islam serta menerbitkan 14 piawaian syariah untuk memberikan garis panduan yang jelas dan komprehensif mengenai kontrak-kontrak syariah dan aplikasi operasinya. Piawaian syariah ini turut dijadikan rujukan bagi membangunkan piawaian syariah di negara-negara lain seperti Qatar dan Afghanistan.

Kedua, bagi mencapai objektif menentukan hala tuju kewangan Islam ini adalah penubuhan Jawatankuasa Khas Kewangan Islam (JKKI) oleh Kementerian Kewangan pada Ogos 2019 untuk mempromosikan dan menggalakkan pembangunan kewangan Islam serta bertanggungjawab menyelaraskan peranan dan tanggungjawab pihak berkepentingan untuk meningkatkan industri kewangan Islam di Malaysia.

Ketiga, pengenalan konsep pengantaraan berdasarkan nilai ataupun *value based intermediation* ataupun singkatannya VBI sejak tahun 2017 bagi menyokong pencapaian matlamat pembangunan mampan (*sustainable development goals*) oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Objektif kedua iaitu usaha untuk memperkasakan sektor kewangan Islam ialah:

- (i) penerokaan instrumen kewangan sosial bagi mengurangkan jurang pembiayaan dan perlindungan takaful bagi rakyat terutama golongan berpendapatan rendah (B40);
- (ii) mempelbagaikan peluang pelaburan menerusi pengenalan akaun pelaburan ataupun *investment account* dan platform akaun pelaburan iaitu *investment account platform*;
- (iii) memperhebatkan sokongan kewangan Islam ke arah pertumbuhan perniagaan halal melalui skim pembiayaan patuh syariah perusahaan kecil dan sederhana;
- (iv) memudah cara dan menyebar luas urus niaga kewangan rentas sempadan melalui perkongsian kepakaran dan perkongsian prasarana kewangan Islam dengan pelbagai negara termasuk UK, Hong Kong, Turki, Indonesia dan Jepun menerusi hubungan dua hala yang lebih erat; dan
- (v) membangunkan kapasiti modal insan untuk menyokong ekonomi negara dan kewangan Islam melalui institusi-institusi pendidikan kewangan Islam seperti *International Center for Education in Islamic Finance* (INCEIF) dan *International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance* (ISRA).

Pada tahun 2018, INCEIF telah menerima penganugerahan akreditasi berprestij oleh Association to Advance Collegiate School of Business (AACSB). Akreditasi ini telah menempatkan INCEIF dalam kalangan lima peratus program perniagaan terpilih di seluruh dunia. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan satu penerangan yang cukup hebat sekali. Akan tetapi apa pun, pasaran *sukuk* Malaysia adalah menjadi peneraju utama. Pasaran *sukuk* di Malaysia mewakili sebanyak 51 peratus daripada pasaran *sukuk* dunia yang berjumlah sebanyak USD396 bilion pada tahun 2017.

Jadi bagi industri kewangan Islam pula, Malaysia mewakili 36.5 peratus daripada pasaran dunia. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, setakat manakah kejayaan yang telah dicapai oleh Jawatankuasa Kemajuan Kewangan Islam dan juga setakat manakah komitmen daripada pihak kerajaan untuk bersama-sama memperkuuhkan hala tuju bagi mempromosikan Malaysia sebagai peneraju global dalam kewangan Islam dan juga dalam masa yang sama kita hendak tengok, kalau boleh kita berikan keutamaan kepada pasaran *sukuk*.

Kedua, berapa peratus kah pencapaian pengantarabangsaan industri kewangan Islam yang dimiliki oleh pelabur Malaysia? Terima kasih.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin atas soalan tambahan yang diberikan. Oleh sebab Malaysia berada di tahap seperti yang disebutkan tadi dalam laporan *Thomson Reuters*, pada setiap tahun kita berada di peringkat yang paling atas dalam kewangan Islam ini dan sudah tentu kita tak mahu *rest on our laurels*, maknanya kita berasa selesa berada di tahap yang sedemikian. Oleh yang demikian, JKKI yang ditubuhkan pada tahun lepas, maknanya kita ingin melihat dan membawa kita ke suatu aras yang lebih baik daripada pencapaian sebelum ini.

Oleh sebab itu disokong oleh institusi-institusi yang saya sebutkan tadi, sebahagiannya INCEIF, ISRA supaya kita dapat melihat dan mengeluarkan produk-produk baharu yang inovatif yang sebelum ini negara-negara lain agak mungkin sedikit konservatif untuk melihat dalam kewangan Islam ini. Oleh sebab itu lah kita tubuhkan dan kita ingin menjadikan dan membawa Malaysia ke suatu tahap yang lebih tinggi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Untuk pasaran *sukuk*, kita mengharapkan bahawa kita akan terus berada di tahap yang sedemikian dan kita akan bekerjasama dan menggunakan - sekarang ini *Fintech* adalah merupakan suatu perkara yang dilihat oleh pelbagai pihak.

## ■1020

Kita akan pastikan bahawa *Islamic Fintech* ini juga akan kita *embrace* untuk membawa ia ke suatu tahap yang lebih tinggi lagi Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya jemput sebelah sini – soalan tadi Yang Berhormat Nibong Tebal, tidak ada soalan ya? Saya beri peluang kepada Yang Berhormat Ledang, 30 saat.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berkenaan dengan impak atau kesan kepada kewangan ekonomi Islam di Malaysia. Baru-baru ini dalam belanjawan telah diumumkan berkenaan dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Kewangan Islam yang antara tujuannya ialah untuk merangka *blueprint*

ekonomi Islam. Di samping itu juga, untuk memastikan bahawa adanya pusat kecemerlangan kewangan Islam. Jadi, apakah status perkembangan gerak kerja Jawatankuasa Khas Kewangan Islam ini? Bagaimana ia boleh berperanan untuk memastikan kesan yang baik bagi negara? Terima kasih.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih. Ya, JKKI sebenarnya kita telah mula beroperasi sejak pada tahun 2018. Berkenaan dengan *blueprint* ekonomi Islam ini ialah suatu yang baharu disebutkan dalam ucapan belanjawan baru-baru ini dan kita sedang dalam peringkat untuk menyediakan *ground work* untuk memastikan bahawa itu akan dapat diwujudkan. Kewangan Islam ini tidak hanya—ataupun apabila disebut tentang *halal economy*, yang dilihatnya itu hanyalah dari aspek kalau penyediaan makanannya, bahan dan sebagainya.

Akan tetapi kita hendak supaya ia di seluruh rantaian itu bermula dengan pembiayaan itu ialah pembiayaan yang patuh syariah. Supaya akhirnya benda yang hendak disediakan dari segi makanan dan sebagainya itu, bermula daripada ia punya pembiayaan itu sebenarnya ialah suatu yang patuh syariah. Jadi, semua ini sedang kita lihat dan akan kita maklum dan bentangkan dari semasa ke semasa tentang perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Selamat pagi dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertama kali, saya ingin mengalu-alukan kedatangan guru-guru dan juga pelajar Tingkatan 3 dan 4 dari SMK Meranti Pasir Mas, Kelantan. Selamat datang.

**3. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan senarai insiden kebakaran terbuka yang berlaku di ladang serta hutan di Malaysia pada Ogos dan September 2019 yang direkodkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dan apakah tindakan ke atas tuan punya tanah tersebut dan langkah-langkah pencegahan yang boleh dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebanyak 1,433 kes kebakaran terbuka telah berlaku di seluruh negara melibatkan ladang 763 kes dan hutan 670 kes sepanjang bulan Ogos hingga September 2019, di mana negeri Johor mencatatkan kes tertinggi iaitu 580 kes kebakaran terbuka.

Senarai insiden mengikut pecahan kebakaran ladang dan hutan mengikut negeri adalah seperti berikut. Saya hanya akan baca top 11, iaitu bagi kes kebakaran ladang Ogos hingga September 2019.

Negeri	Jumlah (Kes)
Johor	428
Selangor	131
Sarawak	68
Sabah	67

Perak	32
Negeri Sembilan	10
Pahang	14
Terengganu	2
Kelantan	3
Pulau Pinang	2
Melaka	6

Bagi kes kebakaran hutan Ogos hingga September 2019

Negeri	Jumlah (Kes)
Johor	152
Selangor	95
Sarawak	125
Sabah	112
Perak	53
Negeri Sembilan	54
Pahang	43
Terengganu	18
Kelantan	9
Pulau Pinang	6
Melaka	2

Untuk makluman Yang Berhormat juga, antara langkah-langkah pencegahan yang telah diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi mengelakkan kebakaran terbuka adalah dengan mengaktifkan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan juga Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan bagi menghadapi situasi jerebu negara. JBPM juga sebagaimana yang dinyatakan dalam pelan tindakan tersebut bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pemadaman dan pemantauan menggunakan aset-aset kebombaan seperti helikopter, jentera bomba, peralatan dan kelengkapan kebombaan dengan kekuatan 14,600 pegawai bomba di seluruh negara.

Selain itu, JBPM juga mengambil inisiatif melaksanakan program Kempen Penyebaran Maklumat Pencegahan melalui aktiviti pembelajaran dan juga kesedaran awam termasuk seminar, keselamatan kebakaran merangkumi larangan pembakaran terbuka kawasan ladang dan hutan.

Akhir sekali, mengenai tindakan ke atas tuan punya tanah yang terlibat dengan kebakaran terbuka, perkara ini adalah di luar bidang kuasa KPKT. Perkara tersebut perlu dirujuk kepada Jabatan Alam Sekitar kerana siasatan perlu dibuat bagi mengenal pasti ada

kebakaran tersebut dicetuskan oleh pemilik tanah, orang persendirian atau secara semula jadi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Saya membangkitkan isu ini kerana pada bulan Ogos dan September baru-baru ini telah berlaku keadaan krisis jerebu yang amat teruk di negara kita sehingga sekolah-sekolah ditutup.

Selain daripada jerebu merentasi yang– pencemaran yang merentasi kawasan dari Indonesia, terdapat juga pencemaran udara yang berlaku seperti yang dibaca tadi. Soalan saya, apakah selain daripada perundangan yang akan ditangani oleh Jabatan Alam Sekitar, apakah lagi tindakan-tindakan konkret yang boleh dilaksanakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk– dan juga melalui pendidikan awal, apakah lagi tindakan? Apakah butiran Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan yang disebut tadi, yang boleh membantu untuk mengurangkan masalah jerebu dan juga pencemaran udara untuk mengekang masalah pembakaran terbuka di negara kita? Itu sahaja soalan saya, terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya sebut tadi, sebenarnya Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan tadi terletak kedua-duanya di bawah Kementerian Alam Sekitar. Bagaimanapun, kami daripada pihak KPKT dan juga bomba hanya boleh memberi maklumat dan juga seminar-seminar serta kempen kesedaran pembakaran terbuka dari semasa ke semasa secara berkala. Ini adalah cara yang terbaik kami dapat *compliment*, dengan izin pihak Jabatan Alam Sekitar.

Kami juga dalam situasi untuk meningkatkan lagi perolehan daripada bahagian-bahagian bomba untuk membolehkan kita mengambil tindakan lebih cepat dan lebih berkesan. Dalam waktu yang sama, penubuhan pasukan bomba sukarela adalah salah satu daripada cara kita memastikan bahwasanya kalau situasi tersebut berlaku, bukan hanya kesedaran tetapi juga kesediaan untuk bertindak dengan begitu cepat dan berkesan boleh dilakukan di kalangan orang awam. Itulah yang kita dapat lakukan di pihak kami. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya mengalu-alukan kehadiran MPKK Kampung Baru Perak. Selamat datang ke Parlimen. Kita alu-alukan tetamu kita.

Soalan saya, apakah faktor utama yang berlaku kebakaran terbuka melibatkan kawasan belukar, hutan dan tanah gambut sehingga mencatatkan angka kebakaran yang tertinggi iaitu 26,206 kes sehingga 8 November? Mengapakah bulan Februari mencatatkan jumlah kes kebakaran tertinggi iaitu 7,769 kes? Apakah perkembangan cadangan pihak kementerian bagi membeli pesawat Bombardier bagi tujuan pemadam dan kebakaran, serta helikopter ambulans bagi menampung keperluan Jabatan Bomba dan Penyelamat?

**■1030**

Berapakah kos terlibat dalam lawatan Yang Berhormat Menteri ke Itali bagi tujuan melihat keberkesanan aset pesawat Bombardier dan helikopter ambulans tersebut dan sejauh manakah kemampuan kewangan kerajaan untuk memiliki aset terbabit memandangkan keadaan kewangan negara tidak stabil dan hutang negara semakin meningkat? Sekian, terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Di atas persoalan sebab-sebab utama berlakunya kebakaran terbuka secara tidak terkawal adalah kecuaian dan juga ada pihak-pihak pertanian yang telah membuka ruang untuk berlakunya masalah-masalah ini dengan membuat salah satu daripada caranya dengan... *[Disampuk]*

*[Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia (Tuan Eddin Syazlee Shith) mengalami masalah kesihatan secara tiba-tiba ]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, Majlis Dewan berhenti rehat sebentar untuk kita *pay attention* kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta bantuan doktor perubatan. Dewan berhenti rehat sementara 10 minit.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 10.31 pagi]*

**■1040**

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 10.43 pagi]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengaruhi Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan peristiwa tadi kita minta semua bertengang dan doa semua Ahli Yang Berhormat sihat walafiat. Kita sambung perbahasan dengan menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri KPKT untuk menyambung dalam tempoh masa 30 saat lagi. Silakan Timbalan Menteri.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya sebutkan tadi, di antara sebab-sebab utama berlakunya kebakaran ini adalah atas berlakunya *open burning* oleh petani-petani dan juga *open burning* atas orang kampung membakar sampah serta kecuaian. Itu adalah di antara sebab-sebab yang paling orang kata *common*, dengan izin.

Dari segi pesawat yang telah digunakan, kita sekarang ini mempunyai sembilan buah pesawat helikopter di bawah bomba, di mana enam buah daripadanya adalah yang dikatakan *water bombing facilities* untuk menyiram air, untuk memadam kebakaran dan tiga buah lagi adalah untuk kegunaan *medic* iaitu khidmat kesihatan. Sebahagiannya terletak di Subang dan juga di Bertam, Pulau Pinang dan di Malaysia Timur terletak di Miri untuk service Sabah dan

Sarawak, iaitu dua buah pesawat. Itulah pecahan yang kita boleh berikan. Kita juga di dalam situasi untuk mengkaji opsyen-opsyen yang baharu untuk menambahkan aset-aset kita, untuk menambahkan keupayaan membanteras kebakaran terbuka secara secepat mungkin dengan melihat opsyen-opsyen di luar negara. Sekian, terima kasih.

**4. Tuan Anyi Ngau [Baram]** minta Menteri Kewangan menyatakan peruntukan tahunan untuk tujuan MARRIS di Sarawak dan jarak jalan yang diselenggarakan. Nyatakan SOP untuk melayakkan sesebuah jalan agar diselenggarakan di bawah peruntukan MARRIS.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Terima kasih, Yang Berhormat Baram. *Insyah-Allah* kita pakat-pakat *amin*-kan doa beliau tadi agar sihat semua, *insya-Allah*.

Untuk makluman Yang Berhormat Baram, pemberian penyelenggaraan jalan negeri ataupun MARRIS disediakan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dan dikira mengikut peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan. Ia bertujuan untuk membantu kerajaan negeri menyelenggarakan jalan raya negeri, jalan raya bandaran, jalan kawasan perumahan kos rendah, lorong belakang, jalan kampung, jalan pertanian dan jalan pulau pelancongan.

Bagi melayakkan negeri-negeri menerima peruntukan MARRIS, jalan-jalan di negeri masing-masing perlu didaftarkan ke dalam sistem MARRIS *online*. Peruntukan MARRIS yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri Sarawak pada tahun 2018 adalah berjumlah RM872.5 juta. Pemberian MARRIS disalurkan terus kepada Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Sarawak. Pengagihan peruntukan MARRIS kepada Agensi Pelaksana Penyelenggaraan dan jarak jalan yang diselenggarakan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Terima kasih.

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri di atas jawapan yang saya rasa cukup lengkap bagi saya. Hanya yang saya hendak persoalkan— soalan tambahan saya ialah adakah Kementerian Kewangan boleh mengarahkan agensi-agensi pelaksana ini agar jalan-jalan kampung yang dibina di bawah RTP kah ataupun MRP kah supaya jalan-jalan ini juga diselenggarakan mengikut standard yang ditetapkan.

Jadi, itu soalan saya. Sama ada kerajaan bersedia untuk mengembangkan tujuan peruntukan MARRIS ini kepada jalan-jalan kampung di mana tanah runtuh pun ada, *culvert* pun rosak, jambatan pun rosak. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Baram. Sebenarnya untuk jalan-jalan MARRIS ini, bidang kuasanya itu adalah di bawah kerajaan negeri. Cumanya jalan-jalan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Baram tadi, kalau ia menepati syarat yang ia boleh didaftarkan di bawah MARRIS *online* ini, maka kerajaan negeri boleh daftarkan.

Contohnya, kalau bagi jalan kampung yang mencapai lebar jalan antara lapan sehingga 14 kaki, itu boleh didaftarkan. Sekiranya disahkan, maka ia boleh digunakan untuk diselenggarakan.

Ini termasuk perabot-perabot jalan. Maksud perabot jalan ini seperti mungkin *culvert*, berkaitan dengan jalan. Mungkin ada jambatan yang maknanya kalau tidak diselenggarakan jambatan itu, jalan itu pun tidak berfungsi. Jadi, ini semua boleh dibuat dengan syarat—maknanya Yang Berhormat Baram, pihak kerajaan negeri bersetuju dengan perkara yang sedemikian. Ini termasuk yang kita benarkan baru-baru ini ialah— sebelum ini hanya untuk menyelenggara tetapi kali ini kita benarkan tidak lebih daripada 15 peratus daripada peruntukan itu untuk *upgrade* jalan itu. Kalau sebelum ini hanya selenggara tetapi boleh di-*upgrade* untuk dilebarkan dan sebagainya tetapi tidak boleh melebihi 15 peratus daripada peruntukan yang telah diluluskan kepada kerajaan negeri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Timbalan Menteri.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Limbang, Limbang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Soalan tambahan pertama saya jemput...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Limbang, sesuai ini.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Kubang Kerian...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Good for everybody.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kuala Kedah, sila.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Boleh bagi satu sahaja nanti, Tuan Yang di-Pertua? Please.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tahu tentang kriteria pemilihan kontraktor yang menyempurnakan projek-projek MARRIS.

#### ■1050

Adakah kementerian meletakkan kriteria tertentu ataupun kriteria itu ditentukan oleh kerajaan negeri atau pihak yang tertentu? Soalan saya, sebabnya begini, kerap berlaku apabila kita dapati di satu-satu kawasan itu telah dinamakan satu-satu kumpulan kontraktor yang akan bertanggungjawab. Dalam masa yang sama, adakah dengan kerajaan baharu ini kita masih meneruskan amalan yang sama ataupun kita membuat tender terbuka ataupun kita ada kriteria tertentu yang menyebabkan sesetengah kontraktor dipilih, sesetengahnya tidak dipilih? Terima kasih.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Sebenarnya seperti yang saya sebutkan tadi, ini semua di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Saya yakin bahawa kerajaan negeri juga mengikuti apa yang sedang kita buat sekarang ini, secara dasar. Maknanya, memberikan peluang yang sama rata kepada semua kontraktor untuk

masuk dan mendapatkan kerja ini. Sama ada mereka membuat polisi dibuat secara tender terbuka ataupun dibuat undian dan sebagainya, itu semua terpulang kepada kerajaan negeri yang menguruskan tabung di bawah MARRIS ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Tuan Yang di-Pertua, minta lagi satu Tuan Yang di-Pertua? Relevan, Limbang. *Very short.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya bagi peluang Yang Berhormat Limbang, sila Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. *My question,* dengan izin, satu sahaja. Kadar untuk MARRIS ini dia memang *subject to review.* *I think it was reviewed sometimes few years back.* Jadi, memandangkan harga barang sudah naik sekarang ini, material-material untuk penyelenggaraan jalan dan sebagainya, bilakah agaknya kerajaan akan *review* kadar untuk pemberian MARRIS untuk apa juga jenis kategori jalan, PBT, state ataupun jalan kampung, jalan pertanian dan sebagainya. *This is relevant to all the state in the country.* Terima kasih.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Seperti yang saya sebutkan tadi, jalan-jalan Yang Berhormat Limbang sebutkan tadi itu semua termasuk di dalam kategori ini sekiranya ia mencapai minimum standard dari segi kelebarannya dan sebagainya, memang masuk. Kedua, tentang *rate* itu ya, ia memang kita *review* dari semasa ke semasa. *Of course* negeri yang mempunyai panjang jalan MARRIS yang berdaftar itu akan mendapat peruntukan yang paling besar dan suka saya maklumkan bahawa sebenarnya Sarawak adalah negeri yang mendapat peruntukan MARRIS yang paling besar di Malaysia ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Dia bukan fasal panjang, Timbalan Menteri. Panjang itu dia punya – kadar untuk *asphalt*, kadar itu, bukannya *the volume, it's the* kadar.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Saya sebutkan tadi, memang itu kita *review* dari semasa ke semasa. Terima kasih.

5. **Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah Kerangka Dasar Luar Malaysia baru akan dapat menangani isu di seluruh dunia kini yang mana negara-negara kuat mengenakan tindakan secara unilateral terhadap negara-negara lain sehingga mencabuli perjanjian antarabangsa dan resolusi-resolusi PBB.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Marzuki bin Yahya]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beluran di atas pertanyaan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana Dewan yang mulia ini sedia maklum,

Kerangka Dasar Luar Malaysia baru telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18 September 2019.

Saya amat berbesar hati di atas keprihatinan yang diberikan terhadap kandungan kerangka tersebut. Kelantangan pendirian Malaysia terhadap ketidakadilan, penindasan dan jenayah-jenayah terhadap kemanusiaan adalah nyata dan tidak perlu diragui. Malaysia turut menentang sekeras-kerasnya tindakan yang bersifat unilateral di mana terdapat trend negara berkuasa memaksa negara lain mengikut telunjuk mereka dengan mengenakan pelbagai bentuk tekanan sama ada politik atau ekonomi ke atas negara yang lebih lemah dan kecil. Terdapat juga sesetengah negara yang melanggar perjanjian antarabangsa dan resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) secara terang-terangan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara dasar yang dikemukakan di dalam soalan Yang Berhormat Beluran, saya ingin menyatakan bahawa kerangka ini bukan satu formulasi dasar luar yang baharu. Kerangka ini merupakan satu garis panduan dan pedoman yang jelas serta sistematik untuk rujukan para pengamal diplomasi di Malaysia mahupun antarabangsa dalam pengendalian hubungan luar negeri terutamanya sewaktu berdepan dengan persekitaran dunia yang serba mencabar ini.

Malaysia beriltizam untuk memperjuangkan suatu dasar luar yang progresif, bertunjangkan demokrasi yang matang dan dilihat dari sudut pandang sebuah negara yang maju. Kerangka ini menyediakan pendekatan yang lebih holistik di dalam memacu Dasar Luar Negeri Malaysia yang lebih progresif. Ini bagi membuktikan pendekatan dasar luar negeri Malaysia berupaya untuk menangkis sebarang sekatan atau tindakan unilateral yang dikenakan oleh negara-negara lain.

Malaysia tidak teragak-agak untuk terus bertindak secara proaktif dan berkesan dalam organisasi-organisasi antarabangsa termasuk PBB supaya peranan Malaysia menjadi lebih bermakna dan berimpak tinggi. Malaysia akan menentukan hala tuju wacana antarabangsa dengan mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan di pelbagai forum antarabangsa yang Malaysia adalah ahli, selain mempengaruhi proses membuat keputusan di forum antarabangsa yang Malaysia bukan ahli.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tidak akan mengabaikan kepentingan hubungan akrab dengan negara-negara lain yang diamalkan selama ini. Hubungan yang erat ini akan terus menjadi keutamaan Malaysia dan bersendikan kepada prinsip-prinsip dan norma-norma undang-undang antarabangsa. Melalui cara ini, dapatlah kita menangani sebarang isu yang timbul melalui mekanisme penyelesaian secara aman mengikut hala tuju dan acuan Malaysia sendiri. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tindakan proaktif yang diambil oleh Malaysia, tentu sekali soalan saya ingin tahu sejauh mana tindakan proaktif ini boleh mengubah dinamik politik ketidaktentuan Presiden Trump Amerika dan kepimpinan PBB?

Ini kerana kita lihat arahan Presiden Trump, kehendak Presiden Trump untuk memberikan sekatan dagang kepada Iran, akaun-akaun pemilik warganegara Iran di Malaysia. Kita terpaksa akur apabila Kerajaan Malaysia menegur sesebuah negara terhadap keputusan PBB yang melibatkan Jammu dan Kashmir. Kita menerima akibat – perdagangan daripada kenyataan kita.

Jadi sejauh mana tindakan proaktif kita, penglibatan kita dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu boleh mengubah dinamik ketidaktentuan Amerika dan PBB? Terima kasih.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Beluran. Akan tetapi, sebelum itu saya hendak maklumkan bahawa kita melihat dari semua sudut. Usaha-usaha kita ini bukanlah satu usaha yang mudah sepertimana yang tadi Yang Berhormat Beluran katakan, bahawa ingin melihat keberkesanannya.

Walau bagaimanapun, dalam usaha kita untuk menangani masalah ini, kita akan terus menyuarakan. Ini kerana bagi kita lebih baik kita menyuarakan daripada kita berdiam diri kerana kita tahu bahawa perkara-perkara sebegini bukan satu urusan yang mudah untuk kita dapat selesaikan dengan hanya bersuara. Walau bagaimanapun, dalam kerangka baharu kita ini, kita menggariskan tiga panduan.

Pertama, dalam keadaan di mana kita masuk menjadi anggota sesuatu organisasi dan jawatankuasa, kita mesti aktif untuk membuat keputusan. Kedua, dalam keadaan kita tidak boleh membuat keputusan, kita bukan menjadi anggota, kita harus mempengaruhi pendapat. Ketiga, dalam isu-isu yang menjadi trend semasa atau *futuristic*, yang belum ada keputusan yang ingin dilaksanakan, kita harus membentuk perbincangan dan pendebatan, dengan izin, *shaping the disclosure of debate. Thank you.* Terima kasih.

#### ■1100

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengajukan soalan. Dalam Persidangan Agung PBB ke-74 September lalu, kita harus memuji tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menegur kuasa-kuasa besar dunia dan mencadangkan agar kuasa veto diperbetulkan. Oleh kerana bertindak mengatasi undang-undang antarabangsa dan tidak demokratik serta langsung tidak menghormati kedaulatan negara-negara yang terlibat dalam United Nations. Soalan saya, apakah konsep atau kehendak yang mahu diterjemahkan oleh kerajaan di peringkat antarabangsa, khususnya di peringkat PBB yang dikuasai oleh Amerika ini?

**Datuk Wira Haji Marzuki bin Yahya:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, seperti mana yang kita tahu bahawa Malaysia sebagai kuasa pertengahan. Jadi, peranan dan suara kita memang selalu kita akan bawa di dalam ASEAN dan juga di mananya badan-badan antarabangsa. Seperti mana tadi Yang Berhormat sebutkan tadi, memang kita akan berbaik-baik dengan semua negara dari segi diplomatik dan perdagangan yang sihat dan menguntungkan.

Kita juga mengambil langkah berkecuali. Jadi, di dalam PBB Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyarankan baru-baru ini bahawa kita mahu kuasa veto diganti dengan mekanisme yang lebih adil dan mewakili semua ahli PBB. Maka ini, kita juga akan terus menyuarakan di dalam mana-mana platform demi memastikan bahawa keselamatan dan juga keadilan sejagat dapat dilaksanakan di bawah mana-mana forum antarabangsa. Terima kasih.

**6. Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan langkah yang diambil untuk memastikan pengguna internet tidak menyalahgunakan isu-isu perkauman dan keagamaan untuk kepentingan politik hingga menjaskan keharmonian negara.

**Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Batang Sadong. Izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat Hulu Selangor pada 20 November 2019, soalan nombor 27 kerana ia menyentuh isu yang sama dan berkaitan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu jawatankuasa khas yang dinamakan Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-MCMC telah ditubuhkan bertujuan untuk memerangi ancaman jenayah siber secara lebih strategik dan bersusun.

Jawatankuasa yang dianggotai oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial PDRM dan SKMM ini berperanan untuk menyelaraskan tindakan penguatkuasaan yang lebih pantas dan bersepada ke atas sebarang perlakuan jenayah siber di negara ini, terutamanya apabila ia melibatkan isu-isu sensitif seperti 3R – *race, religion and royalty*, dengan izin. Jenayah siber di negara ini juga termasuk *Macau scam*, perjudian atas talian, pencurian maklumat, pengubahsuaian program atau data komputer dan penggodaman.

Selain itu, SKMM juga giat dalam mendidik rakyat Malaysia supaya menjadi pengguna media sosial yang berhemah. Melalui Program Klik Dengan Bijak (KDB) yang diperkenalkan pada 2012, SKMM berusaha membudayakan penggunaan internet secara berhemah menerusi tiga teras utama iaitu keselamatan, kewaspadaan dan tanggungjawab yang menitikberatkan kawal selia kendiri. Kini program tersebut telah menjangkau hampir 5 juta rakyat Malaysia.

Tambahan pula, portal sebenarnya membolehkan rakyat Malaysia menyemak kesahihan maklumat yang diterima sebelum berkongsi dengan orang lain. Berkenaan laporan yang diterima oleh SKMM melibatkan isu 3R, pihak SKMM telah menerima sejumlah 21,296 maklumat daripada orang awam di media sosial dalam tempoh enam minggu pertama sejak platform khas penyaluran maklumat bagi kandungan 3R itu diwujudkan pada 17 Ogos yang lalu. Platform 3R membolehkan rakyat Malaysia untuk memberi maklumat mengenai penyebar kandungan berunsur perkauman, keagamaan dan menghina institusi diraja demi kepentingan bersama.

Daripada jumlah keseluruhan maklumat yang diterima oleh SKMM, 19,668 masih dalam proses pengesahan. Manakala 259 maklumat yang diterima telah pun diambil tindakan. Tindakan yang diambil termasuk memulakan siasatan terhadap penyebar maklumat berkenaan. Laporan

penyalahgunaan dan penurunan kandungan dengan kerjasama pihak penyedia platform media sosial serta merujuk kepada pihak berkuasa lain untuk tindakan susulan.

Tempoh tindakan susulan yang diambil berbeza mengikut setiap kes. Penelitian SKMM mendapati 80 peratus daripada maklumat yang diterima mempunyai kandungan berbaur perkauman, manakala 20 peratus lagi menjurus kepada isu agama. Pihak kerajaan juga mahu mengingatkan rakyat Malaysia supaya bertindak matang dan tidak memuat naik sebarang mesej berbaur 3R yang boleh mengganggu gugat ketenteraman dan keharmonian awam. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang membantu untuk menjawab. Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan banyak perkara yang telah dilakukan dan kita nampak perkara ini menjadi satu kebiasaan pada hari ini, ketika ini di mana banyak berlaku penyebaran seperti ini.

Apa yang saya hendak tahu ialah berapa banyak kes yang sudah dibawa ke mahkamah? Kita hendak tahu keberkesanan kes ini. Oleh sebab ada yang menyatakan sudah dilaporkan kepada polis tetapi tidak ada tindakan. Jadi, kita hendak tahu mungkin ada sebab-sebab tertentu kes itu tidak diambil tindakan oleh polis dan tidak diteruskan untuk ke mahkamah. Jadi, kes yang di mahkamah itu, keberkesanannya sejauh mana telah berlaku? Terima kasih.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong atas soalan tambahan. Saya akan mengarahkan supaya kementerian akan menjawab secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada soalan tambahan kedua? Soalan ini sebenarnya bersekali dengan Yang Berhormat Hulu Selangor. Yang Berhormat Hulu Selangor, saya bagi peluang untuk bertanya.

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah memandangkan pada hari ini isu perkauman selalu dimainkan oleh ahli-ahli politik yang memecahbelahkan perpaduan yang sedia ada di negara kita. Jadi kepada kerajaan, apakah tindakan yang akan diambil terhadap untuk menyatupadukan rakyat di negara ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Baru Bian:** Tuan Yang di-Pertua, sama juga saya akan meminta Menteri akan menjawab secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kerja Raya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia kerana kita tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada keuzuran. Pertanyaan jawab lisan seterusnya, saya jemput Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan, saya tidak akan berpantun tetapi saya ada satu permintaan ataupun satu cadangan supaya Parlimen kalau boleh mengaturkan *medical check-up* untuk kesemua 222 orang Ahli Parlimen. Oleh sebab saya lihat rata-rata setiap Ahli Parlimen mereka bekerja dengan rajin sehingga mereka terlupa menjaga kesihatan masing-masing. Saya berharap supaya

Parlimen boleh mempertimbangkan. Kalau Yang Berhormat Bintulu tidak hendak, diam sahajalah, tidak payah bising.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Kecuali Yang Berhormat Bintulu, biarkan dia.

7. **Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah inisiatif-inisiatif kesihatan (sedia ada dan yang bakal diperkenalkan) untuk golongan berpendapatan M40.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Kota Melaka. Perkara itu sebenarnya atas permintaan Yang Berhormat Kota Melaka itu, sedang kita pertimbangkan. Saya memang telah berbincang dengan Ketua Pengarah Kesihatan sebenarnya, memandangkan kita perlu menjaga kesihatan MP-MP kita. Baik.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memastikan kebajikan rakyat terus kita bela tanpa mengira kelas pendapatan rakyat. Namun begitu, memang ada program-program yang khusus, yang menjurus kepada kelas pendapatan. Seumpama Program Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) bagi membantu mereka yang sangat

#### ■1110

Namun begitu, golongan berpendapatan M40 atau *middle M40* atau menengah 40 masih juga menikmati pelbagai bantuan kerajaan dalam beberapa services yang kita berikan oleh KKM. Contohnya, perkhidmatan kesihatan bagi seluruh rakyat termasuk golongan M40 di fasiliti KKM adalah bersubsidi dengan kadar bayaran minimum atau percuma. Caj yang kita kenakan RM1.00 bagi pesakit luar *as an outpatient* dan RM5.00 bagi klinik pakar. Contoh caj RM1.00 adalah merangkumi pendaftaran, perundingan, siasatan seumpama X-ray, ujian air kencing dan juga ubat-ubatan. Bayaran RM1.00 *as an outpatient*, bayaran hanya RM1.00.

Caj RM5.00 bagi klinik pakar juga adalah merangkumi pendaftaran, perundingan, siasatan seperti mana saya sebutkan tadi X-ray dan juga ujian air kencing dan ubat-ubatan bagi kes yang dirujuk oleh doktor perubatan kerajaan. Rujukannya daripada doktor perubatan kerajaan, *it is still* RM5.00. Bagi kes yang dirujuk oleh pihak swasta, pesakit perlu memberi kos bagi segala siasatan berdasarkan kos yang seperti dinyatakan dalam Perintah Fi (Perubatan) 198. *They are subjected to fi* perubatan itu kalau dirujuk oleh pihak swasta atau pun fasiliti swasta.

Caj maksimum bagi pesakit kelas tiga pula, adalah tidak melebihi RM500, *cap* pada RM500 bagi setiap kemasukan *as inpatient*. Kita cakap tadi *outpatient*, ini *inpatient* bagi setiap kemasukan hospital. Untuk warga emas pula, diberikan diskaun 50 peratus dan dikenakan maksimum caj sebanyak RM250 sahaja. Pemegang kad OKU juga, diberikan pengecualian seterusnya di kelas tiga.

KKM juga mempunyai mekanisme dalam membantu pesakit-pesakit yang tidak mampu dan kurang berkemampuan melalui Tabung Bantuan Perubatan di hospital-hospital. Tabung ini

ditubuhkan sejak tahun 2005 untuk membiayai sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan dan perubatan penyakit kronik yang dirangkum dalam pelbagai disiplin seperti kardiologi, ortopedik, otorinolaringologi atau ENT, pediatrik dan sebagainya.

KKM juga telah menyediakan subsidi bagi pesakit kurang berkemampuan untuk mendapat rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) dengan menanggung sepenuhnya atau sebahagian kos perbuatan dan rawatan tertakluk kepada pesakit memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam peraturan yang berkuat kuasa. Secara purata, KKM membelanjakan RM450 juta setiap tahun bagi yang tidak berkemampuan yang dirawat di IJN yang merupakan pesakit yang kita *refer* kepada IJN, kita berikan pembiayaan itu. Rata-ratanya RM450 juta. Ada juga yang lain tetapi saya rasa sudah cukup untuk sekadar itu Tuan Yang di-Pertua.

KKM terus komited untuk memastikan rakyat dapat menikmati akses atau capaian kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti berasaskan keperluan tanpa terdedah kepada kesulitan atau *hard in economic impact* sejajar dengan apa yang kita sebutkan sebagai *Universal Health Coverage* maknanya dengan memberikan liputan dan *accesibility* (capaian) kepada semua rakyat, *leaving no one behind* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya kemukakan soalan tambahan, saya ingin mengalu-alukan pelawat daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist daripada Kuala Langat. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin ucapkan terima kasih kepada kementerian atas inisiatif-inisiatif yang telah diambil. Walau bagaimanapun, ramai juga yang mendapat perkhidmatan daripada hospital swasta dan kita lihat hari ini hospital swasta apabila mereka mengenakan harga ubat mereka *mark-up* RM100 hingga RM200 *percent* tinggi lebih daripada harga pasaran.

Jadi, daripada aspek ini sudah pastinya membebankan pesakit yang terpaksa membayar sendiri ataupun mereka bayar dengan *medical card*. Oleh sebab sungguhpun mereka bayar dengan *medical card* tetapi akhirnya, oleh sebab harga ubat yang terlalu tinggi mereka cajkan, akhirnya premium *medical card* ini juga akan meningkat.

Jadi, apakah langkah-langkah yang akan dijalankan oleh kementerian untuk mengawal situasi ini? Juga, bagi mereka yang tidak memilih untuk pergi ke hospital swasta, mereka pergi ke hospital awam, contohnya bagi penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis, tekanan darah tinggi, bekalan yang diberikan oleh hospital awam hari ini ialah hanya sekadar untuk penggunaan dua minggu sahaja.

Ertinya, mereka terpaksa pergi setiap dua minggu. Sudah pasti ini membebangkan pesakit dari segi mereka terpaksa ambil cuti, setengah hari berada di hospital awam. Ini membebangkan dan juga kos pengangkutan mereka ini semua. Jadi, bolehkah kementerian memberi kelonggaran supaya mereka dapat bekalan sekurang-kurangnya untuk tiga bulan bagi penyakit yang tidak berjangkit ini? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Melaka. Ya, sebenar-benarnya kalau Yang Berhormat Kota Melaka memerhatikan beberapa cadangan yang sedang kami usahakan sebagai inisiatif Kementerian Kesihatan adalah untuk apa yang diistilahkan sebagai mengawal harga ubat-ubatan (*drug price control*). Ia masih lagi dalam proses di mana saya telah melibatkan dalam satu libat urus ataupun *engagement*, mengadakan *town hall*, perbincangan dengan fasiliti-fasiliti kesihatan swasta, juga klinik-klinik swasta.

Rata-ratanya sedang memerhatikan satu mekanisme untuk akhirnya dapat sedikit mengawal apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Melaka sebagai caj ubat-ubatan yang sangat tinggi. Kita tahu bahawa pihak swasta suka menggunakan *original drug* ataupun *patented drug* dengan kerana itu adalah ubat-ubatan berbanding dengan *generic* yang lebih murah. Mereka suka menggunakan *patented drug* kerana ia adalah jauh lebih mahal.

Perkara ini sedang kami, bukan sedang tetapi sudah beberapa pusingan telah kita adakan perbincangan untuk akhirnya untuk mendapatkan mekanisme mengawal harga ubat-ubatan. Itu yang boleh saya sebutkan dalam waktu yang ada. Apa tadi soalan aspek kedua Yang Berhormat Kota Melaka?

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Penyakit yang tidak berjangkit.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Bersabitan dengan pemberian sama ada sebulan atau tiga bulan. Semua ini adalah dalam polisi. Kita tidak boleh beri terlalu lama, yang pentingnya apabila ubat kita berikan dan ubat-ubat itu adalah lazimnya percuma kita berikan, kita mahukan apa yang diistilahkan sebagai pematuhan pesakit dalam mengambil ubat-ubatan. Jadi, *we want to monitor them*. Kita hendak tahu sama ada setelah diberikan ubat-ubatan, apakah mereka mengambilnya. Apabila telah diambil, apakah ia dalam satu aras atau julat kawalan, sama ada tekanan darah tinggi mereka ataupun dari sudut glukosa *level* mereka. Itu semua memerlukan kekerapan ataupun *follow-up* untuk mereka datang.

Jadi, kalau terlalu lama juga kita tidak tahu sama ada *compliance* dan *effective management of the patient* itu boleh kita pantau. Jadi, sebab itu kita berikan dalam begitu ataupun juga untuk membantu, kita juga ada prosedur dan mekanisme lain untuk mendapatkan dan menghantar ubat-ubat itu kepada mereka termasuk melalui pos. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memberi sedikit, bahawa semenjak tahun 2000 lagi sebenarnya perkhidmatan kesihatan Malaysia itu dianggap yang terbaik di dunia, sama tahap dengan yang terbaik di dunia. Akan tetapi, masih menjadi satu persoalan bahawa warga emas masih tidak mendapatkan- ini yang saya disebutkan dalam kerangka yang terbaik ini, masih ada yang sedikit tertinggal. Apakah rancangan kementerian?

Kedua, masyarakat di luar bandar masih terpinggir, khususnya di Sarawak, 45 peratus masyarakat masih duduk di luar bandar dan klinik di hospitalnya belum teratur sebeginu rupa.

Dahulu pernah diperkenalkan Klinik 1Malaysia, saya tidak sangat bersetuju sebab dia boleh dilaksanakan di bandar tetapi tidak boleh dilaksanakan di luar bandar. Jadi apakah alternatif kerajaan untuk *how to address* kelemahan di luar bandar? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Santubong. Yang Berhormat Santubong tentunya tahu bahawa dalam kerangka besar WHO apa yang diistilahkan sebagai *Universal Health Coverage (UHC) leaving no one behind*, dengan izin *reaching the unreached in the remotest areas of Sabah and Sarawak* di Borneo Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1120

Tuan Yang di-Pertua, memang kita sudah pun memulakan – dari sudut *accessibility*, dari sudut capaian klinik-klinik kesihatan. Betul! saya perlu akui dan saya sendiri telah melawat tempat-tempat yang agak *remote* di Sarawak dan juga di Sabah di mana memang kita tidak dapat *ratio* Sabah dan Sarawak. Contohnya *doctors* kepada *population*, juga berbeza dengan *ratio doctors* kepada *population* di Semenanjung contohnya. Kurang lebih kita dapat puratanya *one doctors to 500 on average national ratio but* di Sarawak adalah sebanyak satu hingga kadang kala sebanyak 1,000 *population*.

Saya sangat memahami tentang apa yang Yang Berhormat Santubong sebutkan dan inilah di antara perkara yang sedang kita pertingkatkan, bukan sahaja *facilities*, terutama klinik-klinik, capaian klinik itu adalah sangat penting dan juga untuk memastikan bahawa tidak ada yang tertinggal. Begitu juga kita ada *barriers form of*, cara untuk sama ada *the mobile clinic*, dahulu kita ada *flying doctors* kita pergi dengan apa pun cara melalui *four wheel* dan sebagainya. Ini adalah untuk kita pertingkatkan lagi dari sudut capaian yang boleh kita pertingkatkan seterusnya.

Jadi saya kira sekadar itu yang boleh saya sebutkan...

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Warga emas, warga emas Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Warga emas khususnya, saya tahu walaupun OKU mendapat pengecualian sepenuhnya, warga emas dilihat dari segi – itu satu perkara yang, satu isu yang boleh kita berikan sedikit lagi tumpuan. Walaupun dalam warga emas ini saya lebih menekankan aspek apa yang diistilahkan sebagai *the aging population coming*. Oleh sebab itu penekanan kita kepada *hospice*, penekanan kita kepada *palliative care*, penekanan kita kepada *emerging reality* itu adalah dalam perangkaan kami untuk mempertingkatkan. Itu sangat penting Yang Berhormat Santubong dan saya yakin kita akan memberikan – dahulu *is always been a leap service, suddenly the aging society* sudah sampai ke sini, Malaysia ini masyarakat menua. Jadi, *towards palliative care, hospice*, ini adalah antara perkara yang kita berikan dalam menangani dan mengurus warga emas. Terima kasih Yang Berhormat Santubong.

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]:** Tuan Yang-dipertua,

*Dari dulu sampai sekarang,*

*Keningau sentiasa ingin maju ke hadapan,*

*Soalan saya nomor lapan.*

8. **Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menyalurkan peruntukan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan dalam Bajet 2020 untuk membangun dan memajukan Gunung Trusmadi (gunung kedua tertinggi di Sabah dan Malaysia) dan kawasan-kawasan peranginan dan pertanian berhampiran sebab kawasan tersebut berpotensi besar untuk pelancongan dan pertanian tanah tinggi.

**Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]:** Orang bagi pantun saya pun bagi pantun jugalah.

*Bangau oh bangau,*

*Ini jawapan untuk Keningau,*

Terima kasih Yang Berhormat Keningau, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, penyaluran peruntukan kepada kementerian-kementerian lain adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Berhubung peruntukan Pembangunan dalam Bajet 2020, kementerian tidak mendapat sebarang permohonan daripada kerajaan negeri bagi membangun dan memajukan Gunung Trusmadi. Walau bagaimanapun, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), kementerian ini telah pun memperuntukkan sebanyak RM4 juta bagi peningkatan kemudahan pelancongan di Hutan Simpan Trusmadi. Komponen yang terlibat bagi projek ini adalah menaik taraf denai pendakian ke puncak Gunung Trusmadi, membina rumah rehat serta pondok rehat di sepanjang denai pendakian ke puncak Gunung Trusmadi dan membina *checking station* dengan izin, di Sinua, Sook. Projek ini telah pun disiapkan dan diserahkan kepada pengurusan Jabatan Perhutanan Sabah pada 20 Disember 2013.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Gunung Trusmadi adalah merupakan produk pelancongan utama bagi salah satu kluster yang akan dibangunkan iaitu kluster ekopelancongan Kota Kinabalu, Tambunan, Crocker Range National Park, Keningau, Tenom yang merangkumi produk ekopelancongan terkenal lain seperti *Kipandi Butterfly Park*, Tamu Keningau, *Keningau Craft Center*, *Sabah Agriculture Park* dan Gunung Senagang. Menerusi pembangunan kluster ekopelancongan ini, aktiviti ekopelancongan di Gunung Trusmadi dan kawasan sekitarnya akan dapat dibangunkan dengan secara holistik dan meliputi inisiatif komuniti *base tourism* dengan izin, dalam kluster tersebut.

Secara umumnya, bagi cadangan pembangunan projek pelancongan yang akan datang terutama sekali di Gunung Trusmadi, kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan agensi negeri terutama sekali Kementerian Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah (KePKAS) dalam mempertimbangkan sebarang cadangan pembangunan pelancongan domestik dan antarabangsa di negeri Sabah bagi memastikan produk pelancongan di Malaysia dapat dibangunkan dan dapat memberi manfaat kepada masyarakat tempatan. Sekian, terima kasih.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat].*

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]:** Ya, Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan yang padat. Walau bagaimanapun saya ada beberapa soalan. Pertama, berapakah peruntukan yang telah disalurkan untuk pembangunan ekopelancongan dan *homestay* di Sabah dan Sarawak? Bilakah pengasfaltan jalan ke Gunung Trusmadi dapat dimulakan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri melawat Gunung Trusmadi ini selepas *monsoon*. Terima kasih.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Keningau. Sememangnya Gunung Trusmadi merupakan gunung tertinggi kedua selain daripada Gunung Kinabalu dengan ketinggian 2,642 meter. Ia merupakan salah satu tarikan kepada pendaki-pendaki yang *hardcore, hardcore hikers*.

Dengan ini kita juga dapatti ada tiga pintu masuk utama iaitu melalui Keningau, melalui Tambunan dan melalui Sook. Ketiga-tiga ini boleh diakses dengan kenderaan *four wheel drive* dengan izin. Manakala laluan dari Sook mempunyai kemudahan infrastruktur jalan raya yang lengkap. Jadi saya – seperti apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Keningau, ada jumlah – mungkin saya bagi jawapan bertulis, jumlah peruntukan yang diberi untuk meningkatkan ataupun membangunkan kluster ekopelancongan yang saya sebut tadi. Kami seperti yang sedia maklum akan bekerjasama dengan kerajaan negeri, jikalau kerajaan negeri memohon untuk pertambahan atau pun mohon untuk dibangunkan akses tersebut.

Saya juga dapatti bahawa di Sabah juga ada inisiatif oleh kerajaan negeri di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah. Dua hari lepas ada satu artikel yang menyatakan bahawa mereka ingin membangunkan *rural base tourism* dengan izin, melalui pembangunan Mini Estet Sejahtera (MESEJ). Antara dua pembangunan yang dinyatakan ialah di MESEJ Kaingaran di Tambunan dan MESEJ Kinolosodon iaitu di Papar. Kita akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah dalam membangunkan kedua-dua Mini Estet Sejahtera yang telah dimaklumkan tadi. Terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, *nature lovers* memang suka datang ke Malaysia kerana kita mempunyai gunung dan gua-gua. Adakah kementerian berhajat untuk bekerjasama dengan *corporation*, syarikat-syarikat besar untuk mereka ini mengambil anak angkatkan sama ada gua-gua di Sabah, di Sarawak ataupun gunung-gunung supaya apabila di *promote* itu, dia *promote* syarikat dia, dia juga *promote nature* yang kita ada di seluruh dunia. Jadi, kementerian menjadi dia punya pemangkin tetapi yang *finance* itu besar kemungkinan oleh syarikat-syarikat besar. Jadi syarikat besar boleh menjadikan gua ataupun gunung-gunung ini sebagai bahan *promotion* mereka sekali gus dengan produk-produk yang ada di negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Petani. Memang menjadi salah satu dasar ataupun polisi dan fokus Kementerian

Pelancongan, Seni dan Budaya adalah untuk memajukan ekopelancongan ataupun *ecotourism* dengan izin.

■1130

Caving iaitu gua-gua tadi, *hiking* gunung-gunung adalah antara aset-aset yang dimiliki oleh negara kita. *Alhamdulillah* kita mempunyai aset yang cukup baik dan mereka ini mempunyai beberapa pemandu pelancong ataupun dipanggil *nature guide* yang sememangnya cekap dalam bab untuk membawa pelancong-pelancong ke beberapa tempat yang dinyatakan tadi. Kita memberi lesen kepada mereka dan kita juga mempromosikan melalui *Tourism Malaysia* tempat-tempat yang menarik yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi.

Tentang kerjasama dengan beberapa syarikat besar yang ingin mahu *collaborate* dengan izin, dengan Kementerian Pelancongan. Kita sentiasa mengalu-alukan syarikat-syarikat ini untuk mengambil anak angkat dengan memajukan beberapa tempat ini dengan sendirinya dan kita kalau ada syarikat-syarikat besar yang ingin masuk ataupun ingin melabur dalam projek pelancongan di Sabah bersama Kementerian Pelancongan, kita amat-amat alu-alukan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Tuan Yang di-Pertua minta...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan itu tamatlah sesi soal jawab lisan. Silakan.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]:** *[Bangun]*

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta *injury time* sebab tadi Dewan telah ditangguhkan selama 10 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya seperti yang dibangkitkan dahulu, sebenarnya saya tidak mempunyai begitu luas bidang kuasa untuk menambahkan lagi 15 minit. Akan tetapi terpulanglah kepada Dewan kalau Dewan hendak 15 minit lagi.

**Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]:** Setuju, setuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi jangan bangkitkan *point of order* lah ya.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bangkitkan? Bangkitkan, tidak payahlah, teruskan. Ya. Silakan menjawab Menteri, Rang Undang-undang. *First reading, first reading.* Sebab ada bantahan. Ya, silakan Menteri.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG HAK CIPTA (PINDAAN) 2019****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Hak Cipta 1987; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG FRANCAIS (PINDAAN) 2019****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Francais 1998; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.33 pagi.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 12 November 2019.”

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020****DAN****USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Anggaran Pembangunan 2020 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Keempat]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Maksud B.15 [Jadual] –**

**Maksud P.15 [Anggaran Pembangunan 2020] –**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahi Yang Berhormat, saya maklumkan hari ini perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2020 untuk Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Jadi, seperti biasa had tempoh masa perbahasan dihadkan selama 10 minit bagi setiap Yang Berhormat untuk berbahas. Akan tetapi senarainya juga panjang. Jadi, kita bermula dengan 10 minit. Kalau ramai yang ingin bercakap, selepas ini saya ingat seperti biasa kita kurangkan menjadi 7 minitlah. Akan tetapi bukan sekarang, sekarang 10 minit dan Yang Berhormat Menteri akan menjawab seperti biasa juga selama 60 minit.

Kepala Bekalan B.15 dan Kepala Pembangunan P.15 di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Pengerang, silakan.

**11.36 pagi.**

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai Butiran 16200 iaitu berkenaan Projek Jalan FELDA dengan peruntukan sebanyak RM100 juta dalam tahun 2019 dan RM70 juta untuk tahun 2020. Saya yakin Yang Berhormat Menteri peka dengan isu kawasan FELDA malah beliau sendiri telah meluluskan kembali salah satu projek pembinaan masjid yang telah dibatalkan oleh kerajaan iaitu Projek Masjid Taman Bayu Damai. Namun, amat besar harapan saya pada Yang Berhormat Menteri untuk meluluskan dua lagi projek masjid yang telah dihentikan di bawah FELDA iaitu Masjid FELDA Air Tawar 5 dan FELDA Semuncu. Saya juga ingin meneruskan pada Butiran 16200 mengenai Projek Jalan FELDA.

Selain daripada tiga projek masjid yang telah dihentikan oleh kerajaan, terdapat satu lagi projek pembinaan jalan pintasan dan menaik tarafkan simpang di FELDA Gugusan Adela. Projek ini telah disenaraikan dalam *rolling plan* keempat RMK-11 namun turut dihentikan oleh kerajaan atas alasan tahap perkhidmatan jalan, *level of service* berada pada tahap LOS-A iaitu aliran

masih lancar. Saya juga telah bangkitkan namun ini tidak mendapat maklumat balas, makluman positif. Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 00117 berkenaan dengan Pembangunan Perkampungan Nelayan.

Seperti yang diketahui, saya ingin tujukan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan pembangunan perkampungan nelayan yang mana di kawasan Parlimen Pengerang terdapat 10 buah kampung nelayan iaitu Kampung Punggai, Kampung Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Kampung Teluk Ramunia, Kampung Pasir Gogok, Kampung Sungai Rengit, Kampung Tanjung Serindit, Kampung Sungai Layau, Kampung Linting, Kampung Tanjung Surat dan Tanjung Buai. Di sini seperti yang mana diketahui oleh Yang Berhormat Menteri bahawa Projek Rapid telah diwujudkan di Parlimen Pengerang dan kawasan-kawasan sebahagian daripada 10 kampung nelayan ini telah diambil alih yang mana bila kita melihat kepada pembangunan perkampungan nelayan.....

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Pengerang, Projek Rapid.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Sekejap, saya hendak habis ya. Kalau kita lihat kepada pembangunan perkampungan nelayan. Diharap kepada Yang Berhormat Menteri mesti meletakkan tentang kewujudan kampung nelayan, pembangunan kampung nelayan sebagai satu *one stop center* ya.

Saya ingin memohon bahawa kerajaan perlu melihat kepada elemen dengan izin, *fishermen poverty and survival structure* yang mana kita tahu bahawa golongan-golongan mereka yang dikenali sebagai nelayan ini mempunyai cabaran yang begitu besar kalau kita bandingkan daripada golongan-golongan yang lain. Bukan sahaja mereka menyabung nyawa bila keluar mencari rezeki tetapi juga tidak mempunyai kemampuan dari segi teknologi. *One stop center* yang saya cadangkan ini kepada Yang Berhormat Menteri kalau boleh memberikan bantuan kepada para nelayan supaya mereka bukan saja dapat menangkap tetapi juga memproses tangkapan supaya dapat diwujudkan sistem pembangunan kepada tangkapan yang mana boleh memberikan mereka kebolehan yang lebih positif dalam mencari rezeki. Silakan Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Mengenai Projek Rapid ini, adakah Yang Berhormat Pengerang beranggapan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ekonomi akan menjual projek Rapid ini kepada negara asing kerana di bawah kementerian ini Khazanah misalnya telah menjual banyak perkara. Hampir RM50 bilion aset negara dan dalam zaman kita RM30 bilion, naik jadi RM117 bilion harta. Adakah Yang Berhormat Pengerang ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berapa banyak harta yang telah dibeli oleh kementerian ini?

■1140

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Memang satu soalan yang begitu baik kerana bila kita melihat kepada projek RAPID, bukan sahaja kampung-kampung tempatan telah diambil alih untuk pembangunan minyak dengan gas

storage dengan izin, projek RAPID ini juga boleh dilihat sebagai projek yang boleh membantu ekonomi Southern Johore dengan izin, yang mana kalau kita lihat daripada segi kemampuan projek ini, ia boleh memberikan satu cabaran kepada sistem storage minyak dengan gas yang berada di Singapura. Sama ada *competitive* dengan izin, ataupun *complimentary*.

Jadi apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Pontian, memang satu soalan yang juga saya tertanya-tanya kerana saya sendiri telah menjemput Yang Berhormat Menteri untuk turun ke projek RAPID, dengan izin. Saya harap beliau beritahu saya— mungkin tahun depan dan kita melihat kepada projek RAPID ini, bukan sahaja projek ini telah mewujudkan banyak pengorbanan kepada masyarakat setempat, terutama sekali golongan orang-orang kampung luar bandar tetapi projek ini menjanjikan kerja-kerja bagi generasi-generasi terutama sekali generasi muda.

Kalau kita lihat daripada segi projek RAPID ini, semenjak kerajaan mengambil alih, begitu sunyi dan senyap. Saya melihat bahawa pelabur-pelabur dalam industri minyak dengan gas, wajib mempunyai keyakinan dengan kerajaan kerana keyakinan ini akan memberikan lebih banyak pelabur dan kalau kita bandingkan dengan Singapura dengan izin Tuan Pengerusi, negara yang tidak mempunyai kelapa sawit, negara yang tidak mempunyai getah, negara yang tidak mempunyai bahan-bahan asli seperti yang ada dalam negara kita telah maju daripada segi ekonomi antarabangsa dunia hanya bermula dengan perniagaan storage minyak dengan gas. Itu kelebihan Kerajaan Singapura.

Sebuah negara yang begitu kecil, yang sebahagian daripada Malaysia, yang telah keluar daripada Malaysia dan dapat membuktikan kebolehan ekonomi mereka. Jadi untuk menjawab soalan Yang Berhormat Pontian, kita juga takut kemungkinan kalau projek ini tidak diberikan galakan seperti di bawah Kerajaan Barisan Nasional, maka projek RAPID akan menjadi dengan izin, *white elephant*. Itu sahaja, Yang Berhormat Pontian.

Kemudian akhir sekali, saya merujuk kepada Butiran 00100 – Kajian-kajian Kemungkinan dan Butiran 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung/Sabah/Sarawak. Saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa baru-baru ini Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah membuat pengumuman berhubung kemiskinan tegar dan hak asasi manusia yang mana menurut beliau, pengiraan kadar kemiskinan dan impak pengiraan ini terhadap komuniti yang terlibat termasuk mereka yang terkesan dengan kemiskinan di Malaysia tidak realistik. Pengiraan rasmi untuk kadar kemiskinan di Malaysia yang mengukur kemiskinan tegar adalah terlalu rendah dan tidak menggambarkan dengan tepat realiti kos sara hidup di bandar dan di luar bandar dalam negara kita.

Kadar kemiskinan di antara 15 peratus hingga 20 peratus yang telah dilaporkan oleh Pelapor Khas adalah realistik. Ia bercanggah dengan statistik rasmi kementerian yang jauh lebih rendah. Justeru, apakah yang akan dilaksanakan oleh kementerian sebagai satu tindakan susulan dalam meneliti perkara ini termasuk adalah cara pengiraan yang diguna pakai adalah masih relevan. Adakah kajian tertentu akan dilaksanakan? Sejauh manakah sasaran B40 yang

sedia ada adalah tepat memandangkan semua inisiatif bersasar dalam membasmi kemiskinan adalah B40? Namun adalah penting penempatan golongan ini adalah tepat.

Yang Berhormat Menteri pada bulan September 2018 telah menyatakan daripada segi purata pendapatan isi rumah bumiputera pada tahun 2016, angkanya masih rendah iaitu RM6,267 berbanding dengan RM8,213 bukan bumiputera. Pada tahun 2012, kadar kemiskinan kaum bumiputera berada pada kadar 2.2 peratus berbanding kaum India, 1.8 peratus dan kaum China, 0.3 peratus. Statistik ini juga menunjukkan bahawa daripada segi ekonomi, kaum bumiputera masih lagi terkebelakang berbanding dengan kaum lain.

Dalam Kokus Reformasi dengan izin, yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Port Dickson, kita dimaklumkan bahawa statistik terkini isi rumah kemiskinan disahkan eKasih yang terkini berdasarkan cara pengiraan sedia ada, miskin tegar mencatat 55,307 isi rumah manakala miskin mencatatkan 135,032 isi rumah yang mana miskin dan miskin tegar sahaja mencatat 30 peratus daripada keseluruhan statistik jumlah isi rumah kemiskinan disahkan eKasih.

Lebih 50 peratus daripada jumlah ini adalah isi rumah dari Sabah dan Sarawak. Adakah antara perancangan pihak kerajaan untuk menangani insiden kemiskinan ini? Pengiraan kadar kemiskinan yang lebih tepat, wajib dilaksanakan bagi membolehkan dasar dirangka dengan tepat.

Saya juga ingin mengembalikan sekiranya kajian mengenai aspek *sosio protection* dan *sosio security* dengan izin, akan dilakukan kerana ia amat penting untuk diberi perhatian dan ditambah baik dalam mewujudkan kestabilan ekonomi dalam kalangan masyarakat, seterusnya mengurangkan jurang kemiskinan. Kerajaan Barisan Nasional yang terdahulu amat menitikberatkan aspek sebelum ini.

Dasar kerajaan pada hari ini untuk B40 kini jelas menuju ke arah pelaksanaan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (NPI) untuk Rancangan Malaysia Ke-12 yang mana akan dijajarkan dengan inisiatif kemakmuran bersama. Justeru, adalah penting bagi pihak kerajaan begitu proaktif dalam aspek aset tertentu dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Dengan itu kesimpulannya, saya mengharapkan kerajaan memberikan jawapan kepada butiran yang telah saya bangkitkan dan kerajaan terutama sekali kementerian harus sedar di bawah zaman Kerajaan BN, kementerian adalah satu bahagian iaitu EPU di bawah Jabatan Perdana Menteri. Hari ini, kementerian adalah satu kementerian yang begitu besar yang diberikan tanggungjawab yang begitu besar. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan membuatkan keutamaan kepada mandat beliau sebagai Yang Berhormat Menteri dalam kementerian ini yang pertama untuk kesejahteraan rakyat diberikan keutamaan. Dengan itu, Pengerang menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Di sebelah kanan, Yang Berhormat Beluran. Silakan. Atau nak beri kepada Yang Berhormat Beaufort? Sila, Yang Berhormat Beaufort.

**11.46 pg.**

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, bagi kepada wanita. Saya terus sahaja ke Maksud Bekalan Pembangunan B.15, Butiran 020200 – Kawalan dan Pemantauan. Saya melihat ada terdapat peningkatan RM46,882,000 di sini. Saya ingin tahu, apakah kawalan dan pemantauan yang perlu dilaksanakan dalam butiran ini kerana saya tertanya-tanyalah apa yang dimaksudkan dengan tujuan pemantauan dan kawalan yang memerlukan peruntukan yang banyak ini. Juga, apakah sebabnya kawalan dan pemantauan ini memerlukan peruntukan yang begitu besar? Kemungkinan kah ada sesuatu yang tidak betul yang telah dibuat sebelum ini? Jadi saya ingin tahu. Saya minta pihak Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan.

Butiran 020400 – RISDA iaitu RM200 juta diperuntukkan. Saya ingin tahu, apakah jenis program yang dilaksanakan di bawah peruntukan ini yang telah dilaksanakan sebelum ini dan yang akan dilaksanakan di bawah peruntukan RM200 juta ini. Juga saya ingin tahu, berapa banyakkah peruntukan yang disediakan untuk pekebun-pekebun kecil, khususnya di negeri Sabah. Berapa ramai kah bilangan pekebun kecil di negeri Sabah yang telah mendapat bantuan dan sokongan daripada RISDA dan berapa banyak yang akan dapat dibawa bagi tahun 2020 nanti?

Butiran 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung/Sabah/Sarawak. Saya lihat bahawa peruntukan ini menurun daripada tahun 2019 sebanyak RM110 juta kepada RM95 juta bagi tahun 2020. Saya ingin bertanya, mengapakah peruntukan untuk projek kemiskinan ini dikurangkan sedangkan keperluan untuk membantu mereka yang miskin ini adalah masih tinggi lagi? Untuk Sabah dan Sarawak khususnya mereka yang masih lagi termasuk dalam golongan miskin ini adalah tinggi. Maka, keperluan peruntukan itu tentulah masih lagi tinggi sepatutnya. Jadi, saya ingin bertanya mengapakah peruntukan ini dikurangkan? Mengapa tidak ditambah? Sepatutnya ditambah. Kalau kita berniat—kerajaan ini saya yakin berniat untuk mengurangkan lagi kalaupun tidak dapat mensifarkan tetapi mengurangkan kadar kemiskinan di negara kita ini khususnya bagi kami di negeri Sabah dan di Sarawak. Maka tentulah peruntukan yang diperlukan untuk tujuan ini patut ditingkatkan lagi.

Tentunya peruntukan yang disediakan ini adalah untuk tujuan keberkesanan apa yang dilaksanakan nanti di bawah butiran ini. Jadi, saya berharap sangatlah supaya pihak kementerian memberikan penelitian semula kepada butiran ini. Jangan diturunkan tetapi usahakan untuk ditingkatkan lagi supaya apa juga kerja-kerja yang dilaksanakan di bawah butiran ini dapat memberi kesan yang terbaik dan mengurangkan bilangan kemiskinan di dalam negara kita, khususnya di negeri Sabah dan Sarawak dan akan banyak yang keluar daripada senarai eKasih nanti, *insya-Allah*.

**■1150**

Butiran 00108 – Program Pembangunan. Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana ada pertambahan hampir RM20 juta dalam butiran ini. Saya ingin tahu, apakah jenis-jenis

program pembangunan yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan di bawah butiran ini? Saya ingin tahu juga, bila kita menyebut tentang program pembangunan ini, adakah ia juga akan melibatkan pembangunan ekonomi untuk rakyat kita khususnya yang berada di luar bandar? Oleh kerana dia disebut program pembangunan sahaja.

Saya ingin tahu, berapa ramai kah yang disasarkan, usahawan khususnya di luar bandar yang akan dimasukkan di dalam program pembangunan ini supaya kita dapat membawa keluar ramai lagi rakyat yang miskin di luar bandar itu melalui program-program keusahawanan, program-program ekonomi dan mereka tidak lagi akan tergolong dalam golongan orang-orang miskin yang memerlukan bantuan tetapi mereka yang sudah boleh berdikari.

Oleh kerana, sekian lama kita mengadakan pelbagai program-program untuk membantu orang miskin di luar bandar ini mengikut senarai yang ada di dalam eKasih tetapi kita melihat bahawa senarai eKasih itu tidak berkang malah masih lagi bertambah lagi yang masuk dalam senarai eKasih ini dan ini menunjukkan bahawa program yang dilaksanakan terdahulu itu kurang berjaya. Oleh kerana itu, saya ingin meminta kepada kementerian supaya melihat program pembangunan ini dan memberikan penekanan kepada kita mengeluarkan mereka yang miskin ini daripada senarai eKasih untuk menjadi orang yang sudah berjaya dan boleh berdikari.

Butiran 00117 – Pembangunan Perkampungan Nelayan. Saya ingin tahu, apakah perancangan pembangunan untuk naik taraf keadaan kampung-kampung nelayan kita yang ada di seluruh negara termasuk juga di negeri Sabah dan termasuk juga di kawasan saya sendiri dalam Parlimen Beaufort. Khususnya seperti rumah-rumah yang daif, rumah nelayan-nelayan kita ini daif. Mereka ini masih lagi pendapatan mereka terlalu rendah.

Begitu juga tentang keperluan jeti. Jeti mereka untuk mendarat dan tempat penyimpanan bot untuk para nelayan kita. Mereka memerlukan ini semua supaya keadaan jeti mereka untuk *landing* itu selesa, baik, selamat dan ada tempat untuk mereka menyimpan bot-bot mereka sementara mereka tidak keluar untuk ke laut. Adakah perancangan kerajaan untuk mewujudkan di kampung-kampung nelayan itu kilang-kilang untuk mereka memproses hasil-hasil daripada laut itu, produk-produk hiliran supaya mereka tidak menjual ikan sahaja tetapi juga mereka menjual hasil-hasil yang lain, hiliran daripada hasil-hasil tangkapan mereka? Ini saya ingin tahu juga.

Butiran 00121 – Infrastruktur Luar Bandar. Saya perhatikan bahawa di sini peruntukan juga telah dikurangkan sedangkan kita semua tahu bahawa infrastruktur di luar bandar ini adalah dalam keadaan banyak lagi yang memerlukan. Dia tidak seperti di dalam bandar di Kuala Lumpur dan sebagainya ini. Di luar bandar ini, jalan pun masih lagi dalam keadaan yang teruk, kata kami orang Sabah lah, daif.

Jadi, ada yang masih belum ada jalan lagi. Ada jalan yang masih lagi berlumpur, semua ini memerlukan peruntukan yang banyak. Apatah lagi kalau kawasan yang jauh-jauh itu kerana dia dalam kawasan yang terlalu jauh dan berbukit-bukit maka peruntukan yang diperlukan itu besar. Akan tetapi, sekarang ini peruntukan ini dikurangkan.

Jadi, saya ingin supaya pihak kementerian memberi tahu saya adakah ini untuk sementara sahaja atau adakah pihak kementerian akan menambah lagi peruntukan supaya keperluan kami khususnya di negeri Sabah akan dapat diberikan perhatian yang sewajarnya dan kampung-kampung kami akan dapat dinaikkan lagi infrastruktur kami, ditambah lagi kemudahan infrastruktur kami.

Ini adalah juga untuk membantu pembangunan ekonomi mereka yang berada di luar bandar kerana tidak ada guna mereka bercucuk tanam dan sebagainya tetapi oleh kerana keadaan perhubungan yang tidak baik, maka mereka tidak dapat menghantar hasil mereka untuk dipasarkan. Apakah strategi kerajaan untuk pastikan infrastruktur luar bandar dapat disediakan lagi, dinaiktarafkan dan diperbaiki kerana ini adalah keperluan yang mendesak bagi orang-orang di luar bandar.

Butiran 93500 – Projek Khas. Ini juga saya tengok menurun. Saya ingin tahu apakah yang dimaksudkan dengan projek khas ini. Apakah jenis-jenis projek yang diberikan peruntukan di bawah butiran ini? Bolehkah projek-projek untuk membantu para usahawan luar bandar, usahawan IKS dipertimbangkan dalam butiran ini? Seperti membina, memperbaiki kilang-kilang, pembuatan produk makanan dan lain-lain kerana mereka juga ialah usahawan di luar bandar IKS ini bukannya orang yang senang.

Jadi, mereka memerlukan tempat untuk mereka menghasilkan produk-produk mereka dan ini mungkin terlupa ataupun terlepas pandang oleh pihak jabatan-jabatan tertentu ataupun kementerian-kementerian tertentu apabila kita mahu membangunkan usahawan kita, kita latih mereka tetapi kita tidak membantu mereka daripada segi bagaimana mereka boleh mendirikan kilang-kilang kecil supaya mereka boleh mendapat sijil-sijil yang diperlukan.

Jadi, saya terus sambung kepada Butiran 95000 – Halal Industry Development Cooperation (HDC). Ada kaitan dengan apa yang saya sebutkan tadi kerana apabila usahawan kecil dan sederhana kita mulakan perniagaan mereka, memulakan kilang tetapi daripada rumah mereka, di dapur sendiri. Akan tetapi, sijil yang diperlukan mengatakan bahawa tidak boleh. Mesti ada bilik khas, ada tempat pemprosesan yang khas. Semua ini akan membantutkan usaha mereka untuk berjaya kerana mereka tidak akan ada peruntukan untuk melaksanakan itu. Apatah lagi untuk mendapatkan sijil halal.

Oleh kerana itu, saya ingin tanya di sini adakah di bawah peruntukan ini ada bantuan kepada usahawan IKS yang di luar bandar terutama sekali kaum wanita kita yang rajin berusaha. Adakah bantuan untuk mereka supaya mereka boleh mendapat sijil-sijil yang diperlukan dan dengan itu mereka dapat memasarkan produk-produk mereka dan mereka boleh menjadi usahawan yang berjaya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kemaman. Ada? Silakan.

**11.57 pg.**

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi kesempatan untuk saya bersama-sama berbahas dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin menyentuh Butiran 020100 – Perancangan Ekonomi. Pertamanya, saya menolak sekerasnya dakwaan yang tidak berasas oleh Pakatan Harapan Negeri Terengganu yang menyatakan proses pengagihan wang royalti negeri Terengganu dilakukan tidak adil kepada rakyat di negeri Terengganu. Ini merupakan suatu fitnah dan dakwaan yang serius kerana akaun kerajaan negeri bukan sahaja akaun yang rahsia bahkan perbelanjaan dan cara penggunaannya, kesemuanya melalui proses audit oleh agensi Kerajaan Pusat.

**Tuan Pengerusi:** Butiran Yang Berhormat?

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Ya. Butiran 020100. Oleh itu saya berharap pihak yang mengeluarkan kenyataan yang tidak berasas perlu tampil untuk menjelaskan dakwaan tersebut dan bukannya menyebarkan khabar fitnah semata-mata.

Seterusnya saya merujuk kepada Butiran 020400 – Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) yang masih sama dalam peruntukan iaitu sebanyak RM200 juta. Dalam fungsi RISDA sendiri berperanan memastikan peranan pekebun kecil mendapat purata pendapatan iaitu lah sebanyak RM4 ribu sebulan sekeluarga pada tahun 2020. Oleh itu, saya ingin bertanya, sejauh manakah fungsi ini digerakkan dalam perancangan pembangunan sosioekonomi komuniti pekebun kecil sendiri, terutamanya yang tinggal di luar bandar?

Selain itu, saya juga ingin mengetahui rancangan yang akan dilakukan bagi tahun hadapan dalam aspek ekonomi bagi memastikan bukan sahaja kawasan komuniti ini dibangunkan malah taraf hidup mereka juga ditingkatkan khususnya masyarakat yang hidup di luar bandar agar mereka tidak terus berada di takuk yang sama.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Kemaman.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Sila.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Butiran tentang RISDA ini, adakah Yang Berhormat Kemaman berpandangan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ekonomi perlu bekerjasama dengan Kementerian Industri Utama agar pinjaman yang dicadang oleh kerajaan dibatalkan kepada geran apabila misalnya, getah kita hendak tebang semula untuk tanam getah ataupun getah hendak ditebang semula untuk tanam kelapa sawit misalnya.

**■1200**

Apa pandangan Yang Berhormat Kemaman tentang geran dan juga pinjaman tanaman semula? Geran itu telah dibatalkan oleh kerajaan ini.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian, yang sepatutnya ada hubungan di antara kedua-dua kementerian ini. Saya harapkan supaya apa yang

dicadangkan oleh Yang Berhormat Pontian itu dimasukkan sebahagian daripada ucapan saya dan diberi jawapan oleh pihak Yang Berhormat Menteri kerana ia merupakan suatu benda yang penting kepada pekebun-pekebun kecil kita di luar sana. Selain itu, saya juga ingin mengetahui perancangan yang akan dilakukan bagi tahun hadapan dalam aspek ekonomi bagi memastikan bukan saja kawasan ekonomi komuniti ini dibangunkan, malah taraf hidup mereka juga ditingkatkan. Saya juga ingin tahu bagaimanakah mekanisme baharu yang digunakan dalam memastikan harga lantai getah dinaikkan kepada paras yang lebih berpatutan ekoran ketidakstabilan harga komoditi itu dengan kos sara hidup yang semakin mencabar pada hari ini.

Apakah platform ataupun pendekatan yang akan digunakan oleh pihak kementerian? Dalam muka surat 177, Butiran 03100 – Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah (FELCRA), saya menyambut baik peruntukan dalam pembentangan belanjawan baru-baru ini yang menyediakan sebanyak RM738 juta untuk RISDA dan FELCRA yang bertujuan melaksanakan pelbagai program penjanaan pendapatan yang akan memberi manfaat kepada lebih 300,000 pekebun kecil RISDA dan 100,000 peserta FELCRA. Namun begitu, saya ingin mengetahui peruntukan ini berada di butiran yang mana? Oleh kerana tidak dijelaskan secara terperinci dalam belanjawan baru-baru ini. Oleh itu, saya mohon penjelasan berhubung dengan perkara tersebut. Seterusnya, dalam Butiran 03100 – Lembaga Pemuliharaan dan Penyatuan Tanah (FELCRA). Saya mendapati berlaku penurunan yang mendadak daripada RM223 juta kepada RM84 juta yang mana sebanyak RM139 juta dipotong dalam perbelanjaan untuk pembangunan. Saya ingin penjelasan, apakah peruntukan dalam FELCRA ini dikurangkan?

Manakala, merujuk kepada Butiran 020400 – Pihak Berkusa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Saya dapat berlaku peningkatan daripada RM335 juta kepada RM522 juta iaitu sebanyak RM187 juta bertambah dalam perbelanjaan pembangunan. Oleh yang demikian, saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan apakah program-program ataupun perancangan yang telah dan akan dilaksanakan? Memandangkan Yang Berhormat Menteri selaku Menteri Ekonomi telah memperkenalkan pendekatan yang baharu iaitulah pertanian secara moden kepada pekebun-pekebun kecil RISDA dan juga peserta FELCRA tanpa bergantung sepenuhnya kepada komoditi sawit dan getah. Saya menyambut baik konsep pelbagai guna tanah FELDA ataupun pertanian campuran yang dilaksanakan demi kelangsungan hidup warga FELDA dan juga para pekebun kecil. Projek tanaman kontan ini mengambil masa yang singkat untuk mendapatkan hasil tanpa meminggirkan komuniti sawit dan getah. Namun begitu,....

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Kemaman, Sik minta sikit penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Kemaman, Tuan Pengurus. Yang Berhormat Kemaman mungkin ada membaca laporan bagaimana isu FELCRA ini, khususnya peserta FELCRA, dilaporkan hingga bulan April yang lalu lebih 21,000 peserta FELCRA yang masih belum menerima bantuan sara hidup yang sepatutnya diserahkan kepada mereka. Jadi, adakah

Yang Berhormat Kemaman setuju untuk pihak kerajaan mengambil berat hal ini dan selesaikan segera bantuan yang tertunggak ini? Terima kasih.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Terima kasih Yang Berhormat Sik. Saya minta supaya pihak kementerian memberi penjelasan, apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sik tadi iaitu seramai 21,000 yang belum menerima wang sara hidup daripada FELCRA ini. Bayangkanlah bagaimana para peserta kita, orang yang berada di luar sana yang dalam keadaan daif, dalam keadaan susah tetapi peruntukan yang seumpama itu belum lagi dijelaskan. Saya minta pihak kementerian dapat memberi jawapan yang sebaiknya. Namun begitu, sejauh mana cadangan ini mendapat sambutan dan kerjasama daripada pekebun kecil dan peneroka yang sekian lama mengusahakan tanaman sawit dan getah dengan peruntukan yang disediakan. Bagaimanakah pelaksanaannya agar tidak membebankan komuniti FELDA dan para pekebun kecil kita.

Apakah program dan teknologi terkini yang digunakan dalam menyumbang kejayaan projek tanaman campuran ini? Oleh itu, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dalam penggulungannya nanti. Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan juga isu di bawah Butiran 16200 – Projek Jalan FELDA dan Butiran 16300 – Projek Sistem Bekalan Air FELDA yang masing-masing dikurangkan sebanyak RM30 juta dan RM60 juta. Semestinya dalam bajet jika dikurangkan, kita ingin tahu sebab-sebab yang munasabah kenapa peruntukan ini dikurangkan. Saya menyambut baik dalam pembentangan Bajet 2020, sejumlah wang RM90 juta diperuntukkan dalam menaik taraf jalan dan infrastruktur asas di kawasan FELDA yang merupakan komitmen tahunan FELDA dalam memastikan warga FELDA yang berada di luar bandar terutamanya, dapat merasai kemudahan demi kelangsungan kehidupan mereka. Saya ingin mengetahui berapakah projek jalan dan sistem bekalan air kawasan FELDA yang telah dinaikkan taraf? Hal ini penting bagi menggelakkan kesulitan dan kesukaran yang dihadapi oleh para peneroka FELDA kita ketika mana menghadapi kesukaran dengan kemudahan asas sama ada air, elektrik, jalan raya yang tergendala. Apakah mekanisme baharu yang digunakan dalam mengatasi isu sama ada gangguan-gangguan bekalan air yang terputus di kawasan FELDA ini?

Kita tidak mahu lagi dengar keluhan dan rungutan para peneroka FELDA dengan isu bekalan air terputus yang sudah sekian lama. Terakhirnya Tuan Pengerusi, dalam Butiran 16500 – Program Kelestarian FELDA. Tujuan utama program ini dilaksanakan bagi memudahkan warga FELDA mengemukakan pelbagai aduan dan masalah kepada jabatan dan agensi kerajaan negeri melalui kaunter pameran yang disediakan. Oleh itu, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah keberkesanan program ini yang telah dilaksanakan dalam menyediakan platform yang baik kepada peneroka FELDA bagi mengatasi kegelisahan komuniti FELDA yang kini berdepan dengan masalah kewangan yang meruncing. Dengan peruntukan yang meningkat sebanyak RM110 juta, apakah perancangan yang akan dilaksanakan dalam Program Kelestarian FELDA, khususnya demi menjaga kemaslahatan semua warga FELDA yang berada di luar sana?

Saya rasa setakat inilah Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Kemaman, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Beluran, sudah tentu silakan.

#### **12.08 tgh.**

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin menyentuh satu butiran iaitu 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung/Sabah/Sarawak. Tuan Pengerusi, beberapa sidang yang lalu Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi telah membentangkan Laporan Kajian Separuh Penggal Malaysia Kesebelas. Antara buku tebal itu, menarik perhatian saya daripada Beluran adalah dikenal pasti bahawa Beluran adalah antara dua daerah di Sabah. Selain daripada Beluran, daerah Tongod dalam kawasan Parlimen Kinabatangan yang mencatat insiden kemiskinan dua digit, 12.1 untuk Beluran dan juga 14 peratus bagi Tongod dalam Parlimen Kinabatangan. Itu merupakan kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi semasa membentangkan Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas di Dewan Rakyat ini.

Namun, apabila kita melihat bajet yang dibentangkan di Dewan ini untuk tahun hadapan, saya melihat cuma butiran ini yang menyentuh tentang kemiskinan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung yang melibatkan tindakan terhadap *problem statement* yang dibuat dalam Laporan Kajian Separuh Penggal Malaysia Kesebelas. Jadi, apa perincian sebenarnya kalau kita lihat.

#### **■1210**

Malah kalau kita lihat tahun hadapan ini bagi Butiran Projek Kemiskinan Sabah, Sarawak dan Semenanjung ini bukan sahaja tidak dilebarkan akan tetapi dikurangkan daripada RM110 juta kepada RM95 juta.

So, saya ingin tahu apa perincian kementerian untuk menangani masalah kemiskinan yang berlaku di daerah-daerah seperti yang dikenal pasti oleh kementerian melalui Kajian Separuh Penggal Malaysia Ke-11 yang dibentangkan di Dewan Rakyat. Ini kerana kalau kita lihat melonggokkan kemiskinan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung dalam satu butiran bererti kementerian sendiri tidak melihat dan merujuk laporan yang di bentangkan dalam Dewan kerana secara spesifik Beluran dan Tongod di-*highlight* dalam laporan.

Jadi, saya ingin tahu, sejauh mana masalah insiden kemiskinan yang di *highlight* dalam Rancangan Malaysia Ke-11 yang di bentang dalam Dewan ini diambil peduli oleh kementerian melalui bajet akan datang melalui butiran ini. Saya lebih ingin melihat secara spesifik butiran-butiran di *highlight* dalam Bajet Kementerian ini untuk menangani masalah yang telah di *highlight* dalam Laporan Rancangan Malaysia Ke-11 yang lalu. Jadi ...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Beluran.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Ya, Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Salah satu kaedah untuk membasmi kemiskinan ini ialah melalui pendidikan tinggi dan kemahiran tinggi untuk anak-anak keluarga miskin. Apa pandangan Yang Berhormat Beluran jika walaupun anak-anak itu katalah UPSR, dia cuma dapat 3 A misalnya, bukan 6 A, kita bawa juga anak-anak miskin ini berada di sekolah berasrama penuh supaya mereka dapat memperbaiki kehidupan keluarga mereka setelah mereka mendapat pengajian tinggi kelak.

Ini bererti ada pertimbangan-pertimbangan khas kepada anak-anak miskin termasuklah Beluran dan juga Tongod untuk mendapatkan pendidikan tinggi dan kemahiran tinggi. Apa pandangan Yang Berhormat Beluran?

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Ya, memang setuju. Itu antara faktor bagaimana mengangkat martabat anak-anak miskin di luar bandar, pendidikan, infrastruktur, peluang ekonomi yang dibentang oleh kerajaan harus dilebarkan sehingga ke kawasan luar bandar.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Yang Berhormat Beluran tambahan.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Ya, Yang Berhormat Hulu Terengganu.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Tadi ada dinyatakan bahawa Projek Kemiskinan di bawah 00012 ini dilonggokkan sekali iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan isu kemiskinan ini adalah isu yang dibincangkan sejak berkurun-kurun dahulu dan penyelesaiannya sehingga kini nampaknya tidak menunjukkan kesan-kesan yang memberangsangkan.

Apakah pandangan Yang Berhormat Beluran kalau dicadangkan supaya projek kemiskinan ini diasingkan, Sabah, Sarawak dan Semenanjung untuk menunjukkan bahawa kerajaan fokus dan serius dalam menangani isu kemiskinan di negara ini? Apa pandangan Yang Berhormat Beluran?

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Ya, itu satu pendekatan. Saya setuju akan tetapi itu merupakan satu pendekatan. Oleh sebab itu saya ingin melihat jika dikatakan projek kemiskinan Sabah, saya ingin melihat dua kawasan ini Tongod dengan Kinabatangan, daerah Tongod dan daerah Beluran yang di *highlight* dalam laporan itu, mesti secara spesifik dibantu secara dekat oleh kementerian melalui bajet tahun hadapan, bermula tahun hadapan tidak apa, bermula sedikit tahun hadapan. Akan tetapi *I don't see* sebarang tindakan yang telah diambil melalui senarai butiran-butiran di bawah kementerian ini yang memberi fokus kepada dua daerah yang di *highlight* sebagai daerah yang mencatatkan insiden kemiskinan dua digit dalam Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11.

Jadi, itu sahaja yang saya inginkan. Saya meminta, harap-harap agar kementerian memberi fokus terhadap *problem statement* yang telah di bentang dalam Dewan ini dan penyelesaian harus di sempurnakan melalui bajet tahun hadapan. Saya kira ini merupakan gerakan untuk membasmi kemiskinan, satu gerakan yang berpanjangan dan harus di lakukan secara berterusan. Akan tetapi biar kita mula melihat perubahan-perubahan dilakukan kerajaan

melalui Bajet 2020 itu. Saya kira masih ada peluang dan masa untuk kementerian mengolah satu tindakan melalui Butiran 010012 ini agar masalah Tongod dan Beluran itu dapat diselesaikan melalui bajet akan datang. Terima kasih.

#### **12.14 tgh.**

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pergi ke Bekalan B.15 Butiran 020300 – Jabatan Perangkaan Malaysia. Terdapat sebanyak RM180 juta peruntukan telah diberikan dan juga saya ingin bercakap berkenaan – di dalam perbahasan, setiap Ahli Parlimen di dalam Dewan ini banyak menyentuh berkenaan data. Saya berharap adakah pihak kerajaan akan memperkasakan penggunaan *big data* ataupun *machine learning* di dalam Jabatan Perangkaan dan menambah baik perkhidmatan anggota-anggota dan juga pegawai-pegawai kerajaan di dalam Jabatan Perangkaan untuk menggunakan *big data* ini bagi merangka segala dasar dan juga menggubal polisi-polisi berkaitan tentang ekonomi negara.

Ini saya berasaskan bahawa melalui portal Jabatan Perangkaan atau Statistik saya merasakan tidak banyak data-data yang dapat diperoleh secara cepat. Adakah pihak kerajaan akan memperkenalkan aplikasi yang boleh diakses oleh masyarakat umum ataupun *public* atau lebih khusus kepada Ahli-ahli Parlimen supaya dapat menggunakan *big data* ini di dalam hujah-hujah bukan hanya sekadar menyebut angka-angka yang tidak pasti. Ini adalah harapan saya. Apakah perancangan kerajaan untuk membangunkan *big data* ini untuk kegunaan pada masa depan?

Saya juga terus pergi kepada Bekalan P.15 Butiran 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Sebanyak RM 95 juta peruntukan yang telah diperuntukkan. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Beluran sebentar tadi dan saya ingin mengetahui perincian apakah jumlah peruntukan yang dikhurasukan bagi negeri Sarawak. Apakah naratif baharu Kementerian Ekonomi yang akan dirangka ataupun digubal dan juga digunakan untuk memperbaiki kadar kemiskinan di Sarawak? Walaupun Sarawak mempunyai keluasan geografi yang luas dan juga sumber mineral ataupun minyak yang banyak, akan tetapi angka menunjukkan bahawa kadar kemiskinan di Malaysia, Sarawak merupakan antara negeri yang tertinggi. Saya juga ingin mengetahui apakah langkah-langkah Kementerian Ekonomi untuk merapatkan jurang pendapatan di negeri Sarawak.

Seterusnya berkaitan tentang 03100 – FELCRA. Saya ingin mendapatkan perincian daripada pihak kementerian, adakah di dalam bajet yang diperuntukkan untuk 2020 ini digunakan untuk menyelesaikan masalah-masalah hutang kepada kontraktor-kontraktor di mana kami di Sarawak terutamanya Ahli-ahli Yang Berhormat banyak menerima keluhan kontraktor-kontraktor yang membangunkan projek-projek di bawah FELCRA pada kerajaan lepas. Saya berharap agar pada tahun ini pihak FELCRA dapat menyelesaikan pembayaran projek-projek terutamanya projek-projek yang berkaitan tentang bina baharu rumah rakyat termiskin di Sarawak. Banyak

juga surat-surat telah di hantar kepada pihak kementerian dan jsaya berharap agar masalah ini dapat diselesaikan dengan cara yang baik.

Selain daripada itu, saya ingin pergi kepada Butiran 040000 – RISDA. Saya ingin mengetahui pada tahun ini untuk tahun 2020, berapakah jumlah peruntukan yang akan diperuntukkan kepada pekebun-pekebun kecil getah di Sarawak. Berapakah jumlah besar yang dapat diperolehi oleh Sarawak untuk pembangunan getah? Saya ingin membangkitkan persoalan apakah langkah yang terbaik oleh Kementerian Ekonomi ini untuk memastikan pihak pekebun kecil ini ataupun penanam-penanam getah ini dapat menghasilkan pendapatan yang mencukupi menjelang tahun 2030 nanti. Ini kerana saya melihat dalam keadaan harga getah yang tidak menentu, sudah pasti kerajaan tidak dapat menampung dan juga memberi peruntukan ataupun subsidi sepanjang masa dan juga pihak-pihak pekebun kecil ini haruslah diberikan peluang untuk mengembangkan lagi cara penanaman yang lebih moden supaya dapat hasil dikeluarkan.

Saya ingin mengetahui dalam pembangunan RISDA ini, adakah pihak akan meneruskan bantuan untuk membina rumah-rumah penanam atau pekebun kecil RISDA yang miskin. Selain daripada itu juga, saya ingin mengetahui adakah status bagi kelas tuisyen, adakah akan diteruskan pada masa yang akan datang?

#### ■1220

Selain daripada itu, saya ingin pergi kepada Butiran 93500 – Projek Khas sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan oleh pihak kerajaan dan saya ingin mengetahui butiran-butiran khusus bagi projek khas ini apakah tujuan projek khas dilaksanakan. Adakah projek khas ini dapat dipohon oleh wakil rakyat ataupun masyarakat di seluruh Malaysia. Saya juga ingin mengetahui berapakah jumlah yang diperolehi oleh Sarawak dan apakah bentuk-bentuk projek yang boleh dipohon melalui projek khas ini.

Selain daripada itu, saya ingin pergi kepada Butiran 99000 – Banci Ekonomi. Kita dapat melihat sejumlah besar peruntukan di dalam buku anggaran ini pada tahun 2020 sebanyak RM250 juta untuk kegunaan banci ekonomi. Adakah banci ekonomi ini meliputi bentuk ekonomi baru dan juga saya ingin mengetahui apakah status digital ekonomi yang dirancang, yang merupakan teras kedua di dalam perbelanjaan 2020. Saya ingin mengetahui berapa lamakah banci ekonomi ini akan dijalankan dan apakah fokus-fokus yang diberi perhatian oleh pihak kementerian di dalam banci ekonomi ini. Saya melihat kos untuk melakukan banci ini sangat tinggi dan adakah mekanisme bancian dilakukan secara *online* ataupun melalui bancian perjumpaan bersama dengan pakar-pakar ekonomi ataupun ekonomi *players* di seluruh Malaysia. Apakah tumpuan-tumpuan khusus pihak kementerian berkaitan tentang ekonomi-ekonomi baru yang dapat mengubah struktur ekonomi di Malaysia.

Saya ingin membangkitkan perkara yang terakhir iaitu 70113 berkenaan tentang Perbadanan Kemajuan Negeri Sarawak sebanyak RM3.2 juta peruntukan yang telah diberi oleh pihak kerajaan. Saya juga ingin mengetahui perincian yang telah diagihkan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Sarawak. Saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bagan Serai.

**12.23 tgh.**

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud P15 Butiran 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung, Sabah dan Sarawak, 00104 – Penyusunan Semula Masyarakat dan Butiran 00108 – Program Pembangunan.

Tuan Pengerusi, saya merujuk terus kepada Parlimen Bagan Serai yang kita ada lebih kurang hampir ‘60’ pengundi dan hampir 100,000 orang yang di Parlimen Bagan Serai. *[Disampuk] [Ketawa]* Yang Berhormat Lembah Pantai tolong.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Senang menang itu 60.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tenang, tenang.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi 60,000 pengundi dan hampir 100,000 penduduk di Parlimen Bagan Serai. Apa yang saya hendak nyatakan ialah walaupun ada yang hidupnya bagus tetapi ramai lagi yang miskin. Parlimen Bagan Serai, Parlimen luar bandar saya dapat lihat di pusat khidmat Parlimen, ramai orang susah, ramai datang minta tolong *almost* harian. Bila hendak pergi sekolah ramai yang minta bantuan untuk anak-anak pergi sekolah. Bila berlaku ribut, banjir dan sebagainya ramai yang tertekan, ramai lagi yang duduk di rumah-rumah yang usang, buruk, ramai lagi yang susah dengan pendapatan umpamanya daripada pertanian seperti sawah padi ini yang tidak dapat hendak mengharungi kos sara hidup sekarang ini.

Jadi sebab itu butiran yang saya sebut 00102 hari ini. Cabaran utama kerajaan hari ini, cabaran utama ialah untuk memastikan pertumbuhan yang akan dilaksanakan, pertumbuhan yang akan berlaku memanfaatkan kepada semua. Semua wilayah, semua kawasan bagaimana semua bangsa, semua kawasan, semua daerah kepada semua mendapat manfaatnya. Selari dengan wawasan kemakmuran bersama ini. Bagaimana kita hendak menjadikan benda ini jadi kenyataan supaya rakyat hidupnya akan berubah kali ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada kerajaan apakah langkah-langkah baru yang akan dilaksanakan, yang akan diambil. Bagaimanakah ia akan dilaksanakan, bagaimana ia akan dipantau, bagaimana ia akan dilaporkan, kita kena ada strategi macam ini. Kalau tidak nanti jadi macam Wawasan 2020 sampai hari ini bila tak jadi, bila tak dapat capai kita pun tak boleh hendak jawab. Jadi WKB ini, pertumbuhan untuk semua secara inklusif ini mestilah dilaksanakan dan dipantau, dilaporkan supaya jelas kali ini.

Tuan Pengerusi, apa Bagan Serai dapat, apakah rancangan strategik untuk Bagan Serai. Bagaimana Bagan Serai dapat memanfaatkan daripada infrastruktur yang bagus dan hebat hari ini. *Highway* lalu tiga *exit* di Bagan Serai, *airport* dekat tetapi *airports* sudah *congested*. Saya sudah banyak kali bagi tahu kita perlu *airport* di Utara Semenanjung Malaysia dan Bagan Serai adalah tempat yang terbaik sebenarnya.

Ini telah juga dinyatakan di dalam perbahasan oleh MP daripada Taiping dan juga MP daripada Beruas. *[Ketawa]* Mana Yang Berhormat Kuala Kangsar pun setuju dengan saya siapa lagi. Ramai siapa lagi.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Setuju Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Beluran, siapa lagi setuju. Tuan Pengerusi, kerajaan jangan buat tak dengar. Jangan buat pekak ini saya cakap banyak kali sudah.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Hei jangan marah kerajaanlah, jangan marah.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sebab apa kita, sebab kita sudah ada program, sudah ada pelan daripada 2010. Lain-lain negeri tidak ada lagi, Penang sudah *congested* boleh bagi cantik, tak boleh bagi perbesar. Ipoh juga tak boleh perbesar tempat itu kecil. Akan tetapi Bagan Serai ada tanah yang landai, luas yang menanti-nanti program ini untuk membasmi kemiskinan. Ini program kemiskinan. Bagan Serai menunggu bilakah kita bersetuju untuk buat *airport* yang begini.

Jadi ini yang saya hendak tanya sebab bila kita apakah sasaran pendapatan, berapakah pendapatan sekarang, apakah sasaran pendapatan dan bila akan dicapai untuk kawasan luar bandar yang miskin macam ini. Bila jadi bencana, bila air naik, bila sawah tak jadi, bila ribut datang tertekan rakyat lagi. Tadi saya dengar daripada pembahas tadi ini adalah acara tahunan sebenarnya. Macam jerebu juga acara tahunan, satu demi satu, bila datang, bila terhantuk kita pun tengadah hari ini.

Tuan Pengerusi, kerajaan hari ini dengan wawasan kemakmuran bersama ini saya harap berlaku perubahan di Parlimen Bagan Serai. *Enough is enough* dengan izin. *[Disampuk]* Oh dahsyat itu, hendak marah sangat dah. Jadi perancangan mesti bersifat mikro, jelas dan terperinci. Tak boleh perancangan akan, akan, akan sampai kiamat. Tak boleh dan perancangan tak boleh dikaji, dikaji, dikaji letih saya dengar ini.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Bakal Menteri ini, bakal Menteri.

**Seorang Ahli:** *Insya-Allah.*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Kena tanya Menteri Pertanian dulu.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ha *insya-Allah*. Orang sebelah sini kata *insya-Allah*. Saya nak dengar ini berapa kali saya sudah cakap tentang Kuala Gula sebagai tempat pelancongan, tempat burung-burung datang. Berapa kali saya cakap tentang Pulau Orang Utan, Yayasan Pulau Orang Utan. Bila sudah terbakar ini tak ada bantuan pun dulu. Bila dulu itu kerajaan dulu ya.

Tuan Pengerusi, apakah aktiviti sasaran dan bagaimana rakyat Bagan Serai dapat turut serta, *this is very important*, kemudahan awam. Saya sebut sikit dari segi pendidikan saya cakap banyak kali sekolah berasrama penuh, tadi kita cakap tentang orang-orang kampung, pelajar-pelajar kampung dapat 3A pun bagilah peluang supaya dapat ilmu, supaya dapat kelulusan tinggi,

supaya nasib orang kampung berubah apabila satu daripada anaknya jadi profesional doktor kah, engineer kah, lawyer kah.

Itu sebab tadi yang sebut tadi. Saya nampak ini sebab itu Bagan Serai minta SBP, keliling dapat, Bagan Serai tak dapat. Saya dengar dulu dia kata sudah dekat, *no way*. Apakah kriteria dia, kenapa Bagan Serai tak dapat?

**Seorang Ahli:** Baru masuk!

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Huh? *[Ketawa]*

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tak apalah orang lain sudah lama masuk.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai. Tuan Pengerusi...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Begitu juga saya sebut tentang dewan terbuka untuk sekolah-sekolah, dewan terbuka untuk sekolah-sekolah contohnya Sekolah Kebangsaan Sungai Kepar dan juga saya sebut tentang padang sekolah iaitu Sekolah Menengah Muzaffar Shah, ini saya hendak bagi *clear*. Minta maaf sahabatku Jelebu tiga minit lagi. *Please sit down.*

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jelebu minta, boleh sikit? Boleh?

**Tuan Pengerusi:** Tak boleh dia tak bagi.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kesihatan, saya sebut tentang hospital daerah Kerian di Parlimen Bagan Serai, saya dengar *delay one year*. *Why?* Sebab siapa dan juga permohonan untuk Pusat Kesihatan Besar Matang Gerdu.

#### ■1230

Sudah lama dah cakap. Tanah dekat 10 tahun sudah dapat dah. Pampasan pun sudah bagi dah.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Hari ini naik hutan.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** *[Ketawa]*

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Orang Perak hendak tanya orang Perak.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Maaf sahabatku. Ustaz, sila duduk ustaz.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jelebu tidak boleh?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Maaf sebab ada lagi dua minit.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Hospital Seri Iskandar.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Cukup masa saya bagi. Hendak habis ini. Bagan Serai memerlukan institusi latihan kemahiran yang lebih khusus...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Bagan Serai ini fasal *airport*. Fasal *airport*.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Yang lebih lengkap. Kolej komuniti yang ada sekarang ini bagus. Akan tetapi, kita hendak yang lebih baik lagi. Sebab ini

hendak ubah hidup. Tuan Pengerusi, kenapa di Bagan Serai tidak diwujudkan cawangan institusi pengajian tinggi? *Why?* Kenapa? Kenapa tempat lain dapat?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Parah.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi, saya ingin tanya sekali lagi, bagaimanakah kawasan luar bandar seperti Parlimen Bagan Serai dapat disambungkan dengan pusat-pusat bandar? Bagaimanakah program-program kemajuan masyarakat luar bandar yang lebih khusus dan berkecenderungan dengan ada kekuatan untuk masyarakat Bagan Serai.

Tuan Pengerusi, saya punya masa memang sedikit. Kalau boleh, saya hendak panjang-panjang hari ini. Saya bagi peluang Yang Berhormat Jempol kah tadi atau Yang Berhormat Parit. Sila.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Mana ada Jempol. Jelebu lah Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sorry. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Jempol dengan Yang Berhormat Jelebu ini dia macam sahabat baik sangatlah. Sentiasa ada J-J ini. Saya tidak tahu mana satu. Okey, Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Bagan Serai, saya cuma hendak tanya satu. Kerajaan dahulu kita ada buat pelajar yang dapat 3A, yakni pelajar luar bandar ini. Kita ada Destini Anak Melayu. Dapat 3A kita bagi masuk MRSM, bagi masuk SBP. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Bagan Serai tentang program ini. Program dahulu kerajaan dahulu kita buat dan dilakukan, diteruskan Destini Anak Bangsa. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Kedua, *airport* itu mungkin dapat. Oleh sebab, Yang Berhormat Menteri ekonomi sudah ada. Mungkin dapat.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Yang Berhormat Jelebu juga bersama dengan saya tentang *airport* itu dan saya bersama dengan Yang Berhormat Jelebu tentang Destini Anak Bangsa.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Okey, Yang Berhormat Menteri sudah hendak baca. Yang Berhormat Menteri sudah ada.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Destini Anak Bangsa pernah dibuat di Bagan Serai. Saya cadangkan benda ini patut diteruskan. Yang Berhormat Menteri akan jawab. Ada lagi? Yang Berhormat Parit.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Menyentuh tentang dua perkara tadi Yang Berhormat Bagan Serai, sebagaimana kita maklum bahawa hospital di daerah Kerian khususnya di Bagan Serai telah pun diluluskan bersamaan dengan hospital baharu di Seri Iskandar. Jadi, mungkin boleh dimasukkan sekali tentang permohonan tersebut. Begitu juga dengan *airport*. *Airport* juga di Seri Iskandar, tanah memang sudah pun

telah sedia ada. Yang Berhormat Bagan Serai pun sebenarnya dekat dengan Pulau Pinang. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Parit. Jadi, Yang Berhormat Parit *airport* pun bersama dengan saya dan juga— apa itu yang pertama tadi?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Hospital.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Hospital, ya. Kita walaupun berbeza tempat, berbeza bendera tetapi kita sebenarnya serupa. Kita tetap serupa. Jadi, terima kasih Tuan Pengerusi. *Alhamdulillah* Yang Berhormat Menteri pun ada dekat sini. Saya harap kerajaan akan dengar permintaan dan permohonan dan jeritan— *[Ketawa]* Jeritan orang-orang Bagan Serai. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat Papar. Selepas Yang Berhormat Padang Terap.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Sesak nafas nanti. Perlahan sedikit. Ramai yang sudah tumbang dah.

### 12.33 tgh.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** *Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, terima kasih kerana dapat sama turut serta dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Yang Berhormat Menteri, saya hendak pergi kepada pertama itu Butiran 00100 – Kajian-kajian Kemungkinan. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai dengan Kajian-kajian Kemungkinan sejumlah RM42,700,000 telah diperuntukkan untuk tahun hadapan.

Jadi, apakah kajian-kajian yang akan dibuat yakni kajian-kajian ekonomi dan kajian-kajian ini sudah tentulah melibatkan pelbagai bidang. Apabila melihat kepada sektor yang Yang Berhormat Menteri jaga ini, saya rasa dalam inilah yang ditunjukkan ini, dia semacam bertindih dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Sepatutnya *Senior Minister*, Yang Berhormat Menteri Ekonomi sudah tentulah ada perkara-perkara lain yang lebih banyak yang Yang Berhormat Menteri Ekonomi jaga dalam ini. Mungkin tidak dimasukkan dalam ini adalah pembangunan koridor yang ada lima koridor yang ada dalam ini, saya tidak nampak ada Yang Berhormat Menteri Ekonomi jaga kecuali di *Economic Planning Unit*.

Jadi, kita minta supaya kalau ada Yang Berhormat Menteri sendiri membuat pengumuman semalam di salah satu— dalam berita ada keluar tentang satu lagi koridor akan dibangunkan di Johor. Jadi, sama ada Kajian-kajian Kemungkinan ini termasuk juga— salah satu yang saya hendak bangkitkan dalam Kajian-kajian Kemungkinan ini ialah kerana satu kajian dibuat dahulu mengenai dengan pembangunan kawasan industri getah di utara Semenanjung.

Kerajaan telah membuat kajian berkaitan bagaimana kolaborasi antara Malaysia dan Thailand dalam pembangunan kawasan ekonomi ataupun zon industri hilir getah ini boleh dibuat. Kerajaan terdahulu telah membuat satu kajian mengenai dengan *Rubber City* di kawasan utara Semenanjung dan saya difahamkan, kerajaan sekarang berhasrat untuk meneruskan *Rubber City* itu. Jadi, saya minta daripada Yang Berhormat Menteri, dalam kajian itu adakah— saya difahamkan tanah sudah dibayar untuk membuat pengambilan tetapi bilakah projek pembangunan yang berkaitan dengan *Rubber City* ini akan dilaksanakan.

Kemudian, kita pergi kepada yang disebut oleh rakan-rakan yang lain iaitu Butiran 00102, Butiran 00104 dan Butiran 00108.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pendang minta laluan. Silakan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Padang Terap minta laluan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan perkara yang dibangkitkan berkenaan dengan *Rubber City* tadi. Saya dah bangkitkan beberapa kali. Saya hendak tanya Yang Berhormat Padang Terap, adakah sudah ada satu *master plan* berkenaan dengan *Rubber City* dan apakah bentuk pembinaan *Rubber City* itu membantu merangsangkan ekonomi penoreh-penoreh getah ini di sekitar dalam negara Malaysia ini. Ini kerana bentuk dia, kita hendak tahu adakah *Rubber City* ini jalan dia pakai getah kah, tiang rumah pakai getah kah atau apa bentuk dia atau kilang pakai getah kah. Hendak minta penjelasan daripada...

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Saya ingat apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pendang itu adalah bagaimana industri getah ini boleh berkembang untuk masa depan Yang Berhormat Menteri. *Rubber Research Institute* (RRI), Lembaga Getah Malaysia telah berpindah sebenarnya daripada Selangor, daripada Sungai Buloh ke Kedah.

Sudah lebih kurang 10 tahun dan sekarang ini Lembaga Getah Malaysia membuat penyelidikan di Kedah seluas 1,700 ekar kawasan di Kedah itu. Jadi, maknanya kalau *Rubber City* wujud ini, maknanya kawasan itu kawasan industri yang berasaskan kepada getah seperti kilang membuat tayar dan lain-lain yang boleh diwujudkan di situ. Jadi, itu maksud saya Yang Berhormat Pendang dan saya kira Yang Berhormat Pendang juga telah bertanya kepada kerajaan dua, tiga kali dalam soal jawab.

Seterusnya, saya hendak sebut ini adalah berkaitan dengan saya sebut tadi ialah projek kemiskinan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak menyusun semula masyarakat dan program pembangunan. Jadi, ini satu perkara yang sememangnya tidak dapat dielak dari mana-mana negara. Mesti ada kawasan yang masih lagi ada keluarga atau masyarakat yang miskin, masyarakat yang sama ada di bandar, di pinggir bandar atau di luar bandar.

Akan tetapi, saya kira bahawa eloknya kalau sebagai kementerian yang menguruskan ekonomi di dalam peruntukan ini Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Diletakkan satu perkara yang berkaitan dengan miskin bandar dan luar bandar. Saya tengok dalam kementerian

wilayah. Contohnya dalam Kementerian Wilayah Persekutuan, dia tidak ada spesifik macam dalam Kementerian Ekonomi. Maknanya, Yang Berhormat Menteri di kementerian ini ada spesifik yang boleh diletakkan berkaitan dengan kemiskinan. Seeloknya, perkara seumpama ini datang dari bawah satu kementerian di bawah Kementerian Ekonomi.

■1240

Saya kira patut diberi satu peruntukan yang lebih kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ini untuk melihat bagaimana perkara-perkara yang berkaitan dengan Butiran 00102, Butiran 00108 dapat ditambah— Yang Berhormat Arau tepuk nampak, kira sokong.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Arau dapat banyak.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Satu perkara lagi yang saya hendak sebut Tuan Pengerusi, perkara yang berkaitan dengan projek di bawah perbadanan kemajuan negeri. Tiap-tiap perbadanan kemajuan negeri diberi peruntukan dan ada yang besar, ada yang kecil dan ada yang hanya RM3 juta, ada yang RM7 juta, ada RM10 juta, ada yang RM30 juta berdasarkan kepada negeri-negeri yang mana.

Soalnya perbadanan kemajuan-kemajuan negeri ini atas pengalaman Tuan Pengerusi, sebenarnya ia adalah merupakan sebuah agensi yang kemudianya boleh menjana ekonomi dan ia patut dapat daripada penjanaan ekonomi di negeri masing-masing dan tidak perlu kerajaan banyakkan peruntukan kepada mereka ini.

Lebih penting adalah kita pergi kepada, bagaimana hendak membantu yang berkaitan seperti dalam Butiran 00117 – Pembangunan Perkampungan Nelayan. Betul, perkampungan nelayan salah satu yang disebut yang ramai Ahli-ahli Yang Berhormat sebut bahawa merupakan satu kawasan yang boleh dikatakan majoritinya masih lagi nelayan miskin dan bagaimanakah kita hendak berusaha untuk melihat mereka ada kemajuan?

Contoh kepada kerajaan, kalau boleh kita ambil salah satu kejayaan di luar negara adalah apabila konsep *Saemaul Undong* yang diperkenalkan di Korea Selatan. *Saemaul Undong* telah diperkenalkan oleh Park Chung Hee pada tahun 1970 dan hari ini usia *Saemaul Undong* itu telah lebih kurang 50 tahun iaitu pembangunan setempat yang melibatkan nelayan, yang melibatkan petani dan mereka telah dapat menembusi kejayaan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, penjelasan.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, hendak sambung fasal *Saemaul Undong* itu. Apakah Yang Berhormat ingin masukkan ucapan Yang Berhormat, ia adalah konsep buku merah yang ditiru oleh Presiden Park dan diperkenalkan *Saemaul Undong*? Apakah Menteri Ekonomi yang hebat ini ingin mengolah semula buku merah dengan adunan *Saemaul Undong* ini supaya kita ambil pendekatan yang lebih agresif? Sebab hendak tolong rakyat ini, kalau main lemah-lemah lembut, tidak selesai. Kena tolong dengan cara yang betul dan mempunyai keuntungan yang cukup. Apakah Yang Berhormat bercadang untuk bertanya kepada Menteri?

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Masukkan sebahagian daripada ucapan saya untuk bertanya kepada Menteri. Terima kasih, Yang Berhormat Arau.

Kesimpulan, Tuan Pengerusi, saya yakin bahawa...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Padang Terap, boleh sikit?

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Habis sudah masa...

**Tuan Pengerusi:** Sudah habis masa.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kita ada RM2 bilion peruntukan luar jangka. Apa pandangan Yang Berhormat Padang Terap kalau daripada RM2 bilion itu, RM1 bilion kita bagi kepada kementerian ini, tambahan? Jadi daripada RM3.2 bilion jadi RM4.2 bilion supaya Menterinya makin gagah.

**Seorang Ahli:** Ya.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sokong Yang Berhormat Padang Terap.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Saya—masukkan dalam ucapan saya. Saya bersetuju, saya bersetuju.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bakal, bakal.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Kesimpulan Tuan Pengerusi, bahawa sebenarnya bila kita melihat— bila disebut Kementerian Ekonomi, di mana-mana negara sebenarnya Kementerian Ekonomi adalah *senior minister*. Kalau *senior minister* ia punya *structure* kepada menjaga ekonomi itu sudah tentulah lebih besar lagi. Jadi, seeloknya kita kaji balik tentang tanggungjawab yang berkaitan dengan Kementerian Ekonomi itu. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, selepas ini Yang Berhormat Papar dan selepas Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Bera. Silakan, Yang Berhormat Papar dahulu.

#### 12.44 tgh.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Pengerusi. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah diberikan dana sebanyak RM2.7 bilion untuk menerajui pembangunan sosioekonomi negara yang inklusif dan progresif demi kemakmuran serta kesejahteraan rakyat.

Sebelum saya meneruskan hujah, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih daripada penduduk-penduduk kampung yang bernasib baik mendapat kelulusan pembinaan dewan-dewan serba guna yang boleh memuatkan satu gelanggang badminton dan gelanggang-gelanggang futsal kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Untuk pengetahuan semua, sebelum ini mereka tidak dapat kemudahan pembangunan seperti ini. Permohonan ini dibuat melalui Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Allahyarham Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohamed Farid. Semoga rohnya ditempatkan bersama para solihin, *amin ya rabbal'alamin*.

B.15 saya gabungkan sekali dengan P.15. Butiran 020400 – Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) diberi peruntukan sebanyak RM200 juta manakala Butiran 04000 ada berkaitan dengan di atas iaitu dengan Butiran 020400 diberi peruntukan pembangunan sebanyak RM512,840,900 berbanding RM334,754,688 tahun sebelumnya.

Di Sabah, memang banyak program-program untuk pekebun kecil. Di tempat saya P.175 Papar juga tidak ketinggalan tetapi apa yang saya amati sewaktu melawat tempat-tempat ini, keperluan untuk jalan raya sangat-sangat mendadak di kawasan RISDA di Sabah dan juga di P.175 khasnya. Ada juga tempat-tempat yang saya lawati, penduduk-penduduk memberitahu kepada saya bahawa ada baja-baja dan benih-benih pokok getah yang tidak ditanam. Jadi ini adalah merupakan satu pembaziran yang harus kita pantau.

Jadi adalah menjadi kewajipan saya untuk menyuarakan segala permasalahan pekebun kecil di daerah saya. Saya mahu perkara dan permasalahan seperti ini dapat dipantau. Dengan bajet yang ada saya merayu supaya RISDA Sabah diberi peruntukan yang lebih daripada sebelumnya kerana banyak perancangan mereka yang masih belum dapat dilaksanakan.

Saya gabungan Butiran 00102 bersama dengan Butiran 00121 sekali dengan Butiran 93500 iaitu Butiran 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung/Sabah/Sarawak diberi peruntukan sebanyak RM95 juta manakala Butiran 00121 – Infrastruktur Luar Bandar diberikan RM20,068,000, Butiran 93500 – Projek Khas diberi peruntukan RM100 juta.

Tuan Pengerusi, seperti yang kita tahu negeri Sabah khasnya dan P.175 amnya memang ramai penduduk yang miskin terutamanya yang tinggal di pedalaman, tidak kurang ramai juga yang miskin yang tinggal di pinggir pekan. Di tempat saya, ada lebih 100 buah kampung termasuk kampung-kampung yang belum berdaftar tetapi mereka ini adalah pengundi yang berdaftar. Walaupun mereka ini hidup dalam kesusahan tetapi mereka masih boleh bersabar. Persoalannya, sampai bila atau berapa lamakah mereka ini boleh bersabar?

Sebagai kerajaan adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memberi bantuan dan pertolongan yang termampu tetapi tanpa dana yang mencukupi kesemua program-program untuk membantu mereka ini tidak akan menjadi kenyataan. Sabah adalah negeri yang mundur dari segi infrastruktur luar bandar memandangkan negeri ini terlalu luas dan berbukit-bakau. Penduduk luar bandar yang miskin tidak mahu pembangunan yang mencakar langit, mereka mahu peluang pekerjaan untuk mereka dan anak-anak mereka demi menyambung kehidupan yang selesa.

#### ■1250

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Papar, boleh sedikit sahaja?

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Selain daripada – Maaf ya. Maaf.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh?

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Nanti saya akan beri. Selain daripada itu, banyak kampung yang berhampiran bandar dan pekan yang setiap kali hari hujan akan

berhadapan dengan banjir kilat. Begitu juga, banyak kampung di pedalaman akan menerima nasib yang sama. Bayangkan apa yang akan terjadi kepada barang di dalam rumah jika terjadinya banjir kilat. Ini bukan sekali tetapi kerap kali. Cubalah kita bayangkan penderitaan mereka ini. Sampai bilakah mereka ini harus bersabar? Banjir kilat yang terjadi disebabkan oleh perparitan yang tidak sempurna dan tidak ada langsung disebabkan tidak ada dana peruntukan untuk membina, menyelenggarakan parit-parit dan longkang-longkang demi melancarkan laluan air sewaktu hujan.

Sebagai contoh, walaupun ini selalu saya cakapkan di Dewan ini iaitu Kampung Kawang, Kampung Gusi, Kampung Seri Menanti, Kampung Kinarut, Kampung Anak, Kampung Sabuk dan Kampung Langkuas, begitu juga Kampung Beringgis, Kampung Pengalat Besar dan Kampung Pengalat Kecil. Mereka ini memerlukan pembersihan dan pendalaman parit supaya perjalanan air hujan, pengaliran air hujan sewaktu hujan lebat berjalan lancar. Daripada itu, saya meminta kepada kementerian supaya memikirkan perkara ini untuk orang-orang di P.175 Papar.

Dengan dana yang akan diagihkan, saya percaya kesusahan dan kesengsaraan penduduk-penduduk kampung di negeri Sabah akan dapat dikurangkan. Kami orang-orang Sabah mahukan pembaharuan, kami mahukan pembangunan, pembangunan yang setara, biarlah pembangunan ini untuk semua merasainya. Dengan adanya peruntukan ini nanti saya berharap kawasan luar bandar dan di pedalaman yang bermasalah dengan bekalan air bersih dan terawat akan dapat dilaksanakan kerana mereka ini sedang menunggu dan menanti perubahan yang akan dilaksanakan.

Dengan peruntukan projek khas ini, kerajaan harus mengambil inisiatif melaksanakan projek bekalan air pam solar atau graviti di kampung-kampung di pedalaman. Malangnya air graviti yang ada pada sekarang ini selalunya keruh dan kotor apabila berlakunya hari hujan. Oleh itu saya merayu kepada kerajaan supaya jangan biarkan orang di kawasan ini tidak terbelah. Saya ingin bertanya, daripada jumlah ini, berapakah yang akan disalurkan kepada negeri Sabah memandangkan Sabah adalah negeri yang masih ketinggalan jauh daripada segi pembangunan berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung? Dengan peruntukan yang diberi, kita akan dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar secara menyeluruh dan berkesan.

Butiran 00108 – Program Pembangunan. Diberikan peruntukan sebanyak RM226.16 juta berbanding dengan RM207.69 juta tahun sebelumnya. Peningkatan ini menunjukkan keprihatinan kerajaan kepada rakyat jelata. Dengan dana ini, dapatkah kementerian melaksanakan program pembasmian kemiskinan bandar bertujuan untuk membantu golongan miskin dan yang berpendapatan rendah di bandar. Daripada jumlah ini, berapakah yang akan diagihkan untuk negeri Sabah? Di samping itu, saya juga ingin menyarankan supaya industri hiliran dapat dilaksanakan supaya dapat membuka peluang pekerjaan kepada rakyat negeri Sabah di mana kebanyakan mereka ini bekerja di Semenanjung sebagai pekerja kilang. Mereka terpaksa meninggalkan keluarga dan anak-anak di kampung. Ada daripada mereka yang tertekan dan mengalami kemurungan kerana berpisah dengan keluarga yang terlalu lama.

Butiran 00117 – Pembangunan Perkampungan Nelayan. Diberikan peruntukan sebanyak RM29.37 juta. Aktiviti perikanan merupakan aktiviti ekonomi yang penting di daerah Papar. Hasil tangkapan laut yang didaratkan akan selalunya dijual kepada orang tengah. Untuk menambah pendapatan nelayan ini, saya berharap agar kementerian berkenaan dapat memberikan bantuan peralatan kepada nelayan-nelayan supaya mereka dapat merasai arus pembangunan kerajaan baharu. Ini termasuklah pembinaan jeti yang sempurna untuk mereka mendaratkan tangkapan harian mereka dan yang paling penting ialah pembinaan gerai-gerai untuk mereka menjual ikan.

Butiran 70112 – Perbadanan Kemajuan Negeri: Sabah. Diberikan peruntukan sebanyak RM10.67 juta berbanding dengan RM20.7 juta sebelum ini. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, kenapakah peruntukan ini dikurangkan sedangkan kita tahu Sabah adalah negeri yang serba kekurangan. Daripada itu saya mengharapkan kepada kementerian...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sedikit sahaja. Sudah janji tadi.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Akan dapat mengkaji semula peruntukan ini. Sekian, terima kasih. Dengan ini, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bera.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, Yang Berhormat 'Kudat'. Pada pandangan saya...

**Beberapa Ahli:** Yang Berhormat Papar.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Papar, minta maaf.

**Tuan Pengerusi:** Sudah habis masa.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh?

**Tuan Pengerusi:** Kalau tidak Yang Berhormat Bera tidak akan mempunyai kesempatan untuk berucap.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Sudah habis dah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Habis?

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Sudah habis dah.

**Tuan Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Bera.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Mini Estet Sejahtera Sabah. Kemudianlah ya. Mini Estet Sejahtera Sabah patut ditambah.

#### **12.56 tgh.**

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 16500 – Program Kelestarian FELDA. Seperti kita tahu selain daripada isu pendapatan hari ini, isu yang besar yang masih belum selesai ialah isu perumahan generasi kedua FELDA. Sehingga hari ini, ramai belia FELDA generasi kedua yang masih tinggal di rumah ibu bapa walaupun berkeluarga, walaupun perumahan FELDA telah pun dilaksanakan. Isunya ialah kemampuan mereka untuk membeli dan yang kedua, masalah untuk mendapatkan

pinjaman. Jadi ramai yang tidak mendapat pinjaman dan akhirnya mereka gagal untuk memiliki rumah tersebut.

Jadi saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, kenapa tidak kita tidak lagi menjual rumah yang telah siap dibina tetapi kita menjual tanah tapak rumah kepada mereka. Harga mungkin di sekitar RM5,000 untuk tapak rumah dengan 3,000 hingga 5,000 kaki persegi dan infrastruktur disediakan oleh FELDA dan mereka boleh membina sendiri. Kalau hendak diseragamkan rumah tersebut, pelan rumah secara standard boleh disediakan oleh FELDA. Jadi, saya yakin dengan cara ini mereka mampu untuk memiliki rumah sendiri di atas tanah mereka sendiri.

Keduanya daripada segi pendapatan Yang Berhormat Menteri, walaupun disebutkan ada sedikit kenaikan tetapi masih tidak mencukupi. Kalau 420 untuk satu metrik tan tan buah segar tolak dengan pelbagai upah... *[Disampuk]* Di kampung 320 tetapi di FELDA mungkin sekarang ini 400. Kalau 420 tetapi ditolak dengan upah lori, upah perunding dan sebagainya, masih lagi berkurangan. Mungkin 100 hingga 200 sahaja *net* sebulan.

Jadi Yang Berhormat Menteri, saya sudah bangkitkan, Yang Berhormat Menteri pun sudah bersetuju dahulu, supaya kita tangguhkan pembayaran hutang. Ini kerana salah satu punca yang menyebabkan pendapatan *net* mereka berkurangan kerana hendak membayar hutang-hutang mereka kepada FELDA. Saya cadangkan kita tangguhkan dahulu sehingga keadaan harga stabil dan pendapatan mereka mencecah RM1,500 *net* misalnya baru kita kutip hutang-hutang tersebut.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Tuan Pengerusi, saya mohonlah sedikit laluan. Sedikit sahaja Kubang Kerian.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Boleh atau tidak saya – saya boleh tambah atau tidak?

**Tuan Pengerusi:** Saya akan tambah lima minit selepas pukul 12 ya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Akan tetapi boleh tambah lagi bukan?

**Tuan Pengerusi:** Okey, silakan.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Setuju kah yang isu besar ialah soal harga. Beza harga di kampung dengan yang dibeli oleh FELDA ialah RM100 satu tan. Saya fikir perbezaan ini menyebabkan golongan berpendapatan rendah di kampung B40 ini, dia sentiasa berdepan dengan masalah harga yang berbeza. Mungkin dapat dilihat isu ini supaya harga dapat diimbangkan antara yang dibeli di FELDA dengan di kampung. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju seperti kata Yang Berhormat Pontian tadi di kampung lebih kurang 280 ataupun 300 sahaja. Jadi saya bersetuju, masukkan dalam ucapan saya dan minta Menteri menjawab. Daripada segi Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan tentang tanaman-tanaman sampingan untuk menambahkan pendapatan. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, setakat ini apakah statusnya?

Butiran 04000 – Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan juga Butiran 03100 – Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah (FELCRA). Isu perumahan ini bukan sahaja di FELDA Yang Berhormat tetapi juga belia-belia di perkampungan tradisional yang tidak ada program khusus untuk mereka. Rumah PPRT ada tetapi untuk golongan miskin tegar, warga emas dan sebagainya tetapi tidak ditumpukan kepada golongan belia. Waktu pada zaman dahulu, zaman BN, kita mempunyai program perumahan generasi kedua kampung tradisional yang dipanggil Rumah Bina Negara. RISDA misalnya telah terlibat dengan membina 158 unit setakat 2018. FELCRA telah pun membina hampir 1,000 unit yang telah pun siap di seberang Perak dan juga di Sri Makmur, Pekan. Walau bagaimanapun, bajet untuk Rumah Bina Negara ini telah pun dibatalkan, tidak ada lagi.

Jadi saya sangat berharap demi generasi kedua kampung tradisional, saya berharap Yang Berhormat selaku Menteri yang menjaga FELCRA dan RISDA supaya dapat memberikan bajet untuk diteruskan Rumah Bina Negara. Saya hendak tanya status Rumah Bina Negara di Bera, di tanah yang diberikan oleh kerajaan untuk tapak rumah dan tanah diberikan oleh kerajaan negeri untuk dijadikan sebagai FELCRA. Status terkini, tanah telah pun diratakan tetapi akibat dihentikan projek tersebut, maka saya nampak yang ruginya adalah FELCRA kerana duit untuk bayaran untuk membersihkan tanah, *level-kan* tanah telah pun dibayar. Jadi saya mohon Yang Berhormat Menteri, kalau boleh teruskanlah untuk peserta-peserta FELCRA di kawasan saya.

Saya difahamkan sekarang ini, FELCRA daripada segi dividen dia terlalu rendah. Kalau dahulu untuk 10 ekar boleh dapat sehingga RM2,500. Sekarang ini hanya RM500 sehingga RM600 sahaja. Jadi Yang Berhormat Menteri, saya mohon jawapan, kenapa begitu rendah dividen yang diberikan oleh peserta-peserta FELCRA.

Untuk RISDA, saya difahamkan setakat hari ini Yang Berhormat Menteri, pengerusi keseluruhan anak-anak syarikat RISDA masih belum dilantik. Sudah hampir dua tahun ini RISDA tidak ada pengerusi anak-anak syarikat mereka. Jadi hala tuju anak syarikat tidak menentu kerana tidak ada pengerusi yang mempengerusikan anak-anak syarikat tersebut. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri kalau sudah ada senarai, tolonglah lantik dengan segera pengerusi anak-anak syarikat tersebut.

Saya juga hendak tanya tentang di TSK ladang tanaman berkelompok ini di perkampungan Orang Asli. Bayaran dividen tidak dibayar daripada empat hingga enam bulan, tidak dibayar. Untuk FELCRA, saya juga hendak tanya, difahamkan, kumpulan anak-anak syarikat kerugian sehingga RM50 juta, RM80 juta setakat ini. Adakah pihak FELCRA akan menyediakan model yang baharu untuk anak-anak syarikat mereka untuk menambahkan pendapatan dan sebagainya? Ini kerana seperti kita tahu, program-program kemasyarakatan FELCRA biasanya akan disubsidi oleh anak-anak syarikat. Kini anak-anak syarikat rugi. Jadi saya difahamkan banyak program kemasyarakatan telah pun dibatalkan kerana kekurangan wang dan sebagainya.

Saya juga difahamkan kontraktor-kontraktor di FELCRA sekarang ini lambat menerima bayaran kontrak mereka. Jadi saya juga memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kenapa perkara ini berlaku? Saya juga difahamkan salah satu punca anak-anak syarikat ini rugi ialah kerana kalau dulu FELCRA akan memberikan kontrak dan *supply* dan sebagainya kepada anak-anak syarikat tetapi hari ini segala kontrak dan *supply* tersebut diberikan kepada syarikat-syarikat luar yang akhirnya inilah perkara yang menyebabkan anak-anak syarikat FELCRA kerugian dan sebagainya.

Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri terutamanya yang melibatkan segi soal perumahan sama ada generasi kedua FELDA ataupun generasi kedua luar bandar atau generasi kedua perkampungan tradisional iaitu projek FELCRA dan juga di bawah RISDA.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Bera, boleh? Apa pandangan Yang Berhormat Bera jika kerajaan membuka semula FELDA? Jika dulu 10 ekar tanah diberikan. Kali ini kita berikan lima ekar sahaja tetapi di bawah lima ekar itu ada kaedah pertanian yang bersepadu. Apa pandangan Yang Berhormat Bera untuk membasmi kemiskinan di seluruh negara?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya sangat bersetuju. Dulu *why* kerajaan negeri seperti Pahang misalnya memberikan begitu banyak tanah kepada FELDA dengan premium yang sangat murah kerana *understanding* waktu itu dengan FELDA adalah untuk menunjukkan tanah rancangan supaya anak-anak negeri yang miskin dan sebagainya, dipindahkan ke FELDA untuk mendapat tanah dan juga akhirnya meningkatkan ekonomi mereka.

Akan tetapi akhirnya FELDA menggunakan tanah yang diberikan oleh kerajaan negeri untuk membuka ladang-ladang di bawah Felda Plantations dan sebagainya yang akhirnya FELDA mengambil keuntungan daripada tanah-tanah yang diberikan oleh kerajaan negeri. Bagi saya kalau FELDA tidak mampu untuk membuka tanah FELDA dan sebagainya, tanah rancangan baharu, lebih baik tanah-tanah tersebut dipulangkan balik kepada kerajaan negeri ataupun mungkin bekerjasama mewujudkan syarikat secara bersama, *joint venture* dan sebagainya untuk sama-sama memperoleh keuntungan daripada tanah-tanah yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada FELDA. Jadi saya kira itu sahaja ...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, penjelasan sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Sudah habis ya?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apakah Yang Berhormat sedar bahawa kementerian ini nama Kementerian Hal Ekonomi tetapi peruntukan yang diberi tidak setaraf dengan nama? Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kerajaan beri peruntukan dua kali ganda dari apa yang telah dicadangkan?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya setuju. Setakat ini kita lihat daripada segi pembangunan, hanya mendapat RM2.72 bilion sahaja. Dia mengurus RM2.5. Nampak besar tetapi yang pembangunannya RM2.7 berbanding dengan RM2.5 bilion, pengurusan. Jadi saya

setuju kalau peruntukan lebih besar diberikan kepada Kementerian Hal Ekonomi, malah syarikat-syarikat yang mungkin diletakkan di bawah Kementerian Kewangan pun, kita *transfer-kan* kepada Kementerian Hal Ekonomi ini. Jadi...

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Masa sudah tamat.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih.

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan ke pukul 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.06 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Mesyuarat]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Selamat hari jadi Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Semua panjang umur ya. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rasah. Sila.

### 2.33 ptg.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Selamat hari jadi Tuan Pengerusi. Semoga panjang umur dan sentiasa berada di sana untuk mempengerusikan mesyuarat.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Setiausaha Agung.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** ‘*Terima kasih daun keladi*’.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Nasib baik jadi Setiausaha Agung. Hari jadi ini.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Setiausaha Agung DAP, kita sokong.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Bagi *chance* Menteri lah, Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling. Ya, teruskan perbahasan.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tuan Pengerusi, saya ada empat perkara sahaja yang secara ringkas yang saya hendak kupas pada petang ini.

Perkara pertama yang saya hendak sebutkan ialah saya nampak di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, hampir 80 peratus peruntukannya daripada sejumlah keseluruhan RM3.2

bilion digunakan untuk tujuan pembangunan. Saya menyambut baik 80 peratus daripada jumlah peruntukan untuk kementerian ini digunakan untuk tujuan pembangunan berbanding dengan bekalan. Ini juga menunjukkan betapa pentingnya kementerian ini dalam menjana pembangunan ekonomi secara keseluruhan kepada masyarakat di Malaysia.

Di bawah Butiran 00108 – Program Pembangunan, saya nampak pada tahun sebelumnya RM207 juta dan untuk Belanjawan 2020 sebanyak RM226 juta diperuntukkan. Satu peningkatan yang saya sambut baik. Cuma saya hendak tahu, apakah jenis pembangunan yang dapat dikategorikan ataupun dikumpulkan di bawah program pembangunan? Sebab, kita tahu soal pembangunan ini bukan setakat di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, tetapi banyak kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar, KPPT, di bawah Jabatan Perdana Menteri sendiri juga mempunyai tajuk program pembangunan sebegini. Jadi, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah jenis-jenis pembangunan yang diklasifikasikan di bawah tajuk ini dan macam mana agihannya?

Perkara kedua yang hendak saya bangkitkan adalah di bawah Butiran 70101 sehingga 70113 iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri. Saya nampak tersenarai dalam buku ini di bawah muka surat 177 hingga muka surat 178, Perbadanan Kemajuan Negeri untuk sembilan negeri tersenarai. Saya tak tahu kenapa negeri saya, Negeri Sembilan tidak tersenarai. Saya rasa Yang Berhormat Jelebu boleh senada dengan saya dalam hal ini sebab kita nak kalau boleh biar semua negeri. Sebab, Negeri Sembilan ini kita nak kata maju pun bukan negeri maju yang sepatutnya ada—ini Yang Berhormat Jempol pun ada. Saya rasa Yang Berhormat Jempol pun senada dengan saya untuk ini. Sebab, kita nak Negeri Sembilan juga tidak ketinggalan, tidak tercicir daripada arus pembangunan perdana untuk seluruh rakyat Malaysia.

Jadi, saya hendak tanya, apakah ulasan, jawapan ataupun maklum balas daripada kementerian mengenai kenapa Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan tidak termasuk? Saya mohon kalau boleh dimasukkan supaya ada suntikan dana untuk Perbadanan Kemajuan Negeri. Sebab, kita tahu Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan merupakan antara agensi di bawah kerajaan negeri yang diberikan tanggungjawab yang berat untuk memajukan ekonomi di peringkat negeri. Jadi, saya mohon supaya kalau boleh dimasukkan semula dengan peruntukan tertentu supaya kami di Negeri Sembilan tidak tercicir, tidak ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri yang lain.

Seterusnya di bawah Butiran 93500 – Projek Khas. Saya menyambut baik ada peruntukan RM100 juta. Akan tetapi, saya juga hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sebab saya nampak tahun sebelumnya pada tahun 2019 dalam bajet sebelumnya, terdapat RM333 juta. Berlaku pengurangan. Akan tetapi, jumlah RM100 juta itu masih jauh lebih tinggi berbanding dengan Belanjawan 2018 yang hanya memperuntukkan RM54 juta sahaja.

Jadi sekali lagi saya hendak bertanya—sebab di bawah tajuk Projek Khas juga diperuntukkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). Jadi, apakah bezanya Projek Khas di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi berbanding dengan Projek Khas di bawah JPM?

Apakah jenis pembangunan yang akan mendapat suntikan peruntukan daripada butiran ini? Kalau boleh saya hendak tanya, berapakah Negeri Sembilan akan mendapat agihannya daripada RM100 juta yang diperuntukkan ini?

Perkara seterusnya adalah di bawah Butiran 99000 – Banci Ekonomi/EKS. Saya nampak ada peningkatan peruntukan yang agak baik. Kalau Belanjawan 2019 hanya setakat RM134 juta tetapi kali ini diperuntukkan RM250 juta. Satu peningkatan yang hampir sekali ganda dan sudah pastinya saya rasa rakyat di seluruh negara menyambut baik peruntukan di bawah ini yang saya percaya akan dapat melonjakkan lagi pembangunan secara keseluruhan. Saya hendak tanya, apakah skop kepada banci ekonomi ini dan macam mana kah agihannya? Apakah ada projek-projek spesifik yang tertentu yang akan mendapat limpahan di bawah peruntukan ini?

Perkara terakhir yang saya hendak sebutkan adalah di bawah Butiran 16500 – Program Kelestarian FELDA. Mungkin umum merasakan Parlimen Rasah ini kawasan bandar, tetapi kawasan Rasah pun terdapat satu FELDA iaitu Felda LBJ atau L.B. Johnson. Pertamanya, saya menyambut baik sebab peruntukan di bawah butiran ini meningkat daripada RM510 juta pada tahun 2019 kepada RM620 juta pada belanjawan kali ini. Saya hendak tanya, daripada RM620 juta yang diperuntukkan ini, berapa juta kah yang akan diberikan dan disalurkan kepada Felda L.B. Johnson (LBJ) di bawah Parlimen Rasah? Sebab, kita tahu...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** LBJ sudah kaya.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Janganlah. Kasihan orang LBJ. Itu Sendayan, bang. Jadi saya hendak tahu, berapa juta yang diperuntukkan untuk Felda L.B. Johnson? Sebab, walaupun FELDA ini tak berapa jauh dari bandar tetapi FELDA tetap FELDA yang memerlukan suntikan peruntukan supaya kawasan peneroka FELDA dan sebagainya tidak ketinggalan daripada arus perdana pembangunan.

Sekian sahaja ucapan ringkas saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Marudu. Sila.

#### ■1440

#### 2.40 ptg

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut juga mengatakan selamat hari jadi. Semoga semua baik-baik sahaja. Sebelum itu, saya bagi pihak kita semua mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar, mahasiswa dari Universiti Kuala Lumpur, *Institute of Medical Science and Technology*. Selamat datang.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Selamat datang ke Dewan yang mulia.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]:** Seterusnya, di bawah kementerian ini– tadi pagi Yang Berhormat Menteri ada. Now, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada? Kalau tidak, kita berucap kepada Tuan Pengerusi sahaja ini. Okey, walaupun ini satu kementerian yang baharu dan sememangnya begitu penting sekali. Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]:** Terutamanya, saya menyentuh sekadar beberapa perkara yang berkaitan dengan kementerian ini. Satu daripadanya di bawah Butiran 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung/Sabah/Sarawak. Seperti mana yang telah pun disentuh oleh Ahli Yang Berhormat sebelum ini, termasuk Yang Berhormat Rasah tadi, memang tajuk ini sangat penting. Namun, saya rasa perihal kemiskinan ini antara yang bukan sahaja begitu penting dan strategik tetapi antara yang terlampaui banyak kementerian terlibat dalam penyelesaian masalah kemiskinan ini.

Satu adalah Kementerian Luar Bandar, Kementerian Pertanian, kementerian-kementerian lain yang memfokuskan kepada program di bawah B40 untuk tujuan membasmikan kemiskinan. Jadi, dari segi penyelarasannya, kementerian ini seharusnya mengambil perhatian yang begitu tegas memastikan supaya ada penyelarasannya yang baik, supaya wang yang diperuntukkan ini tidak *overlapping*, dengan izin, dengan kementerian-kementerian lain.

Dahulu *argument* kita ialah kemiskinan ini, dengan izin, *too big for any particular agency to handle. So, the more the better.* Begitu alasan kita. Kalaupun itu mentaliti masih seperti begitu, maka kita tidak akan menyelesaikan perihal kemiskinan seperti mana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat yang lain. Masih kira-kira 40,000 isi keluarga yang di bawah miskin tegar sahaja pun begitu serius.

Jadi, saya hendak bertanya, bagaimanakah pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi menyelaraskan semuanya ini? Bagi program ini, berapakah modus operandinya untuk mengagih dan mengenal pasti projek-projek yang akan dibiayai? Bagi Sabah dan Sarawak dahulu, program-program di bawah EPU bagi tujuan pembasmian kemiskinan ini biasanya ia diberi kepada *specific targeted groups* sahaja. Seperti komuniti yang begitu miskin mengikut *tribal* ataupun suku kaum bagi Sabah dan Sarawak. So, ada program untuk Orang Rungus, program untuk Orang Sungai dari segi program penambahan pendapatan.

Adakah ini masih lagi modus operandi yang digunakan? Ataupun begitu sahaja tertakluk kepada permohonan-permohonan awam dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya rasa ini adalah sangat penting sekali. Yang Berhormat Menteri, *welcome*. Saya baru sentuh tadi terhadap Yang Berhormat Menteri tetapi nampak ada sudah. Pagi ada juga.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri duduk di Kamar.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]:** So, itu satu. Dari segi penyelarasannya program-program kemiskinan ini. Bukan itu sahaja, satu lagi yang sama ialah infrastruktur luar bandar kerana ini juga fokus utama oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jadi, ada *overlapping*. Seperti mana saya katakan tadi, seperti program kemiskinan, juga ini adalah fokus besar di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, kementerian-kementerian pembangunan yang lain seperti Kementerian Pertanian.

Bagaimanakah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi mengagihkan peruntukan ini atau menyelaraskan program-program supaya tidak ada *overlapping* dan juga *duplication*. Saya rasa

ini sangat penting kerana wang bukan selalu banyak. Maka, prosedur dan modus operandi ini perlu jelas supaya ada *outcome*. Dahulu seperti yang saya katakan tadi, hal kemiskinan, hal luar bandar ini *too big for one particular agency to handle or kementerian*.

Jadi, lebih banyak lebih bagus, begitu kononnya. Saya rasa itu ketinggalan zaman punya pemikiran. *When funds are limited, then targets and outcome* sangat penting sekali untuk tujuan membantu mereka yang perlu dibantu. So, saya bertanya, bagaimana pendekatan baharu dalam perkara ini? Ataupun adakah ini sekadar *repetition*, dengan izin, dengan kementerian-kementerian yang lain?

Seterusnya, perkara di bawah Butiran 00109 – Program Kerjasama Serantau IMT-GT dan BIMP-EAGA. Ini bukan perkara baru, RM4 juta diberi untuk tujuan ini. Akan tetapi cerita dari dahulu sampai sekarang, kebanyakan *meeting* sahaja. Di Manila kah, di Sibu kah, di Kota Kinabalu kah dan di Jakarta, di Filipina dan seterusnya. Jadi, bagaimakah kumpulan ini mahu bertindak sesuai dengan perancangan? Pihak negara Indonesia memindahkan kapitalnya kepada Kalimantan. Baru juga satu bulan yang lalu diuar-uarkan di Manila, mereka ingin pindahkan kapital Manila ke kawasan Mindanao.

Semua ini ada impak kepada pembangunan negeri-negeri Malaysia di Kalimantan. Saya berharap bahawa ada pendekatan baharu dalam perkara ini, supaya perancangan-perancangan yang rapi antara itu dibuat. Kalau tidak, *meetings* BIMP-EAGA ini Yang Berhormat Menteri, orang bilang sekadar cerita minum kopi kerana ini *driven by private sector*. Jadi, buat cadangan tetapi kerajaan tiada peruntukan untuk melaksanakannya ataupun program-program yang dicadangkan tidak dimasukkan dalam program perancangan pembangunan setiap negara yang terlibat dalam BIMP-EAGA. Saya rasa ini satu perkara yang strategik, yang perlu diambil perhatian.

Seterusnya, di bawah Butiran 93500 - Projek Khas. Saya mahu bertanya juga sebab Ahli-ahli Yang Berhormat lain bertanya RM100 juta diperuntukkan bagi tahun ini. Apakah projek-projek khas ini yang diberi keutamaan? Apakah *guidelines* yang ada? Bagaimana pengedaran peruntukan ini? Adakah ini berasas kepada permohonan-permohonan negeri, permohonan-permohonan Ahli-ahli Yang Berhormat ataupun pilih *under the supervision and distribution*, dengan izin, oleh Yang Berhormat Menteri? Saya rasa ini sangat penting kerana projek-projek khas ini *can be undefined*.

Kita maklum keadaan negara kita, yang mana kepimpinan negara mengatakan kurang duit, tidak cukup duit. Saya rasa *every cent counts*, dengan izin. Pengagihan RM100 juta untuk projek khas ini, kami harap bahawa kawasan-kawasan luar bandar walaupun kawasan yang bukan diwakili oleh kerajaan, hendaklah juga diberi perhatian melalui permohonan yang dikemukakan oleh pejabat daerah misalnya, untuk tujuan pembangunan di luar bandar dan projek yang begitu mendesak.

Seterusnya, ini di bawah Butiran 96000 – Unit Peneraju. Adakah ini unit yang dahulu dikenali dengan Unit Teraju? Walaupun dahulu unit ini yang sebenarnya berkaitan dengan keusahawanan. Seharusnya dipindah di bawah Kementerian Keusahawanan tetapi ia masih di-

dahulu di JPM dan sekarang di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Dikatakan di sini RM50 juta diperuntukkan.

Kalau dahulu Unit Teraju itu, bantuan-bantuan kebanyakan kepada program-program keusahawanan dan juga ia ada dalam bentuk geran. Ada yang dikatakan bahawa Unit Teraju bercadang untuk tidak lagi memberi geran tetapi dalam bentuk *loans*. Adakah ini betul atau tidak? Bagaimana prosedur-prosedur untuk pelaksanaannya? Apakah fokus utama dari segi bantuan-bantuan yang akan diurus oleh pihak Unit Teraju? Terakhir Tuan Pengerusi, Butiran 99000 – Banci Ekonomi/EKS. Sejumlah RM250 juta, ini jumlah yang begitu banyak sekali.

#### ■1450

Saya ingin bertanya, apakah tujuan dan matlamat, apakah sasaran, apakah fokus utama bancian ini? Ini kerana, di bawah kepala yang sama iaitu berkaitan dengan jabatan banci iaitu Jabatan Perangkaan Malaysia, adakah ini tidak *overlapping*? Bukankah ini seharusnya di bawah tugas yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan? Peruntukan RM250 juta lebih banyak daripada peruntukan yang diberikan untuk pembangunan bagi projek-projek kecil yang disebutkan di atas tadi.

Jadi, saya ingin meminta penjelasan dalam perkara ini. Apakah fokusnya? Apakah nanti fokus bagi negeri Sabah dan negeri Sarawak? Bagaimanakah maklumat yang akan dikutip itu untuk tujuan perancangan? Sekadar itu Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Marudu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Padang Serai. Selepas itu Yang Berhormat Lenggong, selepas itu Yang Berhormat Segamat. Sila.

#### 2.51 ptg.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020000 – Apakah rancangan Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan prestasi agensi dari segi pelaburan? Sila berikan penjelasan. Pada masa sekarang, apakah rancangan Kerajaan Persekutuan bagi mengekalkan agensi di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bagi mengimplikasikan Industri *Revolution 4.0*? Seterusnya, menurut pandangan Menteri dari segi undang-undang, apakah yang boleh dilakukan untuk meningkatkan ketelusan agensi bagi mencegah rasuah?

Seterusnya, Butiran 020300 – Apakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menggunakan Jabatan Perangkaan untuk memperbaiki daya saing ekonomi negara kita? Mohon berikan penjelasan. Seterusnya, apakah strategik atau *Key Performance Indicator* (KPI) pihak Kerajaan Persekutuan untuk memastikan bahawa strategik yang dikeluarkan dari pihak jabatan berkualiti tinggi? Seterusnya, pada pendapat pihak Kerajaan Persekutuan, pada masa sekarang bagaimanakah kementerian dan agensi boleh memaksimumkan penggunaan dan potensi strategik yang dikeluarkan?

Seterusnya, Butiran 020400 – Industri getah di negara kita serta di dunia menghadapi banyak rintangan termasuk harga pasaran yang rendah. Apakah rancangan Kerajaan Persekutuan untuk membantu pekebun-pekebun kecil perusahaan getah mengenai isu ini? Kedua, apakah pihak Kerajaan Persekutuan berpendapat bahawa subsidi serta bantuan sara hidup boleh menarik serta mengekalkan pekebun kecil dalam perusahaan getah?

Ketiga, dari segi Inovasi dan *Research and Development* (R&D) dengan izin, apakah yang telah dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan bagi meningkatkan keutamaan serta potensi RISDA?

Seterusnya, Butiran 020100 – Mohon berikan penjelasan terhadap infrastruktur terutama sekali di kawasan Parlimen Padang Serai. Hospital Kulim memerlukan bangunan tambahan baharu kerana ia merupakan hospital pakar yang ketiga di selatan negeri Kedah. Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, hospital tersebut merupakan hospital utama yang digunakan oleh tiga Parlimen iaitu Parlimen Kulim Bandar Baharu, Parlimen Padang Serai dan juga Parlimen Baling. Hospital tersebut menjadi tempat kegunaan untuk masyarakat yang berjumlah lebih kurang 600,000 orang. Kebanyakan penduduk di ketiga-tiga Parlimen ini merupakan golongan yang berpendapatan sederhana. Di daerah Kulim dan Baling, tidak mempunyai sebarang hospital swasta dan hanya mengharapkan rawatan dan perubatan dari Hospital Kulim sahaja.

Saya mohon Tuan Pengerusi memberikan penjelasan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, sekolah...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Padang Serai, Tuan Pengerusi tidak boleh berikan penjelasan. Yang berikan penjelasan, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Saya setuju dengan Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri akan jawab. Seterusnya, sekolah di kawasan Parlimen Padang Serai adalah satu masalah memandangkan sekolah yang sedia ada telah dipenuhi oleh lebih kurang 1,000 orang murid setiap sekolah dan terpaksa dibahagikan kepada dua sesi persekolahan iaitu pagi dan petang. Kalau boleh, kementerian, sila buat kajian dan sebagainya.

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri, saya ingin menyampaikan isu berkenaan sekolah Tamil yang berada di kawasan Parlimen Padang Serai. Terdapat sembilan buah sekolah Tamil di mana sebuah sekolah Tamil menerima bantuan penuh dan lapan buah sekolah lagi sekolah Tamil menerima bantuan modal. Salah satu sekolah Tamil yang bernama Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang BMR yang berada di kawasan saya tidak mempunyai bangunan baharu dan bangunan yang sedia ada semakin daif.

Saya mohon...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Bukan sekolahlah, ini kementerian lain.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk memberikan penjelasan. Seterusnya, Yang Berhormat Menteri, jalan raya yang sedia ada daripada Bandar Baharu ke Alor Setar yang melalui Parlimen Padang Serai perlu dibesarkan. Isu berkaitan jalan ini sudah beberapa kali dikemukakan untuk perhatian kementerian. Akan

tetapi, sehingga hari ini tidak mendapat sebarang keputusan untuk menyelesaikan isu ini. Kami masih menunggu sejak sekian lama. Saya mohon pihak yang berkuasa untuk memberikan penjelasan.

Seterusnya, jalan raya dari Kulim Hi-Tech hingga ke Baling perlu diberikan perhatian. Ini kerana jalan raya tersebut merupakan jalan raya utama dari Pulau Pinang ke Kelantan, melalui jalan Baling. Di jalan raya tersebut kerap berlaku kemalangan. Bagi pendapat saya, jalan raya tersebut perlu diperbaharui dan menyediakan empat *lane*, iaitu dua arah. Saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk memberikan penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order. Point of order.* Tuan Penggerusi pun tahu kan 36(1) dia kena cakap tajuk itulah. Akan tetapi, saya menyokong dia cakap apa Yang Berhormat mahu cakap. Cakap, walaupun melanggar *point of order*, tetapi Yang Berhormat cakap, tidak ada masalah. Teruskan cakap.

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Apa tujuan sebenarnya Yang Berhormat Arau?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Itu taktik dia hendak cakap itu.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau, bakal Presiden UMNO.

*[Ketawa]*

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** *Insya-Allah.*

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Itu sahaja daripada Padang Serai dan saya akhiri dengan...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** ...tepuk nampak.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tidak ada cium tangankah?

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Saya akhiri dengan sebuah pantun iaitu

*Beras segantang sudah disukat,  
Lalu disimpan di atas para,  
Andai seluruh masyarakat muafakat,  
Negara damai, rakyat sejahtera.*

Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih macam Alleycats lah!

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lenggong. Selepas itu Yang Berhormat Segamat, Yang Berhormat Kubang Kerian dan Yang Berhormat Taiping. Silakan.

## 2.58 ptg.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih, Tuan Penggerusi. *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Saya mengambil kesempatan untuk berucap di peringkat Jawatankuasa. Butiran yang saya akan sentuh ialah Butiran 020100 – Perancangan Ekonomi.

Pertama, saya ingin sebutkan bahawa ekonomi Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara semenjak kemerdekaan di manifestasi melalui pertumbuhan memberangsangkan yang dipacu oleh beberapa siri pembaharuan ekonomi mulai tahun 1970an, sehingga tahun 2018 di bawah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional.

Namun, demikian, struktur ekonomi Malaysia dilihat mula berubah setelah negara ditadbir oleh Pakatan Harapan, sejak peralihan kuasa pada pilihan raya yang lalu. Semenjak itu, rancangan ekonomi Malaysia memperlihatkan tiada pelan yang komprehensif dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara. Wawasan 2030 pun hanya disebut tetapi tidak ada detil, ia hanya daripada atas, bukan kehendak rakyat. Saya bimbang, ia akan jadi sebagai mana perancangan Wawasan 2020 yang gagal.

Sebaliknya kerajaan pada masa ini – oleh sebab tidak ada perancangan khusus, hanya bertindak dengan menjual kebanyakan aset-aset negara, aset-aset strategik yang berpotensi sebenarnya untuk memberikan pulangan menguntungkan dalam jangka masa panjang, hasil daripada titik peluh kerajaan terdahulu yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa.

#### ■1500

Kerajaan Pakatan Harapan telah menjual RM35.789 bilion aset negara dalam tempoh hanya 500 hari pemerintahan iaitu bersamaan dengan sebanyak RM60 juta sehari atau RM2.5 juta setiap jam. Maknanya, dalam tempoh 500 hari, RM35.789 bilion aset negara dijual, kalau dihitung ia menyamai sebanyak RM60 juta sehari atau RM2.5 juta setiap jam. Sangat drastik. Lebih membimbangkan kita, apabila aset yang rancak dijual oleh Kerajaan Pakatan Harapan adalah aset-aset strategik daripada Khazanah Nasional. Satu khazanah negara yang amat besar.

Ya, Yang Berhormat Menteri Ekonomi ada di sini. Yang Berhormat Menteri Ekonomi berkata bahawa di bawah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional sebanyak 84 aset Khazanah Nasional dilupuskan sejak tahun 2009 sehingga empat bulan pertama 2018. Kita akui itu. Namun, harus diingat bahawa Kerajaan Barisan Nasional menjual aset-aset yang tidak strategik dengan nilai hanya RM45 bilion dan ia dijual dalam tempoh sembilan tahun dengan anggaran penjualan hanya sebanyak RM5 bilion setahun. Penjualan itu diganti dengan pembelian aset strategik yang boleh membawa keuntungan berbanding dengan Pakatan Harapan yang menjual 12 aset strategik, dengan jumlah sebanyak RM25.6 bilion dalam tempoh setahun. Saya tekanan di sini sekali lagi, 12 aset dengan jumlah sebanyak RM25.6 bilion dalam tempoh setahun. Ini sangat besar jumlahnya berbanding dengan jumlah yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional selama sembilan tahun.

Hasil penjualan aset tidak strategik yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional sebagai mana yang disebut oleh Menteri Ekonomi, sebenarnya telah melonjakkan keuntungan Khazanah. Jual aset tidak strategik, melonjakkan keuntungan Khazanah lebih tiga kali ganda iaitu daripada RM33 bilion menjadi RM116 bilion dengan kadar pulangan bersamaan dengan 15 peratus setahun. Maknanya, tindakan dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional tepat. Menjual aset tidak

strategik dan akhirnya memberikan pulangan yang cukup besar dan jumlahnya RM116 bilion. Maknanya, tindakan yang dibuat oleh kerajaan terdahulu lebih tepat berbanding apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Ekonomi, yang ada di hadapan kita.

Sedangkan saya sebut tadi, penjualan aset-aset oleh Kerajaan Pakatan Harapan telah mengakibatkan Khazanah mengalami kerugian apabila nilai aset bersih Khazanah jatuh sebanyak RM25 bilion daripada RM116 bilion menjadi RM91 bilion. Ini angka yang cukup besar. Saya bimbang jika Kerajaan Pakatan Harapan terus-terusan mengambil langkah ini maka Khazanah akan lebih mengalami masalah.

Tidak cukup dengan itu, terkini, pada bulan November yang lalu, dilaporkan Khazanah telah melupuskan 100 peratus – Betul ya Yang Berhormat Gombak? Tidak betul? Nanti jawab Yang Berhormat Gombak. Tidak cukup dengan itu, terkini Khazanah, pada bulan November yang lalu dilaporkan akan melupuskan 100 peratus pegangan dalam Prince Court Medical Centre (PCMC) kepada IHH Berhad bernilai RM1.02 bilion secara tunai. Menurut pengumuman Bursa Malaysia, nilai pelaburan Khazanah dalam hospital ini melalui anak syarikatnya, Pulau Memutik Ventures Sdn. Bhd. adalah sebanyak RM1.08 bilion setelah dibeli daripada PETRONAS pada bulan Mac 2018.

Perlu diketahui bahawa, Kerajaan Pakatan Harapan menerusi Khazanah Nasional Berhad pada bulan November 2018 telah bertindak menjual pegangan sebanyak 16 peratus sahamnya dalam IHH Berhad ini dengan nilai RM8.42 bilion kepada sebuah syarikat di Jepun. Saya tidak tahu kenapa penjualan ini dilakukan. Apakah ia hasil daripada *barter trade*, pinjaman bon kerajaan kepada Jepun yang nilainya JPY200 bilion bersamaan dengan RM7.3 bilion?

Jadi ini...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Lenggong, persoalan ini telah dijawab semasa peringkat dasar. Telah dijawab secara jelasnya.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Tidak apa Tuan Pengerusi, saya bangkitkan lagi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Mungkin Yang Berhormat Lenggong tidak ada di dalam Dewan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Jadi, perkara seumpama ini membimbangkan kita. Jadi, saya harap ia dijawab oleh Yang Berhormat Menteri sekali lagi kerana penjelasan yang diberikan sebelum ini tidak memberikan penjelasan yang secukupnya.

Saya hendak menyentuh pula Butiran 03100 – Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah (FELCRA). Tuan Pengerusi, industri minyak sawit kita tahu mainkan peranan penting dalam pembangunan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Ini terbukti kerana eksport minyak sawit dan hasil keluaran sawit merupakan sumber pendapatan kedua terbesar bagi negara ini. Hala tuju pasaran industri ini amat penting dalam menjamin kedudukan pasaran sawit dunia. Perkara ini penting memandangkan purata minyak sawit mentah pada tahun 2018 adalah sebanyak 2,237 per metrik tan iaitu merosot sebanyak 20 peratus berbanding dengan purata tahun 2017 yang

bernilai 2,800 per metrik tan. Jadi, saya ingin bertanya apakah mekanisme kementerian bagi memastikan jumlah eksport minyak sawit dapat ditingkatkan kerana ia merupakan salah satu komponen utama pendapatan negara.

Selain daripada itu, saya juga ingin membangkitkan Butiran 04000 – Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) yang kali ini diletakkan di bawah Kementerian Ekonomi berdasarkan keadaan semasa hari ini dan telah pun dibuktikan semasa Kerajaan Barisan Nasional bahawa, kerajaan waktu itu menguruskan RISDA dengan cemerlang, wibawa dan dapat membangunkan pelbagai perkara khususnya pekebun-pekebun kecil.

Oleh itu, saya ingin mendapat maklumat daripada pihak kerajaan berdasarkan kepada kedudukan semasa dengan nilai harga yang semakin rendah, apakah mekanisme yang dibuat oleh kerajaan? Tidak cukup sekadar memberikan bantuan *one-off* tetapi langkah jangka panjang bagi memulihkan harga getah dan meningkatkan pasaran di peringkat antarabangsa.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, boleh sikit?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Oh, sila.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Macam di Pontian ada Pejabat RISDA yang cantik. Akan tetapi, getah semakin sedikit di Pontian kerana sawit jauh lebih banyak daripada getah. Jika *office* yang begitu cantik di sebuah daerah, apakah yang mereka lakukan kalau getah sudah semakin di tebang dan ditanam semula sawit. Mungkin ada tugas lain kepada RISDA? Misalnya membangunkan ekonomi penduduk luar bandar? Apa pandangan Yang Berhormat Lenggong?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Oleh sebab itu saya fikir perkara-perkara yang menjurus kepada kepentingan pekebun kecil di peringkat akar umbi hendaklah diberikan perhatian secara khusus. Oleh sebab itu saya bertanya tadi apakah langkah-langkah yang kementerian hendak lakukan apatah lagi difahamkan kerajaan tidak lagi memberikan peruntukan untuk Program Tanam Semula. Ini sebenarnya menekan pekebun kecil dan sebab itu saya harap kerajaan mengkaji semula semua perkara ini bagi membolehkan rakyat di luar bandar dan juga mereka yang terlibat dalam industri ini benar-benar mendapat manfaat kepada mereka untuk bersama sekali menghadapi situasi dengan kenaikan kos sara hidup yang semakin tinggi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Segamat. Sila.

### **3.09 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Bekalan 15, Butiran 020100 – Perancangan Ekonomi dinaikkan daripada RM28 juta kepada RM30 juta, pertambahan sebanyak RM2 juta. Adakah ia untuk perancangan RMKe-12 nanti? Mohon sedikit butiran.

Mengenai Butiran 020400 – Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil (RISDA) yang diberikan RM200 juta memang tiada perubahan.

■1510

Adakah ini bermaksud bahawa RISDA dapat beroperasi dengan lebih efisien, maka tidak memerlukan tambahan? Saya juga hendak tahu apakah, berapa banyak wang daripada ini akan digunakan untuk RISDA di negeri Johor, khususnya di Daerah Segamat dan Parlimen Segamat?

Isu mengenai hal ehwal rakyat pula mengenai Butiran 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung/Sabah/Sarawak, kita mendapati bahawa sebanyak RM90 juta diperuntukkan. Saya mahu tahu bagaimana ia akan diagihkan dan projek mana yang akan dilaksanakan?

Berkenaan dengan projek pembangunan pula, kita mendapati daripada RM75 juta daripada RM226 juta, apakah jenis projek dan saya perlu tahu adakah projek ini akan dilaksanakan di Parlimen Segamat.

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Oh! Di Parlimen Segamat. Terima kasih. Daripada RM75 juta kepada RM226 juta, apakah jenis projek yang akan dilaksanakan di Parlimen Segamat? Butiran 04000 iaitu Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan juga Butiran 16200 – Projek Jalan FELDA, saya juga ingin tahu apakah projek ini akan dilaksanakan di Parlimen Segamat kerana kita mendapati banyak juga kawasan FELDA yang mempunyai jalan yang tidak baik. Manakala, mengenai Felda Palong Timur pula, mereka terpaksa melalui estet dan tiada jalan tersendiri, ia amat berbahaya.

Mengenai Butiran 16500 – Program Kelestarian FELDA. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana sebelum ini hampir RM2.2 bilion hingga RM2.3 bilion hutang telah dilangsaikan. Akan tetapi saya perlu tahu juga apakah projek-projek yang bakal dilaksanakan khususnya di Felda Palong Timur, Segamat.

Butiran 93500 – Projek Khas sebanyak RM100 juta disediakan. Saya pun hendak faham apakah projek-projek khas yang akan dilaksanakan kerana saya mendapati di Parlimen Segamat, kita mendapati bahawa IPD Segamat yang telah dirancang agak lama, tanahnya sudah dibeli tetapi tidak dilaksanakan, saya berharap ia akan dilaksanakan dalam RMKe-12, *Rolling Plan 1*.

Begitu juga dengan RTS tebatan Sungai Siput, Jalan Muadzam ke Segamat dan juga beberapa projek iaitu juga bangunan persekutuan di Segamat. Walaupun tanahnya telah dibeli tetapi kita mendapati Jabatan Imigresen sendiri tidak ada bilik mesyuarat dan sebagainya, mereka tidak dapat berfungsi dengan sempurna. Begitu juga dengan *civil defense*. Ramai yang duduk di laluan pejalan kaki dan juga sebagainya di Segamat. Mengenai isu...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat, projek khas ada RM100 juta sahaja untuk kementerian ini tetapi Kementerian Kewangan, projek khas ada RM3.036 bilion Yang Berhormat Segamat. Kenapa Kementerian Kewangan ada banyak sangat projek khas sedangkan kementerian ekonomi cuma RM100 juta? Jauh sangat beza itu.

Sepatutnya separuh daripada projek khas Kementerian Kewangan itu bagi kepada– macam Menteri Kewangan tidak percaya kepada Menteri Hal Ehwal Ekonomi.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Saya rasa Yang Berhormat Pontian memang bijak bertanya tetapi saya bukanlah Menteri untuk menjawab. Saya izinkan Yang Berhormat Menteri sendiri untuk menjawab. Akan tetapi saya bersetuju seandainya lebih banyak wang diberikan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi khususnya untuk pelaksanaan *development project* (DE) kerana kita mendapati kebanyakannya ada diberikan kepada OE. Ini mungkin kita Yang Berhormat Menteri untuk menerangkannya nanti. Yang Berhormat Menteri akan terangkan nanti.

Mengenai Wawasan Kemakmuran Bersama, ini satu perkara yang saya perlu bawa kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Kita mendapati masyarakat India ini telah dijanjikan sebanyak RM4 bilion dalam masa 10 tahun bermula dengan RM100 juta diberikan untuk pembinaan ekuiti di mana kita mendapati bahawa ia tidak termasuk dalam perbelanjaan lepas dan tidak juga termasuk dalam perbelanjaan kini.

Oleh sebab itu, saya hendak bertanya bagaimanakah ia akan dilaksanakan kerana Yang Amat Berhormat Langkawi sendiri telah berjanji, ini ayat dia, "*I would take care of the Indian society, I understand the problem*". Akan tetapi kita mendapati ia tidak dimasukkan dan ini satu perkara kalau boleh Yang Berhormat Menteri dalam RMKe-12 nanti, kita ada juga unsur-unsur di mana kita mendapati bahawa masyarakat tertentu ini diberikan perhatian. Begitu juga dengan masyarakat bumiputera di luar bandar dan masyarakat di...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Ya, dipersilakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat dan kami semua, puak-puak kami di sini ingin menyatakan bahawa kami menyokong supaya peruntukan kepada kaum India itu ditingkatkan. Dalam keadaan sekarang, kita lihat peruntukan untuk orang India itu dipinggirkan dan kita lihat Yang Berhormat Jelutong tidak mempertahankan pun. Yang Berhormat Segamat sahaja yang bertanya, memperjuangkan orang India bersama kami, Barisan Nasional.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Saya rasa...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kita bukan macam di sebelah sana, kita menjaga semua rakyat, Melayu, Cina, India semua kita jaga. Pakatan Harapan.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Okey, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi kaum India dipinggirkan dalam bajet Pakatan Harapan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau...

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Saya rasa bajet Pakatan Harapan tidak dipinggirkan. Kita mendapati bajet yg BN berikan dan bajet *under* Pakatan Harapan adalah sama. Akan tetapi yang saya perlu bawa khususnya dalam RMK...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kita bukan macam Barisan Nasional, perkauman.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** ...Saya perlu bawa dalam RMKe-12 nanti, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi kerana kita mendapati dalam jadual 4/20 iaitu nilai jurang pendapatan penengah di mana kita mendapati dalam buku yang diberikan iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama, kita mendapati median untuk masyarakat Cina, isi rumah ialah 6,582; India ialah 5,428; Melayu ialah 4,846.

Akan tetapi satu *survey* yang telah dikeluarkan oleh *University of Monash* juga mendapati bahawa bumiputera mendapat 5,548; India 6,246; Cina 7,665. Akan tetapi sayangnya adalah kita mendapati data-data ekstrem ini tidak dikeluarkan. Kalau kita mendapati 10 orang India terkaya di Malaysia ini, kalau kita masukkan maka kita mendapati bahawa 90 orang daripada 100 India adalah miskin. Contohnya RM6,246 adalah 83 peratus, kalau kita bandingkan T20 hingga B40.

Maksudnya B40 ini adalah 17 peratus. Seramai 227 isi rumah yang hanya mendapat RM2,367 sahaja untuk satu isi rumah. Akan tetapi 10 peratus isi rumah hanya mendapat RM22,000 ataupun kurang daripada RM1,000 sebulan. Ini merupakan satu masalah yang besar. Maka ia bukanlah satu masalah masyarakat India tetapi satu masalah Malaysia kerana kita mendapati apabila satu-satu kaum tertinggal, maka ia akan menunjukkan masalah.

Pada masa yang sama, saya berharap Yang Berhormat Menteri— kita mendapati mungkin data-data ekstrem ini harus dikeluarkan. Contohnya orang yang berbilion-bilion ringgit seperti Tan Sri Anand Krishnan, Tan Sri Tony Fernandes. Kalau mereka dimasukkan juga, maka kita mendapati 20 orang ini seolah-olah bahawa pemboleh ubah di mana mediannya agak tinggi. Akan tetapi kalau data ini dikeluarkan, maka kita mendapati ramai di antara mereka akan mempunyai pendapatan isi rumah yang kurang daripada RM1,500. Saya harap dalam RMKe-12 nanti, perkara ini akan dikaji secara teliti. Saya berharap bahawa pakar-pakar ekonomi juga akan melihat.

Pada masa yang sama, saya juga ingin membawa perhatian kepada Yang Berhormat Menteri bahawa masyarakat Melayu di luar bandar khususnya di FELDA dan sebagainya, mereka memang di bawah, di mana kita mendapati dengan pendapatan yang tidak menentu daripada kelapa sawit dan sebagainya. Saya juga berharap mereka juga akan diberikan perhatian.

Yang Berhormat Menteri, ini adalah permintaan khas daripada Segamat untuk projek-projek pembangunan. Ini kerana apabila saya berbincang dengan Kementerian Kerja Raya khususnya apabila mendapati jalan persekutuan, kita dapat jalan-jalan negeri cukup baik dan lebih baik daripada bandar contohnya jalan daripada Gemas ke Segamat. Jalan ini keadaannya agak teruk kalau tengok di mana jalannya adalah tidak selamat. Saya berharap bahawa kementerian MEA akan menyediakan peruntukan khas.

Begini juga dengan yang saya sebutkan tadi IPD Segamat. Walaupun tanahnya telah dibeli dan sebagainya, bangunan yang ada sekarang adalah bangunan sejak 1930-an yang

dibuat daripada kayu, papan dan sebagainya. Bangunan Persekutuan, ini satu yang harus kita laksanakan di Parlimen Segamat. Kita dapati ia agak mundur dan sebagainya.

Saya rasa kesian juga dengan warga Segamat walaupun di bawah pimpinan BN, khususnya di bawah pimpinan MIC selama 35 tahun walaupun presidennya ialah Presiden MIC tetapi ia begitu terpinggir di mana daripada jalan utama tidak dilaksanakan. Begitu juga dengan Bangunan Persekutuan, di mana kita mendapati mereka terpaksa menyewa bangunan dan juga mereka *civil defense*. mereka duduk di laluan pejalan kaki. Kesian mereka, tidak ada meja pun. Kalau ini yang kita harapkan...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Dengar, dengar, dengar itu.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** ...*We want-* Yang Berhormat Arau sebentar lagi, saya akan bagi Yang Berhormat Arau. *We want first class mentality...*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** MIC parti perkauman...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat adalah...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Hanya jaga orang India, orang Melayu, orang Cina, MIC tidak jaga.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Orang yang terkaya di kalangan Ahli Parlimen, Yang Berhormat adalah yang paling kaya di Parlimen ini.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Okey, biar saya terangkan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Orang yang terkaya di Malaysia pun...

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, itu tidak berkaitan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Ananda Krishnan, Tan Sri Arumugam ialah daripada orang India. Semua adalah...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** MIC parti perkauman.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Di zaman MIC, Yang Berhormat, MIC. Termasuk Yang Berhormat Jelutong belajar di universiti, menjadi *lawyer* pada zaman MIC termasuk Yang Berhormat sendiri.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bukan duit '*mak bapak*' mereka lah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Dan bukan hendak beritahu...

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Saya hendak buat kesimpulan ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia sebut '*mak bapak*'.

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, itu tidak berkaitan dengan perbahasan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** '*Mak bapak*'.

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Segamat menggulung.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Saya hendak menggulung, boleh ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, Tuan Pengerusi dia sebut 'mak bapak'. Boleh ya?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau jangan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Eh, ini bukan 'mak bapak' kamu punya Parlimen lah.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Yang Berhormat Arau, itu bukan Segamat Yang Berhormat Arau ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak, tidak itu Yang Berhormat Jelutong.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Okey, saya hendak menggulung.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila menggulung.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Akhir sekali, saya hendak memastikan bahawa jika kita hendak maju dan membina negara ini, kita harus bekerjasama juga dengan pembangkang.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

#### ■1520

Yang Berhormat Menteri, saya benar-benar berharap bahawa Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ini khususnya pegawai-pegawai ini akan bekerja bersungguh-sungguh dan kita memang perlukan pemangkin ekonomi adalah daripada kementerian Yang Berhormat Menteri. So, ini permohonan daripada adinda kepada kakanda. Saya harap permohonan-permohonan ini akan diberi perhatian yang serius. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kubang Kerian. Sila.

#### 3.20 ptg.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Pertama, terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi ruang kepada saya dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa. Pertama, hendak ucap tahniah Ketua Pengarah Yang Berhormat Menteri kerana datang sendiri mendengar dan mengikuti perbahasan bagi menjawab tidak sebagaimana Menteri yang lain yang hantar Timbalan Menteri sahaja. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Contoh Menteri yang baik.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Saya ingin bicarakan dalam beberapa...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bakal.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Pertama sekali berhubung dengan Butiran 020000 – Perancangan Pembangunan Sosioekonomi. Saya ingin bertanya mengenai proses penggubalan Rancangan Malaysia Ke-12. Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah pun menganjurkan persidangan bagi memulakan

RMKe-12 pada bulan Julai yang lalu dan disusuli dengan program *roadshow* ke seluruh negara dalam tempoh empat bulan baru-baru ini.

Selain itu, saya juga ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan *Inter-Agency Planning Groups* (IAPGs). Setakat ini berapa jumlah *technical working group* (TWG) dan *focus group* yang telah dibentuk serta hasil perancangan yang telah dicapai sepanjang program ini dijalankan? Adakah proses libat urus tersebut melibatkan juga pertubuhan bukan kerajaan dan parti-parti pembangkang?

Saya bersetuju sebagaimana rakan-rakan yang lain bahawa Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sepatutnya mendapat peruntukan yang besar kerana ia di antara pemangkin utama bagi menjana ekonomi negara. Dengan jumlah peruntukan yang ada, saya fikir perlu ditambah khususnya dalam perancangan Rancangan Malaysia Ke-12. Saya ingin minta perhatian daripada pihak kementerian untuk berusaha merealisasikan tasawur atau prinsip dan sistem ekonomi Islam terutamanya dalam perancangan pelan pembangunan jangka panjang seperti RMKe-12. Tan Sri Dr. Kamal Salih, Pengurus *Malaysian Institute Of Economic Research* (MIER) pernah menyuarakan perkara ini dalam Majlis Penasihat Kerajaan di Menara Ilham pada 5 Julai 2019 yang lalu.

Seterusnya perkara kedua yang saya ingin bangkitkan ialah apakah status dan perkembangan semasa mengenai persijilan MS ISO 37001 iaitu Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) di semua agensi kerajaan. Adakah sijil MS ISO 37001 ini telah diguna pakai sebagai syarat kelayakan yang dikenakan ke atas syarikat swasta untuk membida projek-projek kerajaan? Bagaimana pula usaha kerajaan untuk memperluaskan pegawai integriti bertauliah dalam aktiviti syarikat milik kerajaan? Kalau boleh, saya mencadangkan supaya MS ISO 37001 ini dijadikan salah satu di antara syarat di mana syarikat-syarikat swasta yang ingin membida projek-projek kerajaan dimasukkan.

Perkara yang ketiga ialah berhubung dengan butiran yang sama ialah mengenai pemerkasaan agensi bumiputera. Saya ingin mendapat penjelasan, sejauh manakah resolusi kongres masa depan bumiputera dan negara telah dilaksanakan. Dalam isu ini, saya ingin minta pihak kerajaan menyatakan faktor kemerosotan pemilikan ekuiti korporat bumiputera daripada 23 peratus pada tahun 2011 kepada hanya 16 peratus pada tahun 2015. Saya juga ingin pihak kerajaan menyemak semula pemilikan ekuiti korporat oleh warga asing yang kini berada pada tahap 45 peratus berbanding sasaran awal sekadar hanya 30 peratus.

Berhubung dengan Butiran 020400 – Pihak Berkusa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Isu yang besar yang boleh kita— saya ketengahkan di sini ialah masalah banyak FELDA – FELDA getah sekarang ini telah bertukar kepada FELDA sawit dan juga di kampung-kampung penanam-penanam getah pun sudah berhenti dan menukar kepada sawit. Akibatnya kita dapati banyak FELDA telah pun bertukar daripada getah kepada sawit dan demikian juga akibat daripada itu, berpuluhan-puluhan buah kilang getah terpaksa ditutup. Saya ingin mendapat penjelasan tentang berapakah sebenarnya angka yang tepat FELDA daripada FELDA

sawit yang bertukar kepada tanaman getah. Ini kerana ia ada implikasi kepada perancangan ekonomi terutama dalam sumber-sumber ekonomi nanti.

Butiran 020300 – Jabatan Perangkaan Malaysia. Lanjutan daripada komentar Profesor Philip Alston pada Ogos lalu berhubung dengan garis kemiskinan, saya dapati bahawa agensi-agensi bawah kerajaan negeri khususnya perbadanan kemajuan negeri-negeri tidak mendapat peruntukan yang sama. Saya ingin dapat penjelasan, apakah mekanisme kementerian bagi peruntukan mengikut negeri-negeri tidak sama. Ada agensi negeri yang mendapat lebih kurang RM30 juta, ada yang hanya dapat RM8 juta, ada negeri yang mendapat RM2.9 juta dan sebagainya. Jadi, apakah kaedah pengagihan tersebut, apakah dia diberi berdasarkan permohonan daripada negeri ataupun kepentingan-kepentingan pembangunan wilayah yang seimbang yang menjadi polisi bagi kerajaan.

Seterusnya saya ingin bangkitkan isu di bawah Butiran 16500 – Program Kelestarian FELDA. Saya ingin bertanya beberapa perkara berhubung dengan FELDA, terutama isu penstrukturkan semula hutang kumpulan FELDA. Adakah FELDA telah menstrukturkan semula pembayaran prinsipal dan penangguhan bayaran balik pinjaman sebanyak RM1.98 bilion pada tahun 2019? Bagaimana pula baki pinjaman yang perlu dijelaskan bermula tahun 2020 yang berjumlah 9.3 bilion? Mohon perincian berhubung dengan perkara ini, sebab isu ini antara isu yang dibangkitkan di kalangan peneroka-peneroka FELDA.

Kedua, berapakah jumlah pinjaman yang telah diberikan kepada peneroka? Apakah status peruntukan dana untuk penghapusan faedah atas hutang kebun peneroka FELDA? Bagaimana keberkesanan kutipan pinjaman Skim Muafakat iaitu skim penanaman semula kelapa sawit dan getah termasuk pengenalan format penyata pinjaman baharu yang dikatakan lebih telus kepada peneroka? Isu di sini ialah, peneroka tidak mendapat data ataupun maklumat yang jelas ataupun baki hutang yang mereka tanggung dan kos yang terpaksa mereka tanggung hasil pembangunan semula ladang-ladang FELDA yang mereka serahkan kepada pihak FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal Butiran 00104 – Penyusunan Semula Masyarakat. Kita dapati dalam pada belanjawan pada tahun hadapan, peruntukan ini kekurangan sebanyak RM250 juta berbanding tahun 2019 sebanyak RM300 juta. Isu utamanya ialah, dalam menyusun semula masyarakat, kita dapati isu besar berlaku ialah di kalangan generasi kedua, ketiga FELDA, penduduk kampung dan sebagainya. Saya cuba ingin mencadangkan supaya satu mekanisme dapat diwujudkan bagi menyusun semula perkembangan ataupun perkampungan sama ada dalam bentuk wujudnya perkampungan tersusun dan sebagainya. Satu mekanisme yang menarik, mungkin kita boleh tengok ialah, tindakan negeri Pahang yang mewujudkan Rancangan Tanah Pemuda (RTP) sebagai satu mekanisme bagi masyarakat generasi kedua, ketiga FELDA di mana diperuntukkan pembangunan kepada generasi muda.

Butiran 95000 – Halal Industry Development Corporation (HDC). Tuan Pengurus, saya dapati isu ini— kita ucap tahniah kepada kerajaan sebab dan khususnya kepada JAKIM kerana

logo Halal JAKIM ini diiktiraf tanpa waswas oleh seluruh dunia. Industri halal ini merupakan satu industri yang sangat besar. Kalau kita dapat pada tahun— dijangka pada tahun 2030, umat Islam seluruh dunia mencecah hampir 2.2 bilion orang dan peluang ini perlu digarap. Sebagai contoh, dalam makanan halal sahaja, makanan halal yang merupakan pendapatan ataupun segmen utama dalam ekonomi halal ini sebanyak RM4.87 bilion dibelanjakan pada tahun 2015. Untuk produk makanan dan minuman yang disahkan halal sebanyak 1.2 bilion.

Jadi industri halal bukan hanya menyentuh soal makan minum, tetapi ia juga merangkumi pelbagai produk yang masih belum diteroka. Seperti produk perkhidmatan termasuk media-media, pelancongan, gaya hidup, fesyen, perubatan dan kewangan. Saya dapat bahawa peluang ini perlu diambil kesempatan di atas peranan yang telah Malaysia mainkan di peringkat antarabangsa. Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya Koridor Pantai Timur yang memberi fokus kepada industri halal itu dapat diberi perhatian dan dapat ditingkatkan pembangunannya supaya peluang yang ada ini tidak diambil oleh pihak-pihak yang lain atau negara-negara yang lain.

#### ■1530

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin menyentuh soal di bawah Butiran 93500 – Projek Khas. Di bawah Butiran 93500 – Projek Khas, kita dapatiti tidak ada suatu kenyataan yang khusus berhubung dengan ke manakah diperuntukkan RM100 juta di bawah Projek Khas ini. Saya dapatiti sebahagian besar perbahasan pada isu ini ialah mereka ingin mendapatkan penjelasan terhadap butir-butir yang telah pun diperuntukkan, kalau boleh saya fikir untuk masa depan setiap peruntukkan yang diberi hendaklah diberikan nota kaki, ke mana dibelanjakan supaya ia tidak perlu ditanya dalam setiap perbahasan. Tuan Pengerusi, saya fikir itu di antara yang saya ingin bangkitkan dan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Taiping. Silakan.

#### 3.31 ptg.

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Setelah meneliti Butiran 70101 hingga Butiran 70113, sebagai wakil rakyat dari negeri Perak saya rasa tertekan apabila mendapati Perbadanan Kemajuan Negeri Perak tercicir daripada senarai peruntukan tersebut. Oleh itu, minta penjelasan pihak kementerian apakah projek-projek yang dirancang untuk negeri Perak? Untuk makluman Jawatankuasa, Perak agak ketinggalan dalam arus pembangunan perdana, jadi besarlah harapan Taiping agar lebih banyak perhatian dan peruntukan akan disalurkan ke negeri Perak.

Seterusnya, mengenai pendapatan per kapita nasional. Pada tahun 2018, mencapai RM43,086 dan sasaran pada tahun 2020 ialah RM47,720 satu peningkatan melebihi 10 peratus disasarkan dalam tempoh dua tahun. Ia merupakan satu sasaran yang agak mencabar dan saya berharap dengan usaha pihak kerajaan secara bersungguh-sungguh sasaran untuk tahun 2020

akan tercapai. Saya juga memohon pihak kementerian mengumumkan sasaran pendapatan per kapita nasional untuk tahun 2030 dan pada masa yang sama memberi penjelasan yang terperinci atas kaedah-kaedah yang telah dirancang dalam usaha mencapai wawasan kemakmuran bersama tahun 2030.

Beralih ke Butiran 020200 – Kawalan dan Pemantauan, di bawah tajuk Perancangan Pembangunan Sosial Ekonomi. Peruntukkan tambahan sebanyak lebih kurang RM50 juta dicadangkan, ia merupakan satu langkah yang positif dalam usaha menambah baik keberhasilan projek pembangunan. Persoalan saya ialah, kenapa peratusan projek siap mengikut masa dan kos yang telah mencapai 96.2 peratus pada tahun 2018 hanya disasarkan pada 85 peratus pada tahun 2019 dan tahun 2020. Pada saya, ia akan membawa satu anggapan kurang keyakinan terhadap pentadbiran kerajaan yang begitu komited. Mohon penjelasan pihak kementerian dalam isu ini dan minta huraikan kaedah-kaedah untuk mengatasinya. Itu sahaja daripada saya dan mohon penjelasan daripada pihak kementerian sekian. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelebu selepas itu Yang Berhormat Sandakan.

### 3.34 ptg.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Pengerusi, kali pertama buat kali pertamanya saya bersetuju dengan Yang Berhormat Rasah, sejumlah peruntukkan harus diberikan kepada Negeri Sembilan. Sekali lagi saya jelaskan bahawa Negeri Sembilan adalah merupakan *second Klang Valley, second wilayah, second Kuala Lumpur in the making*, jangan pandang mudah. Saya hendak minta kementerian supaya beri penjelasan, berapakah peruntukkan pembangunan ini yang akan diberikan kepada Seremban secara *personal* nya kepada Negeri Sembilan dan kepada Parlimen Jelebu secara spesifik.

Tuan Pengerusi, saya masuk kepada Butiran 16500 – Program Kelestarian FELDA. Antara isu yang ingin saya bangkitkan adalah berkenaan dengan pengurusan lestari kebun peneroka. Saya mendapat maklumat Tuan Pengerusi, daripada penduduk di kawasan FELDA bahawa FELDA telah mengeluarkan *Request for Proposal* (RFP) kepada syarikat swasta untuk kaedah pelaksanaan projek PLKP ini.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah maklumat yang saya terima atau pun yang *public* terima ini benar? Jika ia benar, pada saya ia adalah merupakan satu perkara yang tidak sepatutnya berlaku kerana bagaimana FELDA boleh membuat pengumuman pelaksanaan projek jika belum ataupun masih belum ada lagi kaedah untuk dimuktamadkan sehingga terpaksa minta pihak swasta untuk *come out* dengan beberapa *proposal* dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, di dalam program PLKP ini, telah diumumkan bahawa Felda Bukit Rokan di Negeri Sembilan akan dijadikan sebagai Felda perintis bagi projek ini. Akan tetapi, melalui maklum balas yang saya terima di Negeri Sembilan terutamanya di kalangan ramai

penduduk di Felda Bukit Rokan. Mereka rata-rata tidak setuju untuk menggabungkan tanah mereka di bawah satu pengurusan seperti yang dicadangkan dalam projek PLKP. Mereka memaklumkan bahawa ia adalah masih di dalam proses rundingan. Saya mohon pihak kementerian untuk memberikan penjelasan.

Saya juga ingin penjelasan berkaitan dengan keseluruhan penduduk dan masyarakat peneroka di FELDA Bukit Rokan ini, berapakah jumlah bilangan peneroka yang bersetuju dan bagaimana pihak kementerian boleh mengumumkan projek ini ataupun Felda Bukit Rokan ini sebagai Felda perintis jika tidak ada sebarang *engagement* dengan golongan peneroka dan sebagainya? Apakah perancangan dan pelan B yang disediakan oleh pihak kementerian jika FELDA gagal mendapatkan persetujuan penduduk di Felda Bukit Rokan ini? Maksud saya untuk pelaksanaan projek ini dan apakah mereka seperti biasa akan dijadikan sebagai kambing hitam ataupun dipaksa untuk menerima ataupun mereka mempunyai opsyen-opsyen yang lain yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada topik kedua iaitu Perumahan Generasi Baru Felda (PGBF). Yang Berhormat Bagan juga ada mengumumkan RM70 juta Tuan Pengerusi untuk perumahan generasi kedua FELDA di dalam pembentangan tempoh hari. Saya sudah sebut berkali-kali tentang projek-projek PGBF ini tetapi kalau kita lihat butiran kementerian ini tiada satupun butiran khusus yang merujuk kepada rumah generasi kedua FELDA. Adakah rumah generasi kedua FELDA – belum tumbang. Adakah rumah generasi kedua FELDA ini termasuk dalam projek-projek kelestarian FELDA?

Saya hendak minta penjelasan tiga tajuk khusus di dalam topik ini iaitu Tuan Pengerusi saya minta penjelasan kementerian atau Yang Berhormat Menteri tentang projek rumah kedua generasi kedua FELCRA Lakai yang mana Yang Berhormat Menteri sudah jawab di dalam Dewan Rakyat dalam sesi yang lepas bahawa projek yang berkenaan yang bernilai RM13 juta untuk 113 unit rumah akan disiapkan dan dilaksanakan bagi tahun 2019. Akan tetapi sekarang sudah masuk bulan November, projek ataupun tidak ada sebarang tanda-tanda untuk melaksanakan projek yang berkenaan.

Yang kedua Tuan Pengerusi, saya hendak tanya juga tentang rumah generasi kedua Felda Pasoh 1, sebanyak 112 unit sudah siap, kita sudah masukkan penerima ataupun golongan generasi kedua untuk menerima rumah tetapi ada 32 unit lagi masih kosong yang saya sebut juga di dalam Dewan Rakyat sehingga hari ini masih lagi belum diambil tindakan untuk pengisian baki 32 unit. Rumah semakin hari semakin rosak, vandalisme berlaku dan ini akan menambahkan kos bagi FELDA.

Ketiga Tuan Pengerusi, Pasoh 2 dan Pasoh 3 ada sebanyak 250 unit rumah generasi kedua FELDA yang terbengkalai yang pada jangkaan saya ini adalah telah melebihi daripada 70 peratus proses pembinaan yang mana Yang Berhormat Menteri sendiri beritahu dalam Dewan Rakyat bahawa sejumlah 150 juta disiapkan ataupun disediakan untuk meneruskan projek pembinaan rumah generasi kedua FELDA yang telah siap 70 peratus Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin memetik satu artikel yang dikeluarkan oleh *The Edge* ini Tuan Pengerusi, *news break, Syed Mokthar making move on FGV*. Saya ingin memetik artikel ini Tuan Pengerusi, yang bertarikh 30 September. Di dalam artikel ini telah disebutkan bahawa Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary, dikatakan sedang menyusun langkah untuk mengambil alih pegangan saham utama FGV.

■1540

Secara ringkasnya apa yang ditulis dalam artikel ini adalah Tan Sri Syed Mokthar dikatakan merancang untuk mewujudkan *special purpose vehicle* atau SPV di bawah unit persendirinya iaitu Restu Jernih Sdn Bhd. Antara perancangan beliau adalah untuk mendapatkan blok saham FGV daripada FELDA dan KPF.

Pada ketika ini, terdapat tiga entiti utama berkaitan FELDA yang menjadi pegangan utama FGV iaitu FELDA sendiri dengan 21.24 peratus, diikuti oleh FELDA Aset Holding dengan 12.42 peratus dan Koperasi Permodalan Felda Berhad dengan 5.24 peratus. Jika dicampur pegangan tiga entiti utama ini, pegangan saham dimiliki oleh entiti berkaitan FELDA adalah 38.9 peratus.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah artikel yang dikeluarkan *The Edge* adalah benar atau berdasas? Jika ianya benar, adakah pihak kementerian telah dimaklumkan atau dilibatkan dalam sebarang perbincangan awal berkaitan penjualan saham-saham FELDA di dalam FGV?

Rentetan daripada artikel yang dikeluarkan oleh *The Edge* ini juga, pelbagai NGO yang berkaitan dengan FELDA seperti Majlis Belia Felda, Pertubuhan Generasi Warisan Kebangsaan dan yang paling terkini ialah Jawatankuasa Perunding Peneroka (JKPP) telah mengeluarkan kenyataan rasmi berhubung dengan ura-ura tentang berita yang tersebar ini. Kesemua NGO yang saya sebutkan tadi senada dalam hal ini. Mereka berharap dan tidak mahu saham FELDA di dalam FGV dijual kepada mana-mana pihak ketiga kerana ianya mewakili dan mempunyai kepentingan serta nilai lebih kepada 112,000 peneroka yang berada di Malaysia.

Tuan Pengerusi, antara yang menjadi kerisauan mereka adalah kelompongan 30 peratus pemilikan saham FGV yang dimiliki oleh syarikat-syarikat kecil. Ianya mendedahkan jalan penguasaan pihak ketiga yang sedang berusaha mengambil alih kepentingan FGV ini.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, perlu diingat yang mana menjadi rebutan utama ialah aset tanah seluas 335,000 hektar yang sudah mendatangkan hasil RM1.2 bilion hingga ke RM1.8 bilion setahun kepada Felda Holding sebelum diserahkan pajakan kepada FGV dan menjadi aset tarikan utama prospek FGV dengan keluasan tanah pertanian terbesar di dunia sebelum penyenaraian ke papan utama Bursa Malaysia pada tahun 2012.

Secara peribadi, saya melihat faktor-faktor semasa yang melibatkan industri sawit ini lebih memudahkan pengambilan ini jika ianya benar-benar dirancang seperti yang ditulis di dalam artikel yang berkenaan. Faktor yang utama adalah harga pasaran saham yang sangat rendah. Dalam tempoh setahun dari November 2018 sehingga November 2019, saham FGV mencecah

nilai tertinggi pada 7 November 2018 dengan nilai RM1.41 dan pada hari Jumaat yang lalu, nilai saham FGV hanya pada RM1.21. Mungkin, Tuan Pengerusi, jika ada krisis berkaitan sawit dalam jangka masa terdekat seperti yang disebut oleh ramai Ahli Dewan, maka keadaan akan menjadi lebih terdesak untuk FELDA dan KPF yang akan menjadikan mereka tertekan dengan keperluan kewangan dan rasionalisasi pengambilalihan ini akan disorongkan sebagai satu langkah yang positif bagi kedua-dua belah pihak.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya juga kepada kementerian, jika terdapat sebarang rancangan atau cadangan atau permohonan untuk pembelian saham FGV yang dimiliki oleh FELDA, apakah pendirian oleh pihak kementerian? Adakah pihak kementerian akan membenarkan perkara ini berlaku ataupun pihak kementerian akan memastikan pemilikan saham oleh FELDA ini akan dikekalkan walau dalam apa cara sekalipun?

Selain itu, saya ingin bertanya juga kepada pihak kementerian, apakah pandangan pihak kementerian terhadap cadangan oleh sesetengah pihak yang mahukan FELDA serta entiti lain yang berkaitan dengannya untuk membeli tambahan pegangan saham lain di dalam FGV sehingga menjadi 51 peratus berbanding dengan lebih kurang 33.7 peratus pada ketika ini? Adakah pihak kementerian melihat ianya sebagai satu langkah yang tidak mustahil untuk dilaksanakan pada masa yang akan datang?

Tuan Pengerusi, terima kasih, *happy birthday*, moga sempat jadi Menteri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu kerana menepati masa.

Ahli Yang Berhormat, demi memberikan penjelasan yang terbaik, Yang Berhormat Menteri telah pun minta sekurang-kurangnya dua jam diberikan kepada beliau untuk menjawab segala isu yang ditimbulkan. Oleh kerana itu, saya bercadang Yang Berhormat Menteri akan menjawab mulai pukul 5.00 petang sehingga 7.00 petang.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sandakan. Sila.

### 3.45 ptg.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya mula, mari kita mengalu-alukan kedatangan rombongan MPKK Pokok Sena.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, selamat datang. Yang Berhormat Pokok Sena ada di sini.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]:** Saya ingin membangkitkan tiga isu dalam perbahasan saya hari ini. Pertama sekali, saya ingin merujuk kepada muka surat 177 Butiran 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung/Sabah/Sarawak di mana anggaran untuk tahun 2020 adalah RM95 juta. Saya ingin bertanya kepada kementerian tentang butiran projek ini dengan berapakah yang akan dibelanjakan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, kadar kemiskinan di Sabah adalah tertinggi di negara ini dengan

kedudukan pada kadar lapan peratus berdasarkan angka Jabatan Perangkaan Malaysia. Sabah memerlukan perhatian dan tumpuan yang lebih oleh kerajaan baharu.

Kedua, saya ingin merujuk kepada Butiran 00108 – Program Pembangunan di mana jumlah lebih daripada RM226 juta diperuntukkan. Saya ingin bawa perhatian kepada kementerian bahawa terdapat pelbagai projek infrastruktur kritikal sebelum ini telah dirancang di bawah RMKe-11 di Sandakan belum dilaksanakan sehingga ke hari ini. Ini termasuk kampus tetap untuk Sekolah Seni Malaysia Sabah di Pusat Pendidikan Sungai Batang, menaik taraf loji rawatan pembetungan Sandakan dan loji penjanaan kuasa di Pantai Timur. Walaupun Projek Saluran Gas Paip Trans-Sabah telah diteliti, namun tiada inisiatif yang baharu telah diumumkan untuk menangani isu kekurangan kuasa elektrik dan kami masih menghadapi kekurangan kuasa elektrik yang serius di Pantai Timur Sabah.

Sabah dan Sandakan amatlah bergantung kepada komoditi seperti kelapa sawit sebagai industri utama untuk pertumbuhan ekonomi kami. Sawit POIC dibangunkan berdasarkan ini. Walau bagaimanapun, memandangkan ketidakpastian mengenai pasaran komoditi global, POIC kekal hampir mundur dan tidak dapat menarik sektor hiliran untuk menyediakan kilang. Kami amat memerlukan untuk mempelbagaikan ekonomi kita dalam menangani kebergantungan kita terhadap komoditi tunggal. Oleh itu, saya menggesa kementerian untuk mempertimbangkan strategi dan dasar yang berbeza bagi memulihkan ekonomi Sabah dengan segera.

Ketiga, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 00109 – Program Kerjasama Serantau IMT-GT dan BIMP-EAGA di mana hanya RM4 juta diperuntukkan bagi program ini. Wilayah BIMP-EAGA yang terdiri daripada Brunei, Kalimantan dan Sulawesi dari Indonesia, Sabah dan Sarawak di Malaysia dan Filipina Selatan telah meliputi kawasan seluas 1.6 juta kilometer persegi dengan penduduk hampir 60 juta orang. Bilangan ini sudah mewakili potensi pasaran yang besar untuk kedua-dua Sabah dan Sarawak. Lebih-lebih lagi, Kerajaan Indonesia baru-baru ini mengumumkan bahawa mereka akan memindahkan ibu negara mereka ke Kalimantan. Kerajaan mesti mengiktiraf potensi ini untuk pembangunan ekonomi selanjutnya di rantau BIMP-EAGA dengan memperuntukkan dana yang mencukupi untuk merealisasikan potensi ini melalui program infrastruktur yang lebih baik untuk integrasi ekonomi yang lebih tinggi di rantau ini.

Sebagai gambaran seperti yang dinyatakan di atas, berdasarkan kepada statistik dari Pembangunan Ekonomi dan Lembaga Pelaburan Sabah pada tahun 2018, rakan dagangan utama Sabah selain daripada Semenanjung Malaysia adalah India, China dan Australia dalam urutan masing-masing. Perdagangan kami dengan jiran terdekat adalah Indonesia dan Filipina adalah kurang dari separuh dengan Australia. Salah satu sebab ini adalah kurangnya *accessibility* dan integrasi dengan ekonomi di rantau BIMP-EAGA. Kalimantan bersebelahan dengan kami di Sabah, namun tidak mempunyai jalan dan kemudahan CIQ pada saat ini bagi menghubungkan dua tempat. Oleh itu, kegiatan perdagangan adalah terhalang. Selain itu, Sabah juga boleh menjadi pusat perdagangan utama di rantau BIMP-EAGA tetapi kerana

kekurangan infrastruktur seperti terminal feri, kompleks pelabuhan dan pelabuhan moden dan logistik CIQ yang berdedikasi, kami tidak dapat memanfaatkan peluang ini.

■1550

Saya menggesa kerajaan untuk memberi perhatian yang lebih kepada BIMP-EAGA dan meningkatkan pembiayaan bagi pelbagai program untuk menjadikan Sabah hab pengangkutan dan logistik di hab rantau BIMP-EAGA. Sekian dan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jempol. Yang Berhormat Jempol, tadi ada dalam Dewan.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Tuan Pengerusi, dia keluar sekejap sahaja.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Kalau macam ini boleh jemput Yang Berhormat Kuala Kangsar ganti Yang Berhormat Jempol?

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Tak apa. *[Ketawa]* Saya selepas, ikut senarai. Ikut senarai, siapa selepas?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, tak apa. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat... *[Yang Berhormat Jempol berlari masuk]* Ha, sekarang sudah masuk. Baru sempat masuk.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Eh, penat sat lagi ini. Perlahan-perlahan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila, sila Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Penat nanti Yang Berhormat Jempol, hati-hati Yang Berhormat Jempol. Makan ubat dahulu.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Dah, dah makan ubat dah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Selepas Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Jeli.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Sabar-sabar. Jangan ada yang tumbang, sabar-sabar.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sabar, sabar. Jangan pitam.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Ha, jangan pitam.

**3.51 ptg.**

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berada dalam keadaan tenang dan tak rebah ya. Pertamanya, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana telah beri peluang untuk berbahas bersama dalam Bekalan 2020, peringkat Jawatankuasa Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Jadi, saya hendak menyentuh terus kepada beberapa butiran. Saya ingin maklumkan juga, di Jempol ini lebih kurang 30 skim FELDA, termasuk Rancangan FELCRA Pekebun Kecil dan juga Pekebun Kecil RISDA, di mana Yang

Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi juga pernah hadir ke Jempol. Jadi, dia tahu apa masalah yang berada di Jempol.

Jadi, mengikut Butiran 16200 – Projek Jalan FELDA, RM70 juta. Butiran 16300 – Projek Sistem Bekalan Air FELDA, RM10 juta. Butiran 16500 – Program Kelestarian FELDA, RM620 juta. Jumlah keseluruhan, RM790 juta. Jadi, dalam Belanjawan 2020, RM810 juta untuk Kebajikan Masyarakat FELDA. RM250 juta untuk Program Meningkatkan Pendapatan, 11,600 orang. RM300 juta untuk hapus kira FELDA (Faedah Pinjaman Peneroka), RM100 juta untuk bekalan air dan RM70 juta untuk Perumahan Generasi Baharu serta RM90 juta untuk menaiktarafkan jalan dan infrastruktur asas.

Isu jumlah peruntukan yang tidak selari berdasarkan pembentangan Bajet 2020, RM810 juta diperuntukkan untuk menjaga kebajikan masyarakat FELDA. Walau bagaimanapun, butiran terdapat di bawah Kementerian Hal Ekonomi berkaitan FELDA hanyalah RM790 juta. Terdapat pengurangan RM20 juta berbanding peruntukan yang telah diumumkan sebelum ini. Jadi, di manakah baki peruntukan RM20 juta? Ke manakah peruntukan tersebut telah dibelanjakan? Mengapakah tidak diperincikan di bawah butiran kementerian? Isu projek jalan dan infrastruktur asas FELDA. Berdasarkan pembentangan Bajet 2020, RM90 juta diperuntukkan untuk menaiktarafkan jalan dan infrastruktur asas FELDA. Berdasarkan Butiran 16200 - Projek Jalan FELDA, sebanyak RM70 juta peruntukan untuk Projek Jalan FELDA bagi tahun 2020. Berlaku pemotongan peruntukan sebanyak RM30 juta berbanding tahun 2019 iaitu RM100 juta. Bagi infrastruktur asas FELDA pula, hanya RM20 juta sahaja diperuntukkan bagi tahun 2020. Peruntukan bagi infrastruktur asas FELDA tidak diperincikan di bawah butiran kementerian. Mengapakah peruntukan bagi projek jalan FELDA dipotong bagi tahun 2020 sedangkan kawasan FELDA di kawasan saya, contohnya di Raja Alias dan juga di Gugusan Palong masih lagi banyak jalan-jalan rosak yang tidak diperbaiki?

Isu perumahan generasi baharu. Berdasarkan peruntukan Belanjawan 2020, RM70 juta diperuntukkan bagi Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF). Sebelum ini, semasa soal jawab lisan bertarikh 28 Mac 2019, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sebanyak 30 tapak PGBF bermasalah akan memberi kesan terhadap 6,816 unit rumah. 11 tapak PGBF mempunyai 1,734 buah rumah terbengkalai terpaksa diberhentikan pembinaannya. Kertas Putih yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri tempoh hari, RM250 juta telah pun diluluskan tahun ini untuk menyiapkan 4,794 unit perumahan PGBF yang terbengkalai, khususnya kemajuan pembinaan 70 peratus ke atas. FELDA memerlukan suntikan sebanyak RM711 juta bagi menyelesaikan masalah PGBF. Peruntukan berjumlah RM70 juta bagi tahun 2020 amat sedikit dan tidak mungkin boleh menyelesaikan 4,790 buah rumah yang tidak siap tahun lepas. Berdasarkan kepada jumlah peruntukan itu, berapa unit kah rumah baharu yang dibina ataupun unit rumah terbengkalai akan siap? Di Jempol sahaja, lebih kurang 500 unit rumah PGBF di Jempol, terutama di kawasan Palong tidak langsung disentuh daripada peruntukan ini. Apakah perkembangan semasa berkaitan dengan RM250 juta yang diluluskan sebelum ini?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Ya, sila.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Projek Perumahan Generasi Kedua, Ketiga. Adakah pada pandangan Yang Berhormat Jempol, elok juga jika FELDA tidak mempunyai kewangan RM711 juta ini, boleh bersama dengan SPNB misalnya, ada projek SPNB untuk membantu FELDA sebagaimana yang dibuat di Tenggara dan juga Kota Tinggi. Apabila SPNB mengambil alih, bolehlah membayar RM120 ke RM200 sebulan untuk rumah tiap-tiap bulan oleh peneroka FELDA ataupun anak peneroka. Iaitu bersama dengan agensi lain untuk menyelesaikan masalah.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Okey, boleh masukkan dalam saya punya ucapan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Sikit boleh, Yang Berhormat Jempol? Tuan Pengerusi, saya pasal jalan raya tadi. FELDA peruntukan hanya RM70 juta, tak cukup Yang Berhormat Jempol. Kawasan FELDA terlalu banyak. Jelebu, Jempol banyak jalan perlu diperbaiki. Saya nak tanya dan minta penjelasan daripada kementerian. Peruntukan MARRIS pada setiap tahun kepada negeri-negeri banyak lebih, terutama macam Negeri Sembilan dan sebagainya. Boleh tak *convert* peruntukan MARRIS ini diguna pakai untuk digunakan di kawasan FELDA? Terima kasih Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Okey, terima kasih. Masukkan juga dalam ucapan saya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, KPLB juga Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yes, masukkan semua. Semuanya dalam saya punya perbahasan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Oleh sebab apabila berada dalam satu kerajaan, maka semua sekali boleh diperuntukan untuk FELDA.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Okey, okey. Ya, ya. Dah habis dah saya punya masa.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini macam regu takrawlah, tiga orang satu pasukan.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** *[Ketawa]* Jadi, isu perumahan di kawasan Jempol khususnya, dalam kawasan Jelebu, dalam kawasan Pontian, bagi saya isu ini isu dah lama tertangguh. Seperti mana Yang Berhormat Menteri yang bakal Perdana Menteri di masa hadapan, bakal boleh menyelesaikan masalah di kawasan FELDA.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ramai bakal sini, bakal sana.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Ha, bakal. Jadi, isu program peningkatan pendapatan peneroka FELDA. Berdasarkan kepada pembentangan 2020, RM250 juta diperuntukan bagi program meningkatkan pendapatan 11,600 orang peneroka. Jumlah keseluruhan peneroka di negara kita adalah sekitar 112,635 orang. Maka, hanya 10 peratus sahaja akan mendapat manfaatnya. Kadar purata bagi setiap peneroka berdasarkan peruntukan hanyalah RM20,000

seorang, sedangkan ketika ini semua peneroka menerima kesan buruk akibat kegagalan tadbir urus Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini dengan keadaan harga sawit yang rendah, lambakan stok dan juga pengimportan kelapa sawit ke India dan juga ke China menurun.

Juga, apakah bentuk program meningkatkan pendapatan dimaksudkan oleh kementerian menerusi peruntukan berjumlah RM250 juta yang hanya memberi manfaat kepada sebanyak 11,600 peneroka? Adakah melalui pemberian bantuan tunai? Mengapakah hanya 10 peratus jumlah keseluruhan peneroka yang dilibatkan untuk program meningkatkan pendapatan? Bagaimanakah keadaan pemilihan dilakukan untuk 11,600 peneroka dan apakah latar belakang politik ataupun pemilihan dalam urusan pemilihan? Bagaimanakah dengan nasib peneroka yang lain yang terkesan daripada kejatuhan harga sawit?

Isu penghapusan kira faedah pinjaman peneroka. Berdasarkan kepada Belanjawan 2020, RM300 juta diperuntukkan untuk menghapus kira faedah pinjaman peneroka. Peruntukan bagi menghapus kira faedah pinjaman peneroka tidak diperincikan di bawah butiran kementerian. ‘Buku Harapan 10 Janji 100 hari’ janji PRU Ke-14 menghapuskan hutang tidak wajar dipaksa ke atas peneroka. Hutang peneroka telah dimaktubkan dalam- berjumlah RM5.5 bilion, manakala baki RM2 bilion belum dimuktamadkan. Jumlah keseluruhan hutang peneroka sebanyak RM7.5 bilion. Kertas Putih Faedah Pinjaman Peneroka berjumlah RM2 bilion dan memerlukan tujuh tahun untuk menghapuskan. Kadar bayaran hutang tinggi jumlah hutang peneroka kepada FELDA masih banyak, hanya 10 peratus peneroka sahaja yang tidak membuat bayaran hutang. Apakah wajar insentif kementerian untuk menghapus kira hutang pinjaman peneroka dan apakah faedah pinjaman hutang-hutang paksaan tidak wajar?

#### ■1600

Insentif hapus kira faedah pinjaman ini terpakai untuk akaun pembangunan tanaman semula ataupun akaun pinjaman sosial ataupun kedua-duanya sekali. Berapakah bilangan peneroka yang bakal mendapat manfaat? Bagaimanakah dengan nasib peneroka yang tidak berhutang? Apakah insentif untuk golongan tersebut? Apakah kesan jangka panjang terhadap kantung kerajaan sekiranya faedah pinjaman peneroka dihapus sama sekali.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempergerusikan Jawatankuasa]*

Isu percantuman tanah peneroka. Kementerian bercadang untuk mencantumkan tanah peneroka menjadi estet dan akan dilaksanakan dengan secepat mungkin. Projek rintis bagi cadangan tersebut akan mula dilaksanakan. Sekiranya kementerian memperolehi keluasan tanah antara 405 hektar hingga 809 hektar menerusi insentif tersebut, peneroka tidak perlu menyerahkan tanah kepada kerajaan tetapi akan dicantumkan secara pengurusan bagi meningkatkan perolehan hasil. Hal ehwal tanah masih di bawah kuasa kerajaan negeri walaupun ada sekatan akta di bawah kawasan penempatan kelompok 1960, GSA. Ada peneroka telah

menerima sijil hak milik tanah masing-masing. Apakah kerangka model baharu yang bakal dilaksanakan untuk percantuman tanah tersebut? Isu pembiayaan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa sudah tamat.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Last. Last.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Rumuskan.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Ya. Isu wang Ses. Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) atau Tabung Wang Ses yang telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952. Kita tahu bahawa setiap kutipan Ses pada kadar 9.92 sen setiap kilo getah dieksport, dimasukkan ke dalam Tabung Wang Ses untuk digunakan bagi program tanaman semula. Jadi, isunya pekebun asalnya menanam getah tetapi menukar tanaman kepada tanaman kelapa sawit. Mereka ini tidak mahu dapat memperolehi semula penabungan yang ditabung 9.92 sen sekilo getah ini tidak dapat ditebus semula oleh kerana mereka ini menukar tanaman daripada getah kepada kelapa sawit. Adakah mereka yang telah menukar tanaman kelapa sawit ini dibagi insentif untuk tanam semula ataupun wang tersebut dikembalikan semula kepada peneroka getah yang asal? Jadi, itu sahaja saya punya perbahasan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Sekarang saya jemput Yang Berhormat...

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Masjid Tanah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jeli. Diikuti oleh Yang Berhormat Dungun dan Yang Berhormat Lembah Pantai.

#### **4.02 ptg.**

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih. Salam sejahtera. Tuan Pengerusi, saya ada empat perkara. Pertamanya, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ini merupakan antara kementerian terpenting dalam usaha-usaha kita untuk mengerakkan ekonomi negara bersama-sama dengan Kementerian Kewangan yang merupakan nadi kepada ekonomi negara. Oleh yang demikian, rakyat meletakkan harapan yang amat tinggi kepada Kementerian Ekonomi bagi memastikan bahawa masalah rakyat di kampung dan di bandar dapat diselesaikan.

Pertama Tuan Pengerusi, Butiran Mengurus 01000, saya hendak tanya berkaitan dengan Majlis Tindakan Ekonomi. Sejak ditubuhkan, saya ingin tahu setakat manakah ia telah berjaya untuk mengerakkan pertumbuhan ekonomi negara? Boleh tidak Menteri ringkaskan apakah pencapaian utama sejak ditubuhkan dan apakah perancangan dalam beberapa bulan akan datang untuk memastikan ekonomi negara kita akan berada pada tahap yang membanggakan?

Kita tahu bahawa Kabinet merupakan penyelaras kepada segala dasar. Akan tetapi dalam konteks ini, saya ingin tahu bahawa ada tidak penyelaras antara empat kementerian ekonomi utama iaitu satu Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, yang kedua Kementerian Kewangan,

yang ketiga MITI, yang keempat mungkin Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pada saya ini merupakan empat nadi utama kerajaan dan saya hendak tahu sama ada terdapat perbincangan yang kerap antara empat-empat kementerian ini untuk memastikan dasar-dasar kita terselaras, memastikan bahawa ekonomi negara dapat dirancakkan dalam keadaan yang amat mencabar. Itu yang pertama.

Kedua ialah Butiran Mengurus lagi 020000 – Jabatan Perangkaan. Dua perkara. Pertama berkaitan dengan ekonomi baharu ataupun *new economy* berkaitan dengan digital ekonomi, Industri Revolusi Ke-4 dalam konteks pekerjaan baharu, *gig economy*. Ini merupakan perkara-perkara baharu. Saya ingin tahu sama ada Jabatan Perangkaan telah mempersiapkan diri sepenuhnya, secukupnya untuk memastikan bahawa angka-angka perangkaan maklumat berkaitan hal-hal baharu ini dapat ditangani dengan baik. Sama ada Jabatan Perangkaan telah pun memulakan usaha untuk mengutip data berkaitan pekerjaan baharu, berkaitan dengan ekonomi yang berdasarkan kepada pekerjaan yang sementara ini. Adakah dibuat kajian tentang *drivers* yang membawa kereta Grab umpamanya? Adakah kajian dibuat tentang *online business*? Saya tahu bahawa kadang-kadang ada *survey*. Ada kajian semasa ke semasa. Maksud saya adalah kajian terperinci, *details study* dengan izin akan dibuat tentang ekonomi ini kerana masa hadapan akan bergantung kepada sektor-sektor tersebut.

Berkaitan dengan ini saya hendak tahu sama ada Jabatan Perangkaan bercadang untuk mendapatkan maklumat yang *detail* dan terperinci berkaitan dengan status pengangguran di kalangan anak muda, status pengangguran di kalangan *graduate*. Kita tahu bahawa ini merupakan salah satu masalah yang dihadapi di peringkat bawah. Ada berkaitan dengan mungkin jenis kursus yang diambil oleh mereka, peluang pekerjaan. Adakah Jabatan Perangkaan berhasrat untuk membuat satu *detail studies* supaya kita dapat memahami apakah sebab-sebabnya berlakunya pengangguran di kalangan anak muda termasuklah pengangguran di kalangan siswazah.

Ketiga Tuan Penggerusi, mengurus Butiran 00100 berkaitan Kajian Kemungkinan. Kita tahu bahawa antara sebab kenapa Malaysia berjaya adalah kerana kemampuan kita untuk membuat kajian terperinci tentang sektor-sektor tertentu, umpamanya kita berjaya untuk mempromosikan industri *healthcare tourism* ini berkembang dengan pesat dengan perolehan lebih RM2 bilion tahun ini. Begitu juga lah kita telah berjaya untuk menggalakkan Malaysia sebagai destinasi utama bagi pelajar-pelajar rantau ini dan dunia untuk belajar di sini. Adakah kerajaan bercadang untuk buat kajian terperinci tentang industri-industri baharu yang perlu kita wujudkan? Adakah kerajaan bercadang berganding dengan badan-badan seperti Bank Dunia dan badan-badan lain untuk memastikan Malaysia dapat mengenal pasti bidang-bidang baharu yang dapat diterokai oleh negara kita. Ini penting untuk memastikan bahawa negara kita terus maju.

Sektor pertanian telah banyak menyumbang kepada negara kita. Pembuatan juga telah banyak menyumbang dan pembuatan akan terus menyumbang kepada kemajuan negara kita

tetapi pada masa akan datang kita tahu bahawa landskap akan berubah dengan ketara. Oleh yang demikian perlu dibuat kajian-kajian kemungkinan yang lebih terperinci termasuklah berkaitan dengan industri baharu termasuklah berkaitan *hightech* industri. Apakah kajian-kajian yang sedang dan telah dilakukan oleh Kementerian Ekonomi dan lain-lain kementerian bersama dengan Bank Dunia untuk memastikan kita dapat kenal pasti bidang-bidang baharu yang dapat diterokai oleh negara kita, Malaysia?

Sehubungan itu, butiran ini juga berkaitan dengan Butiran P. 00100 ini juga. Adakah kerajaan bercadang untuk membuat kajian kenapakah negara kita berjaya di masa lalu? Apa yang penting kita menghadapi cabaran daripada pesaing-pesaing di rantau ini. Kita tahu bahawa dunia semakin mencabar, persaingan di rantau ini semakin mencabar. Jiran-jiran kita di ASEAN, jiran-jiran kita di Asia dan Asia Pasifik umpamanya. Kita tahu bahawa kedudukan kita dalam beberapa *ranking* mungkin mencabar. Jadi, adakah kerajaan ingin melihat apakah tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk memastikan bahawa Malaysia terus dapat mengekalkan kedudukannya sebagai sebuah negara yang hebat, negara yang mampu untuk menarik pelabur, negara yang mampu untuk menjana pertumbuhan yang baik? Bagaimana untuk memastikan bahawa kita bukan setakat dapat mengekalkan kedudukan kita, malah dapat menjadikan Malaysia sebuah negara lebih hebat.

Kita tahu bahawa beberapa negara di rantau ini sedang tumbuh dengan pesat. Kadar pertumbuhannya membanggakan dengan sistem pendidikan yang mungkin lebih canggih. Jadi, adakah kerajaan ingin membuat kajian mendalam bagaimana mengekalkan kejayaan kita? Bagaimana memastikan bahawa Malaysia akan dapat mencapai kejayaan yang lebih hebat di masa akan datang?

Akhir sekali berkaitan dengan P. 96000, Butiran Unit PENERAJU. Ini berkaitan dengan Bumiputera. Kita tahu bahawa hal-hal Bumiputera ini diuruskan oleh Kementerian Luar Bandar, Kementerian Keusahawanan, Kementerian Pertanian dan, beberapa kementerian lain. Saya hendak tahu sama ada dalam kerajaan ada tidak unit seperti PENERAJU ataupun unit-unit lain yang membuat penyelarasan tentang kesemua program Bumiputera ini. Kalau tidak, adakah kemungkinan berlakunya pertindihan dan dengan itu berlakunya pembaziran sumber dan adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji perkara ini?

#### ■1610

Sehubungan dengan Unit PENERAJU ini, saya ingin tahu sama ada Unit Peneraju yang ada hari ini adalah Unit Peneraju yang menjadi pemangkin kepada penyelarasan usaha-usaha untuk memajukan Bumiputera ataupun ia cuma satu unit yang kecil dalam Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula peranan unit ini supaya segala program untuk memajukan Bumiputera berkesan dalam konteks *shared prosperity* supaya Bumiputera dapat menikmati kejayaan dan kemakmuran bersama, bersama-sama dengan rakan-rakan kita, bangsa-bangsa yang lain.

Jadi Tuan Pengerusi, itulah empat perkara yang ingin saya kemukakan untuk perhatian kerajaan dan sekali lagi saya ingin tekankan bahawa rakyat meletakkan harapan yang tinggi kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dalam keadaan negara menghadapi pelbagai cabaran, dalam keadaan kita menghadapi banyak saingan, dalam keadaan di mana kedudukan kita tercabar dan oleh yang demikian, perlunya dibuat kajian terperinci, perlu diadakan dasar-dasar yang strategik untuk memastikan bahawa kita dapat terus makmur dan maju sebagai sebuah negara yang bersatu. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatauh.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** *Waalaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Dungun dan mulai Yang Berhormat Dungun, saya beri tujuh minit. Sila.

#### 4.11 ptg.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatauh.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bagi Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dalam peringkat Jawatankuasa ini.

Yang pertama ialah berkait dengan Butiran 020400 – Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Anggaran RM200 juta yang diperuntukkan bagi tahun 2020 yang juga sama dengan tahun 2019. Namun jika kita melihat kepada Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020 dalam Aktiviti RISDA, fungsi ialah membentuk masyarakat pekebun kecil yang memperoleh purata pendapatan RM4,000 sebulan sekeluarga, pada tahun 2020. Apakah usaha-usaha dan perancangan yang dibuat ke arah mencapai matlamat tersebut memandangkan keadaan harga semasa getah sekarang ini? Apakah matlamat ini akan dapat dicapai?

Yang kedua ialah Butiran 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung, Sabah, Sarawak. Kita semua maklum bahawa kemiskinan di kalangan rakyat meningkat. Jika kajian semula kadar kemiskinan adalah 15 peratus berdasarkan laporan wakil PBB baru-baru ini, bukan 0.4 peratus seperti laporan tahun 2016, tentulah akan berlaku peningkatan mendadak kemiskinan di kalangan rakyat. Maka sepatutnya anggaran peruntukan mesti lebih banyak kerana peningkatan 15 peratus kemiskinan itu. Oleh itu saya ingin tahu yang pertama, pecahan peruntukan projek-projek kemiskinan Semenanjung, khususnya bagi negeri Terengganu di bawah kementerian ini di bawah Butiran 00102. Yang kedua, nyatakan jenis-jenis Projek Kemiskinan Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Seterusnya yang ketiga ialah di bawah Butiran 00117 – Pembangunan Perkampungan Nelayan. Apakah bentuk pembangunan yang dirangka? Yang kedua, tumpuan perkampungan nelayan kawasan manakah yang dijadikan tumpuan utama dan sama ada diagihkan secara khusus kepada perkampungan tumpuan utama nelayan tersebut ataupun diagihkan secara

purata di kampung-kampung nelayan yang dicadangkan daripada peruntukan di bawah Butiran 00117.

Yang keempat, Perbadanan Kemajuan Negeri Terengganu di bawah Butiran 70111. Kita melihat kepada objektif penubuhan Perbadanan Kemajuan Negeri Terengganu:

- (i) untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat Terengganu;
- (ii) meningkatkan aktiviti ekonomi;
- (iii) pembangunan sumber tenaga manusia;
- (iv) memusatkan rancangan-rancangan pembangunan bandar dan luar bandar; dan
- (v) meningkatkan serta memperkuuh asas ekonomi rakyat Terengganu.

Berdasarkan kepada objektif-objektif yang telah digariskan ini, banyak kawasan perindustrian diwujudkan di Terengganu tetapi tidak sepenuhnya menarik minat pelabur-pelabur luar. Maka saya pohon supaya Yang Berhormat Menteri memberi perhatian kepada kepentingan negeri Terengganu ini berdasarkan kepada peruntukan yang telah diberi tetapi kalau boleh juga dilihat kepada perancangan pada jangka masa panjang berdasarkan kepada objektif-objektif yang telah digariskan.

Saya ucap terima kasih kepada peruntukan yang telah diberikan tetapi yang juga mesti dilihat ialah sebab-sebab halangan tidak menarik minat pelabur untuk melabur di Terengganu, walaupun banyak kawasan yang diwujudkan, kawasan perindustrian ini tetapi *not fully utilize* dengan izin, Tuan Pengerusi. Mengapa kita lihat mungkin ada sebab-sebabnya. Kemudahan-kemudahan infrastruktur jalan raya, mungkin kemudahan yang melibatkan pengangkutan barang-barang, *railway system* yang tidak ada dan juga mungkin kemudahan-kemudahan pelabuhan. Jadi saya pohon, di samping bajet tahunan yang diberikan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Terengganu untuk secara biasa.

Akan tetapi saya juga perlu untuk mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk melihat objektif pembangunan Terengganu berdasarkan kepada kepentingan negeri Terengganu melalui Perbadanan Kemajuan Negeri ini diberikan perhatian dan dibuat satu rancangan jangka panjang untuk menarik minat pelabur-pelabur ke Terengganu dan boleh menyelesaikan sebahagian daripada keperluan objektif yang telah ditetapkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Lembah Pantai, kemudian Yang Berhormat Parit Sulong, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Kangar.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan pun hendak.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Lembah Pantai dahulu.

**4.18 ptg.**

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 15, Butiran 020100 – Perancangan Ekonomi. Saya ingin memohon pandangan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan konsep *Multidimensional Poverty Index* (MPI) yang ada disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apakah pandangan pihak kementerian dan bagaimanakah kita akan memastikan MPI ini boleh kita kata dapat melihat isu kemiskinan ini dengan lebih menyeluruh terutama bagi warga miskin bandar.

Saya juga ingin bertanya pada masa yang sama, berkenaan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama yang akan bermula *insya-Allah* 2021. Bilakah dengan izin, *Key Economic Growth Areas* (KEGA) bagi negeri-negeri akan ditentukan? Apakah prosesnya dan bilakah akan diumumkan kerana kita semua sedia maklum pada tahun depan *insya-Allah* kita akan umum Rancangan Malaysia Ke-12. Adakah ia selari pada waktu itu ataupun pada tahun 2021?

Saya ingin menyentuh butiran 020300 – Jabatan Perangkaan Malaysia. Saya pernah membangkitkan persoalan berkenaan dengan data kemiskinan. Apakah pada waktu ini ada sedikit perubahan pada ketika kita membincangkan *Multidimensional Poverty Index* (MPI)? Jika boleh dipertimbangkan pengkhususan maklumat kemiskinan mengikut kawasan Parlimen ataupun lebih khusus daripada itu, lebih fokus daripada itu. Pada ketika kita boleh menggunakan konsep *microtargeting* contohnya untuk pengiklanan (*advertising*). Adakah konsep *micro targeted approach* untuk kemiskinan ini untuk mendapatkan contohnya di kawasan Lembah Pantai, khususnya di kawasan Kampung Kerinch? Apakah taraf kemiskinan di peringkat itu?

Saya ingin menyentuh Maksud Pembangunan 15 khususnya Butiran 16500 – Program Kelestarian FELDA.

**■1620**

Adakah Yang Berhormat Menteri boleh memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini pada waktu ini, apakah status hutang FELDA yang terkini. Apakah *the level of performance* dengan izin, FELDA dan syarikat-syarikat dan khusus berkait dengan Kertas Putih yang telah dibentangkan sebelum ini? Apakah bila kita lihat kepada perancangan yang terkandung dalam Kertas Putih itu, apakah yang telah berjaya kita laksanakan dalam tempoh mungkin setengah tahun ataupun beberapa bulan yang telah lalu serta apakah cabaran-cabaran yang timbul?

Salah satu yang saya ingin bertanya berkait dengan *fresh fruit bunch, oil extraction rate* (OER), sebelum ini setahu saya ia berada pada kadar 19.83 peratus. Adakah sebelum ini mantan Pengurus FELDA pernah menyebut salah satu daripada sasaran bagi OER ialah 22 peratus menjelang tahun 2020? Adakah sasaran ini masih munasabah boleh kita capai ataupun telah tercapai kerana ia berkait langsung dengan hasil minyak kelapa sawit yang boleh kita eksport? Saya juga ingin bertanya adakah wujud apa-apa perancangan untuk mengaplikasikan perkara-perkara seperti *Industrial Revolution* (IR 4.0), *internet of things* (IOT), serta *big data* untuk mengoptimumkan penanaman sawit dan khusus berkaitan dengan isu di ladang?

Pada masa yang sama, saya ingin mendapatkan sedikit pandangan tentang status beberapa, ada terdapat lapan kes kalau kita lihat balik ke dalam Kertas Putih yang dibentangkan dahulu, ada lapan kes termasuklah PT Eagle High dan tujuh yang lain. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberikan sedikit maklumat terkini tentang isu-isu yang terkandung dalam Kertas Putih itu hasil siasatan audit Ernst & Young (EY)? Ini kerana saya percaya isu seperti Dataran Aras Sdn Bhd yang telah membeli sejumlah tanah yang kemudiannya didapati NCR tidak boleh diusahakan? Apakah status bagi tanah-tanah tersebut?

Saya juga ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Menteri memandangkan isu hartanah FELDA, contohnya isu Balai FELDA kalau kita ingat pada tahun 2008, pada waktu itu Timbalan Menteri Yang Berhormat Pekan telah menandatangani satu perjanjian untuk membeli Menara FELDA 50 tingkat di Platinum Park berjumlah RM640 juta. Kemudiannya, kita lihat usaha untuk menjual tanah Balai FELDA tetapi saya difahamkan hingga ke hari ini belum ada— saya tidak pasti apa keadaannya, apa statusnya kerana Balai FELDA itu ibu pejabat FELDA merupakan satu ikon, satu tapak yang cukup ikonik terutama bagi keluarga besar FELDA, termasuk diri saya sendiri kerana membesar lebih kurang di situ.

Jadi, adakah pihak kementerian mempunyai maklumat apakah status? Saya difahamkan ia sedang, akan dibawa ke Mahkamah dalam bulan ini. Jika benar, apakah statusnya? Sekian itu dahulu, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh mencelah sedikit?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, saya hendak terus. Dia sudah berhenti sudah, habis sudah. Saya...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Apa lagi harta FELDA yang hendak dijual Yang Berhormat?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekarang saya...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ada tidak harta-harta yang dibeli?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekarang, saya jemput Yang Berhormat Parit Sulong.

### 3.24 ptg.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 96000 – Unit Peneraju. Skim Permulaan Usahawan Bumiputera (SUPERB) menyediakan geran sehingga RM500,000 untuk menyokong idea perniagaan yang inovatif dan kreatif.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri adalah untuk tahun 2020, berapa dana yang diperuntukkan untuk program ini? Berapa banyak syarikat yang telah mendapat manfaat daripada SUPERB dan saya hendak minta juga Yang Berhormat Menteri untuk memberikan senarai nama syarikat yang telah dapat manfaat daripada SUPERB.

Selain daripada itu, apakah usaha kementerian bagi mengkomersialkan produk dan perkhidmatan syarikat-syarikat SME yang telah dibantu di bawah TERAJU ini kerana setakat ini

sudah banyak syarikat yang kita bantu daripada segi kewangan tetapi sejauh mana bantuan tersebut dapat dilihat berkesan dalam mengembangkan lagi potensi SME ini. Kita tidak mahu peranan TERAJU hanya dilihat sebagai pemberi bantuan dari segi kewangan tetapi bukan sebagai pusat komersial.

Butiran 95000 – *Halal Industry Development Corporation (HDC)*. Saya hendak memohon Yang Berhormat Menteri menyatakan setakat ini apakah projek baharu yang dibuat bagi memperkasakan industri halal yang sedang diusahakan di bawah HDC? Selain itu, bilakah pembinaan kilang vaksin halal pertama di dunia yang dirancang sejak tahun 2015 itu akan bermula?

Apakah punca perancangan kilang vaksin halal ini tertangguh selama ini dan baru-baru ini Yang Berhormat Menteri ada mengumumkan projek ini akan dilaksanakan tetapi kita masih tidak melihat *time frame* itu bila?

Keduanya, setelah kejayaan HDC meluaskan pasaran halal Malaysia ke sepuluh negara baharu melalui inisiatif Satu Jalur Satu Jalan. Apakah sebarang usaha yang dibuat oleh pihak kementerian untuk melebarkan lagi sayap perindustrian halal Malaysia ke mana-mana negara di Eropah? Bagaimanakah HDC boleh membantu syarikat SME dalam mendapatkan pasaran-pasaran baharu? Bagaimanakah pula cara membantu syarikat-syarikat SME ini untuk *overcome* dengan izin, kelemahan mereka dalam kewangan produk *development* dengan izin dan juga pasaran produk halal syarikat berkenaan?

Seterusnya, kepada Butiran 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung/Sabah/Sarawak. Peruntukan Butiran ini menunjukkan penurunan daripada jumlah RM110 juta kepada RM95 juta sahaja. Jadinya soalan saya, apakah faktor kepada penurunan sebanyak RM6 juta ini? Adakah kemiskinan di Malaysia sememangnya sudah berkurang? Itu soalannya dan saya minta juga Yang Berhormat Menteri menyatakan bagi kawasan Semenanjung, kawasan mana yang terlibat di bawah butiran ini dan apakah kriteria kementerian memilih kawasan tersebut sebagai penerima projek kemiskinan? Adakah hanya untuk kawasan Parlimen kerajaan sahaja?

Seterusnya bagi Butiran 99000 – Banci Ekonomi/EKS. Untuk banci ekonomi, saya maklum daripada tahun lepas, Timbalan Menteri ada menyatakan mengenai kenaikan mendadak bagi peruntukan ini kerana Jabatan Statistik Negara sedang membuat persiapan untuk mengadakan bancian bagi tahun 2020 yang mana kalau kita lihat pada tahun 2018 peruntukan adalah sebanyak RM39 juta, tahun 2019 pula sebanyak RM135 juta, tahun 2020 juga terus meningkat ke RM250 juta. Antara kaedah yang diguna pakai bagi bancian ini adalah menerusi kaedah elektronik.

Memandangkan kita kini ke arah digital, saya ingin bertanya apakah hasil bancian tersebut nanti akan dikongsi bersama dengan Ahli Parlimen, khususnya bancian yang melibatkan kawasan-kawasan Parlimen. Ini kerana kita ingin tahu juga berapa kadar dan jumlah kemiskinan di kawasan Parlimen kita? Berapa ramai yang tergolong di dalam golongan B40, M40 dan juga T40 bagi memudahkan usaha kita untuk mendekati golongan-golongan tersebut.

Butiran 93500 – Projek Khas. Ini saya hendak minta Yang Berhormat Menteri menyatakan apakah jenis projek khas yang dimaksudkan di bawah butiran ini dan Parlimen manakah yang terlibat di bawah peruntukan projek khas ini?

Butiran 00117 – Pembangunan Perkampungan Nelayan. Pertamanya, saya ingin bertanya pada pihak kementerian bagi butiran Pembangunan Perkampungan Nelayan ini, adakah ia hanya merujuk kepada Pembangunan Perkampungan Nelayan di seluruh Malaysia ataupun membabitkan negeri-negeri tertentu sahaja? Ini kerana saya masih ingat dalam sesi *debate* tahun lepas, waktu sesi penggulungan Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Butiran Pembangunan Perkampungan Nelayan hanya untuk di Perak sahaja dan tidak melibatkan negeri lain.

Kalau kiranya ia untuk Perak sahaja, saya ingin mencadangkan supaya tulislah dekat dalam butiran itu untuk negeri Perak sahaja. Akan tetapi memandangkan ia dibuat secara umum, masih lagi umum, jadinya saya berbahas, beranggapan bahawa perkampungan nelayan ini di semua kawasan Parlimen.

Saya hendak berbahas mengenai kepentingan 751 nelayan di kawasan Parlimen saya yang mana saya hendak juga bertanya mengenai status pembinaan rumah nelayan di Parit Simen di dalam kawasan Parlimen saya.

■1630

Berapakah jumlah peruntukan yang diperuntukkan bagi tujuan pembangunan perkampungan nelayan di kawasan Parlimen Parit Sulong. Butiran 00108 – Program Pembangunan, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri menyatakan program pembangunan apa yang dimaksudkan di bawah butiran ini menyatakan secara spesifik apa jenis program pembangunan tersebut. Adakah ianya pembangunan peringkat nasional ataupun program pembangunan setempat yang melibatkan kawasan-kawasan Parlimen?

Terakhirnya iaitu Butiran 00104...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, boleh? Ya, tadi Yang Berhormat menyebut tentang HDC. HDC ini telah diminta untuk memperbanyakkan usahawan bumiputera mengeluarkan produk halal. Setakat manakah kejayaan HDC memperbanyakkan bumiputera yang hanya 38 peratus pengeluar produk halal, walhal sepatutnya bumiputera lebih daripada itu. Kemudian kenapa Menteri Ekonomi jaga kampung nelayan. Bukankah patut Kementerian Pertanian jaga perkampungan nelayan ini. Apa pandangan?

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, itu kita biarkan Yang Berhormat Menteri lah. Dia duduk mendengar dengan tekun, jadinya dia juga menjawab dengan tekunnya nanti soalan daripada Yang Berhormat Pontian melalui— Jadinya satu sahaja butiran saya yang terakhir iaitu penyusunan semula masyarakat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Ini sudah habis waktu ini Yang Berhormat...  
[Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Habis waktu sudah ini, teruskan Yang Berhormat Parit Sulong. Sila.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Huh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Habis waktu sudah.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Sudah habis waktu. Jadinya penyusunan semula masyarakat telah dimulakan sejak pengenalan Dasar Ekonomi Baharu. Tujuan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sama juga bangkitkan.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Tak, nantilah. *[Ketawa]* Selain daripada penyusunan tersebut, dia menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Jadinya apakah kerajaan berpuas hati dengan apa yang dikecapi oleh Malaysia setakat ini? Apakah strategi penyusunan semula masyarakat ini mencapai matlamat? Sejauh mana kerajaan melihat strategi untuk memastikan kaum bumiputera memiliki 30 peratus dalam semua peringkat ekonomi telah dicapai?

Selain daripada itu, adakah kementerian bercadang untuk mengklasifikasikan taraf kemiskinan masyarakat bukan hanya berdasarkan jumlah pendapatan isi rumah tetapi juga berdasarkan negeri? Ini kerana apa yang kita lihat hari ini pelbagai bantuan yang diaghikhan adalah mengikut takrifan garis kemiskinan nasional secara *general*. Saya hendak bagi contoh, berdasarkan Jabatan Statistik Negara, garis pendapatan B40 di Wilayah adalah 7,640 manakala B40 di Kelantan adalah 2,570.

Manakala T20 di Kuala Lumpur 15,160 tetapi di Kelantan T20 adalah 5,870. Jadinya kalau digeneralkan dengan izin, semua pendapatan tanpa melihat kos sara hidup setempat ini adalah kurang tepat. Jadinya apakah kerajaan bercadang untuk mengubah takrifan kemiskinan ini agar agihan bantuan dapat diberikan secara adil dan saksama?

Okey Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau cepatlah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Minta penjelasan. Yang Berhormat, kita lihat perbahasan ini menunjukkan bahawa kementerian ini Menteri nya tidak diganggu dengan hebatnya. Semua orang meminta supaya peruntukan ditambah untuk membolehkan dia bagi perhatian yang khusus tentang soal ekonomi. Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat— nelayan, sewajarnya nelayan diberi perhatian yang khusus dengan menambah peruntukan termasuk peruntukan untuk seluruh nelayan di seluruh negara. Apakah dengan cara kita berbahas ini menunjukkan bahawa kita mampu menang di Tanjung Piai dengan hebatnya?

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** *[Ketawa]* Tergamam nak menjawab ini. Jadinya saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri sahajalah untuk menjawab. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Untuk menjawab. Baik, terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Ahli Yang Berhormat, kita ada setengah jam lagi mungkin ada enam terakhir. Saya hendak bagi lima minit selepas ini dan Yang Berhormat Kangar,

kemudian Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Masjid Tanah, Yang Berhormat Jerantut—lima minit.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Lima minit sahaja?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Labuan dan Yang Berhormat Kota Tinggi. Silakan Yang Berhormat Kangar.

#### 4.34 ptg.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Okey terima kasih Tuan Pengerusi, saya hendak teruskan perbahasan saya dalam Maksud Bekalan 15...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Arau tak ada? Saya masuk lama daripada awal tadi.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** ...Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, sudah tentulah kementerian yang bertanggungjawab dalam mengemukakan Wawasan Kemakmuran Bersama. Justeru saya berpendapat butiran belanjawan yang kita bahaskan hari ini...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak Tuan Pengerusi, saya bagi tahu apakah saya ada...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** ...Tidak terpisah daripada objektif Wawasan Kemakmuran Bersama ini. Jadi, saya hendak menyentuh perkara Butiran 020300 – Jabatan Perangkaan Malaysia yang mana kita tahu 10 tahun sekali biasanya negara kita mengadakan bincian tetapi bila saya tengok dalam butiran ini, saya tidak melihat ada peningkatan ketara dalam perbelanjaan. Jadi saya ingin bertanya, apakah program bincian akan diteruskan pada tahun akan datang. Saya berpendapat program bincian ini adalah sesuatu kesempatan terbaik untuk kita menyemak semula data kemiskinan. Ini ada kaitan dengan perkara-perkara projek kemiskinan Semenanjung, Sabah dan Sarawak di bawah Butiran 00102.

Ini kerana dalam banyak orang kata program bila kita turun ke padang, kadang-kadang keperluan orang miskin ini ia tak sama. Jadi, kalau boleh pembanci-pembanci kita dapat menentukanlah sebab ada orang yang miskin mungkin dari segi pendapatan tetapi dia memiliki tanah. Ada orang yang tidak ada tanah tetapi dia ada keupayaan bekerja dan sebagainya. Jadinya saya harap melalui program pembancian ini, kita dapat menentukan dan mungkin dapat mengubah formula program-program bantuan kerajaan bukan sahaja di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi tetapi juga kepada kementerian-kementerian yang lain.

Butiran 00100, kajian kemungkinan peningkatan besar daripada RM28.3 juta kepada RM42 juta. Jadi saya harap Menteri dapat menjelaskan apakah jenis kajian kemungkinan yang akan diambil.

Seterusnya 00109 – IMT-GT dan juga BIMP-EAGA lebih kurang peruntukan sebanyak RM4 juta. Saya membaca sedikit sejarah mengenai IMT-GT kerana khususnya berkaitan dengan negeri Perlis. Usaha ini telah dibuat daripada tahun 1993 dan saya melihat pelaburan yang

berlangsung di dalam wilayah ini daripada 1995 hingga 2005 hanyalah lebih kurang dalam RM4 bilion. Jadi saya cuba memikirkan apakah rasionalnya kerana sudah tentunya dalam tempoh yang panjang ini kita dalam rangka objektif IMT-GT ini untuk kita hendak meningkatkan integrasi ASEAN dan juga liberalisasi ekonomi. Jadi kita hendak tahu lah apakah pembaharuan yang telah dibawa ke kawasan-kawasan ini untuk berdaya maju.

Saya juga hendak menyentuh tentang dalam IMT-GT ini dalam kajian daripada Bank Pembangunan Asia ataupun Asian Development Bank (ADB) telah mengenal pasti enam bidang utama antaranya saya fikir berkaitan khususnya di kawasan saya Perlis ialah tentang pertanian dan juga perikanan. Jadi kerana Perlis ini khususnya di Kuala Perlis dan juga Sanglang. Kita ini sebenarnya kawasan pendaratan ikan kedua terbesar di Malaysia tetapi saya tengok industri perikanan di Perlis ini tak semaju industri perikanan di negeri-negeri lain. Jadi, apakah usaha kementerian untuk memajukan kawasan ini?

Terkait dengan perkara ini juga Butiran 00117 – Pembangunan Perkampungan Nelayan, lebih daripada RM29 juta dan saya percaya ada potensi pelancongan. Cuma di kawasan ini kebiasaan nelayan ini dia duduk di tanah rizab yang mereka tidak memiliki status tanah. Jadi apakah usaha kementerian untuk membantu mereka ini dengan menjadikan kawasan perkampungan nelayan ini kalau mereka hendak kekal tinggal di situ oleh sebab ada potensi pelancongan dan juga pembangunan industri hiliran berdasarkan perikanan.

Jadi, apakah usaha kita untuk memastikan mereka boleh kalau betul-betul hendak tinggal, kita biar dia tinggal dalam jangka masa panjang kita ubah mungkin jadikan ia satu tanah warisan kerana kebanyakannya penduduk di kawasan-kawasan perkampungan nelayan ini mereka sebenarnya ialah perintis atau kumpulan awal yang membuka kemajuan di sesuatu kawasan.

Seterusnya, Butiran 00121 – Infrastruktur Luar Bandar...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Nanti, nanti Yang Berhormat Arau boleh bahas. Masa saya tidak cukup. Butiran 00121 – Infrastruktur Luar Bandar, saya hendak tanya apakah perbezaannya dengan KPLB.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sikit Yang Berhormat sikit sahaja, ini pasal milik tanah di Kuala Perlis.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tak apa nanti Yang Berhormat Arau ada— saya tinggal satu minit sahaja lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tak ada, saya hendak menyokong, saya sokong.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Saya hendak teruskan, saya tidak izinkan. Saya melihat ada penyusutan yang banyak. Di bawah pembangunan infrastruktur luar bandar ini ada penyusutan yang banyak daripada RM35 juta kepada RM20 juta. Jadi, saya hendak tahu apakah perbezaan peruntukan ini dari segi kegunaannya berbanding dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya hendak menyokong itu. Yang Berhormat saya hendak menyokong itu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Saya percaya di bawah kementerian ini sudah tentulah untuk potensi pembangunan ekonomi. Jadi, apakah bentuk pembangunan ekonomi di bawah peruntukan ini.

Jadi seterusnya Butiran 16500. Pada Ogos tahun lalu...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apakah Yang Berhormat bercadang untuk kerajaan negeri bagi hak milik...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** ...Kerajaan telah mengumumkan tiga mekanisme untuk menghapuskan hutang FELDA. Jadi, di manakah di bawah peruntukan butiran yang ada ini...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Nampaknya Ahli Parlimen Kangar tidak setuju, Ahli Parlimen Arau akan mencadangkan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** ...Digunakan untuk menghapuskan hutang FELDA sebagaimana yang telah diumumkan.

Dua lagi perkara yang saya hendak selesaikan ialah Butiran 95000 – Halal Industry Development Corporation yang mana di dalam sebelum ini ialah perbahasan di bawah Jabatan Perdana Menteri di bawah Butiran 06100 juga berkaitan dengan pembangunan industri halal. Jadi, saya melihat ada dua perkara yang sepatutnya bergerak seiring...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Masa sudah habis.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** ...Akan tetapi diletakkan di bawah dua kementerian berbeza. Jadi, saya fikir mungkin pada masa akan datang pembangunan industri halal di bawah JPM boleh dipindahkan ke bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang mana saya ingin hendak menyebut juga saiz 50 ekar *Perlis Halal Park* setakat ini belum menerima kemajuan yang kita kata signifikan. Jadi, saya berharap...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Masa habis.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** ...Kementerian dapat memberi perhatian tentang perkara itu. Terakhir Butiran 96000 – Unit Peneraju. Saya melihat ada beberapa program pembangunan profesional di bawah Yayasan Peneraju di bawah unit ini iaitu Peneraju *Professional Data Scientist*, Program Pensijilan Profesional Perakaunan dan juga *Super High Income Programme*.

#### ■1640

Jadi, saya ingin dapatkan jumlah peserta yang telah mengikuti program ini sejak mana ia diperkenalkan dan berapa ramai kah profesional yang telah kita lahirkan khususnya dalam program persijilan profesional perakaunan dan juga profesional *data scientist*. Sekian, itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Banyak Yang Berhormat Kangar mengambil hak orang lain.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Seterusnya Yang Berhormat Pendang.

#### 4.40 ptg.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pendang, tadi sudah sebut. Malang nasib kami selalu daripada 10 minit turun lima minit. Kami *prepare*, tidak tidur malam kami *prepare*, tiba-tiba daripada 10 turun lima minit. Okey, saya hendak terus, jangan bagi siapa ganggu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Saya hendak pergi Butiran 020100 – Perancangan Ekonomi. Gaji bulanan pekerja golongan median ini meningkat daripada 6.6 peratus pada tahun 2018 iaitu RM2,308 berbanding dengan RM2,160 pada tahun 2017. Sementara gaji bulanan pekerja secara purata ialah RM3,087 pada tahun 2018 dan meningkat tujuh peratus berbanding RM2,879 pada tahun 2017. Kenaikan gaji melebihi Indeks Harga Pengguna yang serendah 1.1 peratus pada bulan September 2019. Sepatutnya data tersebut menunjukkan rakyat tidak terbeban dengan kos sara hidup. Jadi sekarang ini lagi teruk.

Namun begitu, Indeks Harga Pengguna tidak mencerminkan hakikat sebenar kehidupan rakyat. Oleh sebab itu, saya menyokong usaha di pihak kerajaan untuk memperkenalkan Indeks Kos Sara Hidup yang baharu. Sekiranya indeks ini mahu diwujudkan, maka saya menyarankan agar kerajaan juga merombak gaji minimum bagi kehidupan wajar iaitu *living wage* yang kita bincang minggu lepas.

Bank Negara Malaysia menganggarkan gaji kehidupan wajar adalah RM2,700 untuk seorang bujang yang menetap di Kuala Lumpur. Walhal, *Malaysian Employers Federation* (MEF) menyatakan purata permulaan pendapatan bulanan bagi seseorang lulusan ijazah sarjana muda pada tahun 2018 adalah RM2,393 dan bagi lulusan diploma hanya sekadar RM1,661 sebulan.

Pertumbuhan gaji rendah masih membenggu rakyat dan peluang pekerjaan yang disediakan tidak selari dengan kelayakan dengan tahap akademik serta kemahiran pencari kerja khususnya dalam kalangan graduan. Saya minta penjelasan, apakah perkembangan semasa Indeks Kos Sara Hidup yang baru akan digubal? Adakah ia mengambil kira gaji kehidupan wajar? Ini berkenaan dengan Butiran 020100.

Seterusnya saya hendak pergi kepada Butiran 010300 – Dasar dan Perhubungan Antarabangsa. Malaysia ialah sebuah negara terbaik yang menerajui ekonomi Islam pada tahun 2019, berdasarkan *Global Islamic Economy Indicator* (GIEI), pembangunan hab halal, kemajuan pembuatan rantaian produk dan perkhidmatan, kerancakan industri kewangan Islam serta iklim pelaburan yang menggalakkan antara faktor penyumbang kepada kedudukan Malaysia pada hari ini.

Berdasarkan laporan *State of the Global Islamic Report 2018-2019*, sektor perbankan Islam di Malaysia mencatatkan pertumbuhan 11.6 peratus dan *total Islamic finance assets*

Malaysia berjumlah USD491 bilion, kedua terbesar selepas Arab Saudi iaitu USD509 bilion. Dua negara ini penyumbang 65 peratus untuk peratusan keseluruhan dunia.

Pada masa yang sama, negara seperti *Sudan, Afghanistan, Morocco, Azerbaijan, Sierra Leon* adalah negara umat Islam yang miskin. Maka, Malaysia perlu menerajui usaha ini di peringkat antarabangsa untuk mewujudkan kerjasama serantau bagi membantu negara-negara Islam supaya dapat keluar daripada kepompong kemiskinan.

Soalan saya sejauh mana peranan Malaysia dalam Pertubuhan OIC dan *Islamic Development Bank* ke arah merealisasikan usaha-usaha tersebut? Adakah ada lagi platform Islam antarabangsa lain yang mempunyai objektif yang sama?

Seterusnya, saya hendak pergi kepada yang ketiga iaitu Butiran 020200 – Kawalan dan Pemantauan. Saya ingin bertanya mengenai Khazanah Nasional, Yang Berhormat Menteri sebagai salah seorang ahli lembaga pengarah mesti melihat kepentingan Khazanah Nasional kepada negara. Penjualan aset Khazanah Nasional dikatakan mengurangkan hutang daripada 55 bilion kepada 47 bilion. Persoalannya, berapakah jumlah aset semasa? Apakah pelaburan baharu yang telah dilakukan oleh kerajaan hasil daripada penjualan aset Khazanah? Ini disebut oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi, kita menjual aset-aset khazanah dan kita melabur dalam pelaburan baru, apa pelaburan baru?

Oleh hal demikian, dalam *investment policy* Khazanah Nasional, mandat pelaburan yang telah diamanahkan adalah untuk mencapai dua objektif iaitu objektif komersial dan objektif strategik. Setakat ini apakah pelaburan strategik yang masih dipegang oleh kerajaan? Bagaimana pula prestasi aset-aset strategik tersebut? Mengapa kerajaan membuat keputusan untuk menjual pelaburan PLUS, walaupun ia merupakan aset strategik dan mampu melindungi kepentingan rakyat? Bagaimana pula dengan cadangan penjualan ekuiti Khazanah Nasional dalam *Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB)*?

Selain Khazanah Nasional, saya juga ingin bertanya mengenai agensi di bawah pemantauan kementerian...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Pendang?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Berapakah agaknya Khazanah Nasional bercita-cita untuk menambah harta? Jika dulu kita tambah RM30 bilion, jadi RM117 bilion, kali ini berapa banyak agaknya?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Kita minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi ada di sini, soalan itu dimasukkan ke dalam soalan saya untuk dijawab oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Seterusnya, sikit lagi sebab kesian sama sayalah saya *prepare* satu malam, saya dapat lima minit. Okey, sikit sahaja...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Rumuskan, rumuskan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sejauh mana prestasi semasa hartaan-hartaan komersial yang dilabur oleh ASB? Adakah ia turut terjejas akibat daripada proses rasionalisasi pelaburan Khazanah Nasional?

Kedua, berdasarkan data semasa PHB telah memiliki aset harta berjumlah RM5.8 bilion sebanyak 21 hartaan yang telah siap bersaiz 7.6 juta kaki persegi. Persoalannya, bagaimana pula *occupancy rate* dan *dividend yield* bagi setiap hartaan tersebut? Sejauh mana pula, pembangunan yang akan dilaksanakan seperti di Jalan Conlay dan jalan Bangsar mengambil kira keperluan permintaan semasa dan pasaran hartaan yang lembap dan mutakhir ini?

Seterusnya, di bawah butiran yang sama, saya ingin bertanya mengenai penstrukturran semula syarikat-syarikat yang berkaitan dengan GLC. Apakah pelan utama yang dilaksanakan oleh kerajaan selepas pelan transformasi yang dilaksanakan oleh *Putrajaya Committee on GLC High Performance* ini?

Saya hendak sentuh sikit sahaja, kenapa dalam bajet dulu PUNB, Ekuinas dan TERAJU dikurangkan peruntukannya dan dimasukkan dalam mubaligh. Mubaligh ini sepatutnya kita boleh masuk dalam *miscellaneous*, untuk peruntukan mubaligh, kita bukan hendak pertikai, bagilah kalau mereka mohon tetapi tidak perlu disebut secara butiran dalam bajet. Jadi kenapa peruntukan PUNB, Ekuinas dan TERAJU ini dikurangkan, yang mana inilah peruntukan-peruntukan untuk luar bandar yang dahulu diprojekkan oleh kerajaan untuk membantu penduduk-penduduk luar bandar tapi sekarang dikurangkan.

Saya minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menjawab soalan ini? Ini penting dan sekian terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Pendang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Masjid Tanah.

#### **4.48 ptg.**

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya pun sama juga dengan Yang Berhormat Pendang, semalam tidak tidur malam buat tapi saya tidak dapat hendak bercakap tentang isu nasional tetapi bercakap tentang Melaka dan Masjid Tanah.

Saya ingin bertanya di bawah Butiran 93500 – Projek Khas. Boleh tidak dijelaskan Yang Berhormat Menteri, RM100 juta itu untuk apa? Apakah bentuk projek yang akan dilaksanakan di bawah peruntukan ini?

Saya juga ingin membawa perhatian Yang Berhormat Menteri untuk permohonan kelulusan bagi peruntukan khas daripada Kerajaan Negeri Melaka bagi menaik taraf dan membina baharu jalan empat lorong termasuk lebuh berjejambat persisiran pantai dan Kuala Linggi, Masjid Tanah, Tanjung Kling, Klebang, Limbongan, *Hatten City*, Padang Temu, Semabok, Melaka.

Ini kerana kalau kita tanya pada orang luar Melaka ini terkenal apa? Melaka negeri bersejarah, asam pedas dan sebagainya dan Melaka juga terkenal dengan *jam*. Jadi, kita hendak mengelakkan *jam*, kesesakan lalu lintas yang datang daripada kereta-kereta banyak, orang luar datang berkunjung sebagai pelawat dapat diselesaikan dengan adanya empat lorong ini.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang Butiran 00108 – Program Pembangunan, yang berjumlah RM262.1 juta. Untuk Kerajaan Negeri Melaka telah pun bercadang bagi penggunaan sekolah rendah agama dan sekolah kebangsaan secara guna sama dalam negeri Melaka yang mana ia melibatkan kos ubah suai dan juga naik taraf bangunan serta penyediaan kabin bagi tujuan pentadbiran sekolah rendah agama di bangunan sekolah kebangsaan. Jadi saya mengharapkan dengan jumlah keseluruhan yang tidak banyak pun, hanya bernilai RM1 juta dapat dipertimbangkan dan diberi perhatian oleh Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya, di bawah butiran yang sama saya juga ingin mohon Yang Berhormat Menteri untuk mempertimbangkan tentang cadangan menaikkan taraf fasiliti untuk *cater flight* dalam empat jam waktu penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka.

#### ■1650

Di mana hari ini kalau kita tengok *flight* yang ada di sana hanyalah untuk daripada Melaka ke Pulau Pinang dan daripada Melaka ke kawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Langkawi, daripada Melaka ke Kelantan dan juga daripada Melaka ke Pekan Baru. Tidak ada destinasi lain. Jadi, dengan adanya fasiliti tambahan dan fasiliti yang dapat memberikan kelebihan untuk penerbangan-penerbangan lain, saya yakin dan percaya ia akan memberikan impak yang cukup besar, khusus untuk Melaka adalah merupakan negeri pelancongan yang ia akan memberi pulangan yang baik dan juga ekonomi kepada orang Melaka.

Seterusnya, saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya tentang permohonan untuk Projek Ekopelancongan Paya Lebar yang berjumlah RM2.1 juta. Itu saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat melihat kerana Melaka sangat-sangat perlu kepada produk baharu. Ini kerana sebagai negeri pelancongan, kita perlu kepada produk-produk baharu supaya dapat menggantit pelancong-pelancong daripada dalam dan juga luar negara.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang Butiran 00117. Saya juga bersetuju dengan sahabat-sahabat yang menanyakan tentang perkampungan nelayan. Jadi, di Melaka di kawasan saya sendiri di Kuala Sungai Baru telah pun dibina perumahan nelayan sebanyak 60 biji. Akan tetapi, sayang, kalau dahulu harganya yang diberi subsidi bernilai RM20,000 tetapi hari ini telah pun meningkat jadi RM50,000.

Malah, nelayan-nelayan tersebut susah hendak dapatkan pinjaman kerana mereka tidak ada *pay slip* pun. Pergi ke laut tidak ada *pay slip*. Tidak ada. Jadi, macam mana mereka hendak mendapat pembiayaan kewangan? Kecuali, adakah terdapat perhatian ataupun pertimbangan daripada pihak kerajaan untuk memberi subsidi sebanyak RM30,000 mungkin bagi setiap rumah ini untuk mereka membeli malah untuk mengelakkan daripada projek ini terbiar begitu sahaja?

Saya rasa itu sahaja daripada Masjid Tanah, Melaka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jerantut.

#### 4.52 ptg.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama dalam perbahasan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana sudi mendengar pandangan setiap Ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa butiran sahaja. Pertamanya, tahniah juga kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi, menyatakan kesimpulan yang telah dibuat oleh Philip Alston terdapat kecacatan statistik yang membawa akibat buruk tidak boleh diterima dan tidak bertanggungjawab kerana telah menyatakan kemiskinan negara sebenarnya dikatakan berada pada tahap 15 peratus. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan kerajaan telah memulakan kajian semula pendapatan garis kemiskinan sejak Mac 2019 bagi memberi gambaran sebenar isu kemiskinan di Malaysia.

Bagi Butiran 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung/Sabah/Sarawak, saya melihat berlaku pemotongan peruntukan sebanyak RM15 juta berbanding tahun 2019 iaitu RM110 juta. Manakala bagi Butiran 00104 – Penyusunan Semula Masyarakat, berlaku juga pemotongan yang agak besar sebanyak RM250 juta berbanding tahun 2019 iaitu RM300 juta.

Persoalannya, apakah dapatan kajian semula pendapatan garis kemiskinan yang telah dimulakan sejak Mac 2019 yang lalu? Apakah mekanisme yang diguna pakai bagi menentukan peruntukan bagi projek kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat bagi tahun 2020? Apakah kewajaran pemotongan peruntukan yang besar bagi kedua-dua butiran yang telah saya nyatakan tadi? Ini kerana, bagi saya, kebanyakannya butiran ini melibatkan penduduk luar bandar. Dari segi ketidakseimbangan pembangunan ekonomi di antara wilayah, masih lagi nyata berlaku. Jadi, kalau dengan pemotongan ini, sekali gus mungkin kita tidak dapat menepati tahap pembangunan keseimbangan antara wilayah. Sejauh manakah tahap keyakinan kementerian dalam menangani isu kemiskinan dan apakah bentuk projek-projek yang bakal dilaksanakan bagi tahun 2020?

Mungkin kita menyatakan ada kementerian-kementerian lain yang bertanggungjawab terhadap pembangunan ekonomi setempat, tetapi persoalan pokoknya apabila isu-isu yang berkaitan dengan kemiskinan, maka pihak ramai yakni pihak yang terbanyak termasuk luar negara akan meletakkan bebanan itu kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Akan tetapi, sebarang kelemahan yang dinyatakan, kementerian lain tidak dilibatkan. Sedangkan peruntukan kementerian lain juga menyumbang ke arah peningkatan ekonomi.

Apakah perkara yang akan dilaksanakan dalam menyusun semula masyarakat berdasarkan peruntukan kecil yang telah diterima oleh kementerian nanti? Ini kerana kalau kita

lihat melalui projek khas hanya ada RM100 juta sahaja, sedangkan Kementerian Kewangan diberikan RM3.30 bilion. Peruntukan sebanyak RM3.30 bilion ini tentulah besar. Kalau boleh diagihkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang lebih mendekati kumpulan sasar.

Perkara yang seterusnya, Tuan Penggerusi, ialah Butiran 16200 – Projek Jalan Felda sebanyak RM70 juta, Butiran 16300 – Projek Sistem Bekalan Air Felda sebanyak RM100 juta, Butiran 16500 – Projek Kelestarian FELDA sebanyak RM620 juta dan jumlah keseluruhannya adalah RM790 juta. Dalam belanjawan dinyatakan RM810 juta. Berdasarkan pembentangan belanjawan bajet disebut RM810 juta tetapi yang ada dalam kenyataannya hanyalah RM790 juta. Jadi, berlaku hilang RM20 juta. Tidak ada dalam butiran. Soalan saya, di manakah baki peruntukan yang berjumlah RM20 juta itu? Ke manakah peruntukan tersebut akan dibelanjakan? Mengapa tidak diperincikan di bawah butiran kementerian ini?

Berdasarkan pembentangan Belanjawan 2020, sejumlah RM90 juta diperuntukkan untuk menaik taraf jalan dan infrastruktur asas FELDA. Berdasarkan Butiran 16200, sebanyak RM70 juta diperuntukkan untuk Jalan Felda bagi tahun 2020. Mengapa peruntukan bagi projek khususnya Projek Jalan Felda ini dipotong bagi tahun 2020? Sedangkan, masih banyak lagi kawasan-kawasan FELDA yang jalan-jalannya telah pun rosak dan memerlukan pembaikan pulih dengan segera. Seperti contohnya di kawasan Parlimen Jerantut, kita ada 15 skim FELDA dan kebanyakan jalan-jalan yang dilalui oleh para peneroka ini terutama jalan dalam kampung atau dalam kawasan peneroka FELDA ini telah pun banyak yang rosak dan ini menyusahkan kepada pihak para peneroka.

Jadi, saya sangat mengharaplah kalau ada ihsan daripada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengurangkan sedikit atau memindahkan peruntukan sebanyak RM3 bilion itu kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi supaya dapat disasarkan terus kepada peneroka-peneroka di kawasan FELDA.

Tuan Penggerusi, terima kasih banyak.

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Akhir, saya menjemput Yang Berhormat Labuan.

#### 4.57 ptg.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Penggerusi...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Labuan selalu cakap dah.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Butiran 00109 – Program Kerjasama Serantau IMT-GT dan BIMP-EAGA cuma diperuntukkan RM4 juta. Saya rasa ia terlalu kecil. Sebab, kena bahagi dua lagi. IMT-GT dengan BIMP-EAGA.

Soalan saya di sini, BIMP-EAGA ini memang dah lama ditubuhkan tetapi sekretariatnya sampai sekarang belum dibuat. Sebab apa tidak dibuat? Keputusan untuk dibuat adalah tempatnya Kota Kinabalu. Akan tetapi, memandangkan *Philippines claims* Sabah, maka mereka tidak setuju ia dibuat di Kota Kinabalu. Jadi, kenapa Malaysia tidak boleh merubah dia punya

lokasi ke mana-mana di Sarawak ataupun di Labuan? Itu soalannya. Jangan disebabkan kita berkeras disebabkan oleh *reason claim* dan sebagainya, maka BIMP-EAGA punya *region* menjadi mangsa.

Seterusnya, Butiran 00117 – Pembangunan Perkampungan Nelayan. Banyak perkampungan nelayan yang dahulunya tidak berapa jauh dengan bandar— maka dia sudah tidak sesuai. Termasuklah di Labuan ada tiga kampung air yang sudah dikelilingi oleh kawasan perindustrian. Jadi, soalan saya adalah bolehkah adakan program pemindahan kampung nelayan ini dan seterusnya kita bangunkan dia menjadi satu kampung nelayan yang lebih tersusun dan lebih berdaya saing untuk maju?

Butiran 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung/Sabah/Sarawak.

#### ■1700

Saya cuma hendak tanya, Labuan masuk mana ini? Oleh sebab Labuan pun ada kemiskinan. Banyak sebenarnya. 020300 – Jabatan Perangkaan Malaysia. Dalam statistik ataupun repot ekonomi kita, KDNK per kapita Labuan adalah nombor dua selepas Kuala Lumpur. Akan tetapi ia tidak *reflect* kepada kehidupan sebenar rakyat Labuan. Jadi, saya hendak tahu macam mana perkiraan itu dibuat? Adakah ia termasuk *transactions* ataupun *economic activity* yang berkaitan dengan syarikat-syarikat Labuan Financial Services Authority yang berdaftar dengan LFSA tetapi *economic* aktivitinya berlaku di Kuala Lumpur. Ataupun disebabkan Labuan mempunyai populasi yang kecil, 100,000 sahaja, maka ia mudah meningkat KDNK per kapitanya. Adakah KDNK per kapita ini digunakan sebagai satu ukuran yang menandakan kawasan itu sudah begitu maju *economically*, maka kurang perhatian diberikan dan perhatian diberikan kepada kawasan-kawasan lain yang masih belum tinggi KDNK per kapitanya.

Seterusnya, 93500 – Projek Khas, sama juga. Hendak tanya apa projek itu? Saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk bertanya. UPEN Sabah ada memberi penerangan bahawa dalam perancangan negeri Sabah, *airport* Kota Kinabalu akan dipindahkan ke selatan iaitu di kawasan Kimanis. Nasib baik saya sudah bersama dengan parti yang bertapak di Sabah dan saya rapat dengan Kerajaan Negeri Sabah, jadi saya pun dijemput semasa *briefing* ini. Kalau tidak, sikit pun tak tahu hal ini. Akan tetapi memindah *airport* ini ke selatan, di Kimanis akan membuatkan Labuan menjadi bertambah teruk. Kita tidak boleh terbang lagi ke Kota Kinabalu, hilang satu opsyen untuk kita pergi ke satu bandar yang penting untuk Labuan dan seterusnya pada masa yang sama Labuan juga belum ada jambatan. Jadi, apa hendak jadi Labuan?

Jadi, saya berharap perancangan ekonomi negara mesti melihat ini semua. Jangan sampai Labuan ini macam Sabah sudah tak mahu, bagi kepada *Federal*, *Federal* pun buat tak tahu. Terima kasih.

**Tuan Pengurus [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri akan menjawab. Sebelum itu, saya beri ruang dua, tiga minit seorang kepada Yang Berhormat Kapit dan Yang Berhormat Arau. Selain lebihnya, saya beri ruang untuk mencelah kerana Yang Berhormat...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *[Mencelah]* Paya Besar tadi? Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** ...sehingga pukul 7.00.

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]:** Keningau?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya memberi kepada Yang Berhormat Kapit tiga minit, kepada Arau tiga minit. Silakan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Paya Besar, tiga minit Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tiga minit, yang lain boleh mencelah. Silakan Yang Berhormat Kapit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sekurang-kurangnya saya pegang rekod dalam dunia, tiga minit ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kapit, tiga minit silakan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tuan Pengerusi, kalau kita tanya Yang Berhormat Menteri, Menteri ini sudi atau tidak bagi kita sambung sedikit? Bagi peluang kepada kita dari jauh. Betul tak Yang Berhormat Menteri? *I know you are a very kind man, Sir.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Kapit. Tiga minit sahaja.

#### 5.04 ptg.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tiga tambah dua. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya datang dari jauh, ada kawan-kawan sampai jauh malam. Saya jauh dari segi geografinya. Jadi, saya ingin menyentuh maksud Pembangunan 15, Butiran 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung/Sabah/Sarawak. Sebanyak RM95 juta diperuntukkan bagi tahun 2020. Seperti mana rakan-rakan telah bertanya tadi, saya juga ingin penjelasan, apa jenis projek kemiskinan ini? Adakah nama butiran ini betul kah atau sepatutnya Projek Pembasmian Kemiskinan? Ini Projek Kemiskinan. Siapa hendak projek kemiskinan? Saya tak tahu lah, ini nama dia agak pelik. Ini disebut sebagai Projek Kemiskinan. Macam tak berapa betul lah.

Jadi, adakah projek ini bagi memerangi gejala kemiskinan? Tolong jelaskan apa ia dalam program ini. Butiran 00104 – Penyusunan Semula Masyarakat. Saya juga tertarik kepada butiran ini yang diberi RM50 juta sahaja bagi tahun 2020. Ini kerana pada tahun 2019, butiran ini diberi lebih besar, RM300 juta. Jadi, sila jelaskan sebabnya penurunan yang amat besar bagi tujuan butiran ini untuk tahun 2020. Adakah program membantu Bumiputera dikurangkan banyaknya nanti?

Jadi, Butiran 03100 – Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah (FELCRA). Ini Tuan Pengerusi, saya tak tahu, adakah tanggungjawab FELCRA ini masih seperti yang dahulu? Duit yang diletakkan dalam FELCRA semasa kerajaan dahulu untuk membayar projek-projek kecil ya.

Jalan kecil luar bandar, projek bantuan rumah yang dikendalikan oleh JKK dan sebagainya. Pernah saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi ini juga dalam Dewan ini di sidang yang lalu tentang pembayaran yang belum diselesaikan.

Banyak yang meminta ini diselesaikan dengan cepat sebab dikatakan dahulu penghujung tahun. Saya berharaplah selepas kita meluluskan bajet ini, wang ini ada untuk dibayarkan. Ya, Yang Berhormat Menteri? Oleh sebab kasihan mereka, projek-projek kontraktor kecil bumiputera, pembekal-pembekal kecil. Ada mereka sudah bankrap sudah kerana belum dibayar, JKK belum dibayar. Jadi, Yang Berhormat Menteri tahu hal ini sebab saya pernah bincang di luar Dewan dengan Yang Berhormat Menteri dahulu. Cuma saya hendak mengulanginya.

Jadi, satu lagi iaitu Butiran 04000 – Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Saya nampak peruntukan untuk membantu pekebun kecil di Sarawak terlalu kecil jumlahnya berbanding dengan negeri Sabah. Oleh sebab kita ada lebih 74,000 pekebun kecil yang perlu dibantu juga kalau di banding dengan mereka yang lain. Butiran 70113 – Perbadanan Kemajuan Negeri Sarawak, hanya diperuntukkan RM3.2 juta sahaja. Tuan Pengurus, tahu kita hampir sebesar Semenanjung Malaysia, negeri Sarawak ini. Mengapa kita diberi hanya RM3.2 juta sahaja?

SEDC ataupun Perbadanan Kemajuan Negeri Sarawak. Saya tidak iri hati dengan negeri Kedah, Yang Berhormat Sungai Petani pun ada di sini. Negeri Kedah diberi RM10 juta. Bagus, kita tolong. Akan tetapi kita mesti mengambil kira, Sarawak adalah penyumbang banyak besar kepada kekayaan negara kita. Kita gas, minyak—saya sudah jemulah. Tak nak sebut selalu lah ya. *But, it is a fact.* Kita menyumbangkan pada *national coffe* begitu besar.

Jadi, kita diberi balik RM3.2 juta sahaja untuk pembangunan kemajuan negeri kalau berbanding dengan Kedah. Kita beri, Kedah mesti diberi. Saya sokong, kita tidak iri hati kepada mana-mana negeri. Melaka negeri kecil, dapat besar. Bagus sebab mereka memerlukan tapi Sarawak jangan dikurangkan, Yang Amat Berhormat. Eh! Belum lagi. Yang Berhormat Menteri. Terlanjur tapi baguslah. *[Ketawa] No, it is true, Sir. You know, I mean you, well.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Mencelah]* Saya sokong Sarawak. Saya sokong.

**Tuan Pengurusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Jadi, sebenarnya banyak lagi tapi saya akur.

**Tuan Pengurusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Boleh mencelah.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Boleh mencelah nanti? Terima kasih kepada Tuan Pengurus. Terima kasih, baik.

**Tuan Pengurusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tiga minit, Yang Berhormat Arau.

### **5.08 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya memegang rekod orang yang kedua dalam dunia yang berucap dalam masa berminit-minit. Pertama ialah Perdana Menteri New Zealand yang berucap dua minit dan sekarang Ahli Parlimen Arau yang akan berucap tiga minit. Ini rekod dunia. *[Ketawa]*

Pertama sekali, PUNB ini telah ditubuhkan pada 17 Julai 1991. Aktiviti PUNB yang kita nampak ketara ialah bila daripada 2011 sehingga 2017, di mana kerajaan telah memberi RM2.78 bilion dalam bentuk geran dan juga dalam bentuk pinjaman. Jadi, yang berjumlah – akhirnya termasuk daripada KPDNKK ialah RM3.078 bilion. Apa yang kita seronok tengok ini ialah keuntungan terkumpul pada tahun 2017 ialah RM433.11 juta pada akhir 2017. Ini ialah keuntungan terkumpul.

Jadi, saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, siapakah bumiputera yang mendapat manfaat? Apakah Yang Berhormat Menteri ingin membiarkan keuntungan syarikat yang begini besar hendak diserahkan kepada Kementerian Kewangan untuk dijual? Ataupun Yang Berhormat Menteri hendak simpan tetapi di bawah peruntukan mana?

#### **■1710**

Jadi, saya cadangkan di bawah P.93500 – Projek Khas. Sekarang dia bagi RM100 juta. Kementerian Kewangan dia bagi RM3 – berbilion, rendah daripada JPM. JPM pun dapat kurang daripada Kementerian Kewangan. Kenapa Menteri Kewangan mesti pegang projek khas? Projek khas ini mesti dipegang oleh Menteri-menteri yang beroperasi.

Jadi, saya cadangkan supaya projek khas RM3 bilion yang ada daripada Kementerian Kewangan itu dimasukkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Kalau tidak, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, ekonomi tetapi tidak sehebat seperti nama. Jadi, yang keduanya adalah Ekuinas. Ekuinas juga tidak dimasukkan dalam mana-mana program padahal Ekuinas ini bertujuan untuk menjaga pelaburan-pelaburan strategik khususnya bumiputera.

Jadi, Ekuinas dimasukkan di bawah mana Yang Berhormat? Kita tidak nampak ini, di bawah Kementerian Kewangan pun tidak nampak, di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi pun tidak nampak. Padahal kedua-dua ini merupakan projek yang kerajaan telah mengeluarkan wang dengan begitu banyak tetapi keuntungannya juga hebat, prestasi PNB hebat dan prestasi Ekuinas juga hebat. Kita hendak tahu, siapakah yang mendapat manfaat dan kenapa dia tidak masuk di bawah mana-mana kepala di bawah kementerian.

Ini adalah satu perbuatan yang tidak wajar berlaku dan kami Ahli-ahli Parlimen di sini menyokong bajet yang telah dibentangkan tetapi kita minta dibuat pindaan iaitu projek khas daripada Kementerian Kewangan dimasukkan di bawah kementerian Yang Berhormat. Ini kita minta kalau Yang Berhormat tidak boleh jawab ini, bawalah ke Kabinet bahawa kami puak-puak sini minta supaya projek khas diwujudkan di kementerian Yang Berhormat dalam bentuk RM3 bilion supaya kita boleh bantu PUNB dan juga Ekuinas.

Ketiganya, PENERAJU. Kita lihat PENERAJU dia bagi RM50 juta tetapi peruntukan keseluruhan adalah RM285 juta. Jadi bagaimana peruntukan yang begini kecil mampu untuk dimanfaatkan dengan baiknya. Jadi kita minta supaya PENERAJU diberi semua sekali peruntukan RM285 juta itu diberi semua pada tahun 2020 sebab kita kena pacu dan gerakkan dengan hebatnya ekonomi dalam bentuk kewangan tadi.

Akhir sekali, ini fasal yang kecil-kecillah, yang kecil-kecil ini iaitu yang pertama IMT-GT dan juga BIMP-EAGA ini RM4 juta. Jadi saya hendak minta supaya Perlis kenalah bagi perhatian sikit. Kita minta bila IMT-GT hendak buat projek di Perlis, berilah peluang orang Perlis. Kalau orang luar semua mari, jadi orang Perlis nganga situ termasuk SEDC Perlis yang dapat RM3.5 juta. Walaupun negeri kecil, lekeh dan sebagainya tetapi Yang Berhormat kena tengok balik ini, tidak wajar dibuat.

Jadi, pada akhirnya saya ingin memberitahu bahawa kalau Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ini hendak dibubuh nama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Yang Berhormat akan menjawab lebih hebat daripada Yang Berhormat Menteri lain selama dua jam. Jadi, jawapan Yang Berhormat dua jam itu tidak bermakna kalau sekiranya peruntukan ini berada dalam keadaan “*kain sarong yang tarik ke atas terbuka, turun ke bawah pun terbuka*”. Kita hendak Yang Berhormat mempunyai kain sarong yang lengkap seperti saya ambil gambar di *highway Simpang Renggam semalam* yang memakai kain sarong dan menunjukkan bahawa tol Simpang Renggam belum lagi dimansuhkan seperti yang dijanjikan oleh Dr. Maszlee bin Malik.

Jadi kita hendak sehelai kain sarong yang lengkap supaya kementerian ini dinamakan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk memacu ekonomi. Tuan Pengerusi setuju dengan saya. Ini kita hendak bagi pacu ekonomi tetapi beri peruntukan yang tidak nampak. PUNB tidak nampak, Ekuinas tidak nampak.

Jadi, saya minta Yang Berhormat jawab. Kalau Yang Berhormat tidak boleh jawab pun – Yang Berhormat boleh jawab ini. Oleh sebab PUNB ini orang *dok* tanya kenapa sampai tahun 2017 sahaja diberi peruntukan. Kenapa tahun 2018, tahun 2019 dan tahun 2020 tidak diberi peruntukan. Ekuinas juga kita tidak nampak di mana bayangannya yang dimasukkan dalam mana-mana peruntukan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akhir sekali Yang Berhormat saya hendak sebut bahawa Menteri Kewangan ini saya tidak pasti, saya sudah beri nama macam-macam nama bajet ini. Adakah bajet ini bajet Tony Pua dan sebagainya? Kenapa pegawai-pegawai tidak dilibatkan di peringkat awal untuk membuat bajet ini sehingga beberapa peruntukan bumiputera kita nampak tidak nampak kehadirannya di pelbagai kementerian termasuk Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi saya menyokong dengan pindaan bahawa belanja ini ditambah lagi RM3 bilion iaitu diambil daripada projek khas daripada Kementerian Kewangan dimasukkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi untuk menjawab. Makluman lebih awal selama satu jam. Sila Yang Berhormat Menteri.

### 5.15 ptg.

**Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada begitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbahasaan di peringkat jawatankuasa dan menyentuh peranan dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Saya yakin pandangan dan maklum balas yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah untuk memperkuatkan usaha kita bagi menjana pertumbuhan ekonomi dan menjamin pengagihan yang adil demi kemakmuran bersama.

Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang untuk respons kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Pendang berhubung isu Khazanah, PLUS dan Malaysia Airports kerana agensi-agensi ini tidak terlibat dalam belanjawan pengurusan dan juga pembangunan MEA. Walau bagaimanapun, saya telah memberikan penjelasan yang panjang lebar di peringkat dasar tentang langkah-langkah yang telah diambil oleh Khazanah, mahupun PLUS dan Malaysia Airports.

Kedua, Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Beluran, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Papar dan Yang Berhormat Jerantut telah dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat khususnya di sesi sebelah petang telah menyentuh Butiran 00102 tentang Projek Kemiskinan Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya tajuk pada butiran ini tidak menggambarkan *content* ataupun pengisian sebenar kepada butiran tersebut. Ianya dilihat seolah-olah menggambarkan satu jumlah yang begitu kecil bagi projek kemiskinan untuk Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kalau diteliti, butiran ini sebenarnya memperincikan hanya dua program iaitu Program Dana Mudahcara B40, Program Pemangkin Usahawan Sosial Hebat (PUSH) dan Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan usaha pembasmian kemiskinan oleh kerajaan adalah bersepada dengan mengambil kira pelbagai dimensi kemiskinan dan dilaksanakan oleh pelbagai kementerian, jabatan dan agensi. Program dan projek kemiskinan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi iaitu program PUSH dan Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus, hanyalah sebahagian daripada usaha yang dijalankan oleh kerajaan dalam membasi kemiskinan dan meningkatkan pendapatan isi rumah B40.

Program-program ini adalah lebih menumpukan kepada usaha pembangunan kapasiti dan *capability* kumpulan sasar khusus tertentu dalam kalangan isi rumah B40 termasuk isi rumah miskin, Orang Asli, minoriti Sabah dan Sarawak, ibu tunggal, anak yatim, golongan gelandangan, anak-anak yang diabaikan, warga emas, belia tercicir dan berisiko tinggi, bagi meningkatkan peluang mereka dapat pekerjaan dan kehidupan yang lebih baik.

Bagi tahun 2020 peruntukan pembangunan DE yang diluluskan adalah sebanyak RM95 juta berbanding RM110 juta yang diperuntukkan pada tahun 2019. Pengurangan ini dijangkakan telah mengambil kira purata perbelanjaan tahunan bagi program ini dan perbelanjaan bagi program ini adalah berdasarkan kelulusan kepada permohonan yang dikemukakan oleh kerajaan-kerajaan negeri dan agensi-agensi yang berkaitan.

Sebagai tambahan, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan belanjawan tahun 2020 sebanyak RM24.2 bilion telah diperuntukkan untuk subsidi dan bantuan sosial bagi perbelanjaan kerajaan pada tahun 2020 dan jumlah ini adalah meningkat daripada tahun 2019 iaitu RM22.3 bilion ataupun 7.1 peratus yang melibatkan kumpulan isi rumah miskin berpendapatan rendah, isi rumah B40 dan M40. Peruntukan ini adalah merangkumi bantuan kebajikan seperti bantuan sara hidup di bawah Kementerian Kewangan, bantuan kebajikan dan subsidi yang berkaitan dengan pertanian, bahan api dan kadar faedah di bawah kementerian yang berkaitan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menjawab secara terperinci tentang isu kemiskinan di Malaysia pada 7 Oktober 2019 yang lalu di dalam Dewan yang mulia ini.

#### ■1720

Kerajaan mengambil maklum Laporan *End of Mission Statements* oleh Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Namun, perlu dijelaskan di sini bahawa kadar kemiskinan rasmi di Malaysia dikira berdasarkan cerapan data penyiasatan dan pendapatan isi rumah yang selaras dengan piawaian antarabangsa. Bagi menambah baik model PJK yang sedia ada, kerajaan sebenarnya telah pun memulakan kajian semula PJK sejak bulan Mac 2019. Pelaksanaan kajian semula ini sedang giat dijalankan dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesihatan serta jabatan dan agensi yang berkaitan.

Sementara itu, bagi pengukuran kemiskinan yang lebih *inclusive* selaras dengan amalan antarabangsa, Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi juga telah diperkenalkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11. MPI mengukur dan memantau kemiskinan dalam perspektif pelbagai dimensi merangkumi kesihatan, pendidikan, taraf hidup dan pendapatan.

Sehubungan dengan ini, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi akan meneruskan libat urus dengan pemegang taruh berkaitan dengan pelaksanaan MPI dalam perancangan dan penggubalan dasar, strategi serta inisiatif ke arah pembasmian kemiskinan yang lebih komprehensif dan berkesan bermula pada Rancangan Malaysia Ke-12 berdasarkan semangat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin respons perkara yang sama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kangar dan Yang Berhormat Lembah Pantai, di mana pada masa ini, DOSM melaksanakan penyiasatan, pendapatan dan perbelanjaan isi rumah yang mana salah satu objektif penyiasatan ialah bagi mengenal pastikan isi rumah miskin. Walau bagaimanapun, pemilihan sampel penyiasatan ini, hanya sehingga daerah pentadbiran. Statistik mengenai insiden kemiskinan diterbitkan untuk sebaran umum sehingga peringkat daerah pentadbiran.

Ahli Yang Berhormat daripada Sibuti telah membawa perbahasan tentang adakah pihak kerajaan akan memperkasakan penggunaan *big data* ataupun *machine learning* di Jabatan Perangkaan Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DOSM telah melaksanakan inisiatif ini pada tahun 2016 dengan membangunkan statistik *big data analytic* yang merangkumi lima modul iaitu:

- (i) *trade by enterprise characteristics;*
- (ii) *price intelligence;*
- (iii) *real time status;*
- (iv) *public maturity on official statistic; dan*
- (v) *real time news on official statistic.*

Bagi menambah baik dan memperkasa perkhidmatan anggota DOSM dalam penggunaan *big data*, inisiatif yang telah dilaksanakan oleh DOSM adalah seperti berikut:

- (i) sembilan orang anggota telah pun mengikuti kursus untuk diiktiraf sebagai *Statistical Analysis System Data Scientists*;
- (ii) empat orang anggota telah mengikuti pengajian peringkat ijazah sarjana dalam bidang *big data* dan *data science*; dan
- (iii) seorang anggota sedang mengikuti pengajian dalam bidang *data science*.

Program *Capacity Building* ini akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi membolehkan anggota DOSM *competent* dengan kemajuan teknologi terkini supaya data-data yang berintegriti dan *reliable* dapat dikeluarkan untuk perancangan dan pembangunan nasional.

Yang Berhormat Sibuti juga menyentuh berkaitan maklumat berkenaan maklumat statistik di portal DOSM tidak banyak untuk diperoleh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DOSM telah mengadakan program *Statistic Talk* dengan Ahli-ahli Parlimen pada 15 Oktober 2019 yang lalu, yang dipimpin oleh Ketua Perangkawan Malaysia. Semasa taklimat tersebut, turut diterangkan data dan statistik rasmi yang dikeluarkan oleh DOSM. Maklumat dan statistik rasmi boleh dicapai melalui Portal Rasmi DOSM. Antaranya aplikasi *eStatistic*, *MyLocal Stats* dan *Statistics Data Warehouse*. Maklumat dan capaian kepada aplikasi yang dinyatakan di atas boleh dicapai menerusi laman DOSM, [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) .

Yang Berhormat Sibuti juga ingin merujuk kepada Butiran 99000 – Banci Ekonomi/EKS. Ini meliputi enam projek seperti berikut:

- (i) Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020;

- (ii) Banci Ekonomi dan Perusahaan Kecil dan Sederhana 2021;
- (iii) Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2019 – 2020;
- (iv) Penyiasatan Guna Tenaga Suku Tahunan;
- (v) Penyiasatan Gaji dan Upah Suku Tahunan; dan
- (vi) Banci Perdagangan Edaran 2019.

Banci yang dijalankan meliputi semua struktur ekonomi termasuk sektor perkhidmatan, pembinaan, pembuatan, perlombongan dan pengkuarian serta pertanian. Pengumpulan data banci berkenaan akan meliputi ekonomi baharu seperti *e-hailing*, *digital economy* dan lain-lain.

Sumbangan teknologi maklumat dan komunikasi kepada ekonomi negara, KDNK terus berkembang pada tahun 2018 sebanyak 18.5 peratus atau bersamaan RM267.7 bilion berbanding 18.3 peratus pada tahun sebelumnya. Nilai ditambah kasar industri teknologi maklumat dan komunikasi menyumbang 12.6 peratus, manakala e-dagang industri bukan teknologi maklumat dan komunikasi, 5.9 peratus. Daripada segi sumbangan kepada KDNK negara, sumbangan teknologi maklumat dan komunikasi berkenaan telah mencapai sasaran 18.2 peratus seperti yang disasarkan di dalam RMKe-11.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, banci-banci yang dijalankan adalah berbeza bagi setiap projek. Sebagai contoh, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia dijalankan setiap 10 tahun. Banci Ekonomi dan Perusahaan Kecil dan Sederhana dijalankan setiap lima tahun. Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah dijalankan dua kali dalam tempoh lima tahun.

Pelbagai mekanisme pengumpulan data dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia seperti temu ramah secara bersemuka dan penghantaran borang soal selidik melalui pos dan e-mel, Jabatan Perangkaan Malaysia juga telah membuat inovasi dan pembaharuan pengumpulan data seperti secara *online*, *computer assisted telephone interview* dan *computer assisted personal interview* menggunakan tablet dan *mobile phone*.

Yang Berhormat Parit Sulong membangkitkan perkara apakah kerajaan akan membuat takrifan baharu bagi kemiskinan mengikut daerah dan berdasarkan kawasan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan telah pun mengeluarkan kadar kemiskinan dan PGK mengikut negeri supaya ia adalah bertepatan mengikut lokasi dan geografi. Data kadar kemiskinan mengikut negeri ini dan mengikut daerah akan dapat memudahkan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan oleh kementerian, agensi dan jabatan supaya ia lebih bersasar.

Yang Berhormat Jeli ada memberikan pandangan berhubung ekonomi baharu seperti *digital economy*, IR4.0 dalam konteks pekerjaan baharu. Adakah DOSM telah mempersiapkan diri berkenaan cabaran baharu ini. Untuk makluman Yang Berhormat Jeli, Jabatan Perangkaan Malaysia sentiasa peka dengan perkembangan-perkembangan ekonomi baharu berkenaan. Sebagai contoh, maklumat berkenaan *digital economy* telah diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan

Malaysia pada 16 Oktober 2019. Manakala bagi IR4.0, DOSM sedang mengenal pasti syarikat yang terlibat di dalam industri yang berkenaan bersama kementerian termasuk MITI.

Yang Berhormat Jeli juga ada membangkitkan soal adakah DOSM berhasrat untuk mengadakan kajian-kajian terperinci bagi mendapatkan maklumat statistik penggunaan data untuk orang muda dan siswazah. Liputan kajian berkenaan tenaga buruh pada masa kini adalah menyeluruh. Survey tenaga buruh yang dilaksanakan adalah menggunakan pendekatan isi rumah. Umur bekerja yang diliputi adalah 15 sehingga 64 tahun. Hasil dapatan daripada survey ini termasuk maklumat buruh dan siswazah. Walau bagaimanapun, penambahbaikan survey dilaksanakan secara berterusan. Keperluan kajian secara spesifik...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Akan dilaksanakan mengikut keperluan dan keutamaan negara. Metodologi yang digunakan perlu selari dengan piawaian antarabangsa dan disesuaikan dengan situasi negara.

#### ■1730

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak merujuk apa Yang Berhormat Menteri sebut tadi berkaitan Yang Berhormat Jeli, berkaitan ekonomi baharu. Cumanya perkara pokoknya adalah Yang Berhormat Menteri sebab Yang Berhormat Menteri adalah Menteri Hal Ehwal Ekonomi.

Saya tidak sempat untuk membahaskan dan Yang Berhormat Menteri minta saya mencelih dalam perkara-perkara yang terbabit. Jadi, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkaitan *blue economy*. Sebab kita ada satu kawasan laut yang besar, 614,000 kilometer persegi, dua kali ganda jumlah keluasan darat yang kita ada.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kita hendak pergi kepada *digital economy*, mungkin hendak pergi kepada *Industrial Revolution 4.0* walhal perkara-perkara yang penting dalam *blue economy* ini kerana ia merupakan satu perkara yang amat penting. Kita mempunyai kawasan laut yang luas. Bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat dalam perkara yang saya nyatakan tadi berkaitan dengan *blue economy* sebab Indonesia sudah berjaya, Jepun sudah berjaya, China sudah berjaya dan bagaimana India datang ke Indonesia untuk bekerjasama dalam *blue economy*. Kenapa kita tidak memberi tumpuan? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Saya akan menyentuh isu *blue economy* ini ketika saya menggulung topik tentang kajian-kajian kemungkinan.

Yang Berhormat Parit Sulong ingin bertanya, apakah hasil Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 akan dikongsi bersama Ahli Parlimen supaya Ahli Parlimen dapat mengetahui kadar dan jumlah kemiskinan dalam kawasan Parlimen masing-masing. Hasil Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 akan dibentangkan melalui laporan awalan dalam

tempoh tiga bulan setelah selesai operasi banci 2020 telah ditetapkan. Hari Banci 2020 telah ditetapkan pada 7 Julai 2020.

Yang Berhormat Padang Terap ingin mendapatkan penjelasan tentang kajian yang akan dilaksanakan di bawah Butiran 00100 – Kajian-kajian Kemungkinan. Projek kajian kemungkinan ini melibatkan pelaksanaan pelbagai kajian kemungkinan yang disambung dan juga baru yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi berkaitan bagi membantu menyediakan input dalam merancang pembangunan sosioekonomi negara serta input dalam penyediaan RMKe-12.

Pada tahun 2020, terdapat 10 kajian sambungan dalam pelbagai peringkat pelaksanaan diteruskan pelaksanaan. Di antara kajian berkenaan termasuk kajian *industrial 4.0*, kajian teknikal hala tuju projek kereta api laju KL-Singapura, kajian komersial hala tuju projek kereta api laju KL-Singapura, kajian *productivity* dan *investment climate survey*, kajian penyelarasan padi dan beras negara, kajian *increasing contribution of culture, art and heritage segment to the tourism industry*, kajian *oil and gas services and equipment*, penyediaan RMKe-12, Pelan Induk Daya Saing dan Pelan Induk Daya Saing bagi Georgetown dan Kuantan. Setakat November 2019, terdapat keperluan tambahan kajian baru yang akan dilaksanakan bermula tahun 2020 termasuk yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Paya Besar iaitu kajian *blue economy*, kajian teknikal kereta api laju.

Yang Berhormat Rasah dan Yang Berhormat Kota Marudu ingin merujuk kepada Butiran 99000 melibatkan enam projek yang saya telah nyatakan sebentar tadi iaitu Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 yang dianggarkan RM219 juta. Banci ekonomi dan PKS 2021 berjumlah RM21 juta. Penyiasatan pendapatan dan perbelanjaan isi rumah 2019-2020 yang dianggarkan RM5 juta, penyiasatan guna tenaga suku tahunan RM2 juta dan penyiasatan gaji dan upah suku tahunan RM2 juta, banci perdagangan edaran 2019, RM1 juta.

Butiran 99000 berbanding Butiran 020300. Butiran 99000 merupakan projek banci dan penyiasatan berkala dan melibatkan peruntukan yang besar manakala Butiran 020300 melibatkan penyiasatan rutin dan berskala kecil seperti penyiasatan tenaga buruh untuk isi rumah, penyiasatan pembuatan bulanan, penyiasatan perdagangan edaran bulanan dan lain-lain di samping perbelanjaan operasi sedia ada jabatan seperti emolumen, sewaan dan penyelenggaraan.

Yang Berhormat Rasah ingin mendapatkan penjelasan apakah limpahan yang dapat diperoleh daripada Butiran 99000. Berdasarkan peruntukan yang diluluskan bagi pelaksanaan enam projek di bawah Banci Ekonomi dan EKS. DOSM melaksanakan banci dan penyiasatan yang meliputi semua sektor ekonomi termasuk sektor perkhidmatan, pembinaan, pembuatan, perlombongan, pertanian dan perkuarian serta demografi dan kependudukan. Data yang diperoleh daripada banci dan penyiasatan ini berfungsi sebagai input kepada *stakeholders* dalam merangka dasar dan *policies* serta memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan dasar yang berkaitan.

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

Sebagai contoh, *outcome* daripada banci penduduk dan perumahan dapat digunakan sebagai input dalam penentuan geran per kapita dan merupakan input dalam memastikan keseimbangan pembangunan bandar dan luar bandar. Dari perspektif sektor swasta, data yang diperoleh daripada banci dan penyiasatan ini akan digunakan sebagai input dalam merangka perancangan perniagaan dan hala tuju perniagaan berdasarkan petunjuk sosial dan ekonomi semasa.

Yang Berhormat Pontian ingin bertanya apakah kerajaan akan menjual projek RAPID. Yang Berhormat Pontian tidak ada.

**Tuan Penggerusi:** Tidak ada.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Solat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pontian, Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang ataupun *Pengerang Integrated Petroleum Complex* (PIPC) adalah kawasan pembangunan industri hiliran minyak dan gas seluas 22,000 ekar di Pengerang, Johor. Fasa pertama pembangunan PIPC daripada tahun 2012 hingga 2018 menyaksikan pembangunan dua projek pemangkin iaitu *Pengerang Deepwater Terminals* oleh Dialog Group Berhad dengan pelaburan USD3 bilion dan Kompleks Bersepadu Pengerang oleh Petronas dengan pelaburan USD27 bilion. Kesemua projek ini dipacu oleh syarikat swasta. Maka tidak timbul isu kerajaan menjual aset. Kerajaan menjadi pemudahcara kepada pelaburan melalui Johor Petroleum Development Corporation. RAPID adalah salah satu komponen dalam pembangunan Kompleks Bersepadu Pengerang oleh Petronas. Maka tidak ada rancangan untuk menjual RAPID walaupun RAPID kita sedia maklum RAPID telah menarik pelaburan usaha sama daripada Saudi Aramco, syarikat minyak yang terbesar di dunia.

Yang Berhormat Pengerang ingin mendapatkan penjelasan tentang impak pembangunan industri hiliran minyak dan gas di Pengerang kepada masa hadapan dan kebijakan kumpulan nelayan. Perancangan pembangunan jangka panjang industri hiliran minyak dan gas di Pengerang telah pun mengambil kira keperluan memelihara industri perikanan dan nelayan tempatan. Sebuah kompleks nelayan telah dibangunkan di Sungai Musuh, Pengerang untuk meningkatkan kemudahan dan prasarana bagi kegunaan nelayan di kawasan Pengerang. Kompleks nelayan tersebut telah dibina dengan kos RM41.45 juta dan mampu menampung 150 bot enjin sangkut serta 30 bot enjin dalam. Nelayan boleh menggunakan jeti pendaratan tangkapan, kemudahan bilik beku dan kemudahan lain. Kompleks ini telah pun diserahkan kepada LKIM pada 28 Januari 2019 serta telah pun mula beroperasi. Yang Berhormat Pengerang juga mencadangkan diwujudkan *one stop centre* untuk memberikan bantuan kepada nelayan, mengambil kira elemen *fisherman survival*.

Butiran 00117. Ini pun Yang Berhormat Pontian tadi ada menyinggung saya, mengatakan mengapa saya terlibat untuk menjaga nelayan. Untuk makluman Yang Berhormat Pontian, sebenarnya peruntukan asal ini disalurkan oleh EPU. Sebelum ini EPU berada di bawah Jabatan

Perdana Menteri. Kementerian ini baru sahaja diwujudkan pada tahun 2018. Maka Butiran 00117 – Pembangunan Perkampungan Nelayan yang diluluskan di bawah Belanjawan 2020 adalah khusus untuk projek penempatan semula perkampungan nelayan di Lumut dan Pangkor sahaja.

■1740

Cadangan mewujudkan *one-stop centre* untuk memberi bantuan kepada nelayan merupakan satu cadangan yang baik yang mana satu pusat sehenti diwujudkan untuk golongan nelayan. Walau bagaimanapun, cadangan pembangunan *one stop centre* ini untuk golongan nelayan adalah lebih sesuai dibangunkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebagai kementerian yang mengawal selia golongan nelayan.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tumpat minta laluan sedikit. Sehubungan dengan Butiran 00117 – Pembangunan Perkampungan Nelayan. Soalan saya, apakah yang akan dilaksanakan ataupun telah dilaksanakan dalam aspek pembangunan perkampungan nelayan sebelum ini. Sejauh mana peruntukan ini juga akan turut memperincikan aspek perlindungan terhadap nelayan yang telah diceroboh ataupun perkampungan nelayan yang diceroboh dengan pelbagai projek pembangunan seperti projek tambak laut di Pulau Pinang.

Ini kerana apa yang membimbangkan kita, di satu pihak kita ada peruntukan untuk pembangunan perkampungan nelayan dan di satu pihak lain, kita tidak berbuat apa-apa apabila ada pihak yang sedang menghancurkan perkampungan nelayan khususnya apa yang dibincangkan hangat sekarang ini iaitu di bahagian yang terkesan dengan projek tambak laut di Pulau Pinang. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Seperti yang saya nyatakan tadi, sebarang cadangan pembangunan dan kebajikan golongan nelayan adalah sesuai dirujuk kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Dalam konteks yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, isu ini sedang dalam proses perbincangan di antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan kerajaan negeri dan saya percaya *engagement* seperti ini amat penting untuk mendengar sendiri rintihan warga nelayan sebelum sebarang keputusan diambil.

Walau bagaimanapun untuk konteks Butiran 00117 ini, ini adalah peruntukan yang lebih awal yang telah digunakan untuk tujuan pembangunan kampung nelayan di Lumut dan Pangkor sahaja yang melibatkan lima perkampungan nelayan. Saya minta izin Yang Berhormat Tanjong Karang saya selesaikan dulu respons kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu ini dan saya akan memberikan ruang kepada Yang Berhormat Tanjong Karang.

Buat masa ini, bantuan kebajikan kepada nelayan diselaraskan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, iaitu agensi di bawah MOA contohnya elauan sara hidup nelayan, subsidi petrol dan diesel, insentif hasil tangkapan ikan. Sekali lagi saya hendak tegaskan bahawa ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Terap dan juga Yang Berhormat Parit Sulong, di mana projek penempatan semula perkampungan nelayan di Perak ini merangkumi

pembangunan semula perkampungan nelayan yang melibatkan pembinaan, ubahsuai dan baik pulih rumah.

Di samping itu, infrastruktur asas dan kemudahan awam seperti dewan orang ramai dan gerai turut disediakan di bawah projek ini. Projek ini dijangka dapat mewujudkan perkampungan nelayan yang lebih teratur yang memberikan kehidupan yang lebih selesa dan berkualiti kepada golongan nelayan yang terlibat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek ini bermula pada tahun 2014 untuk pembangunan lima perkampungan nelayan tetapi sehingga hari ini hanya satu sahaja yang telah disiapkan iaitu di Teluk Gadong manakala empat lagi masih dalam pembinaan dan beberapa projek telah mengalami kelewatan daripada jadual pembangunan. Ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengerang dan Yang Berhormat Beufort.

Persoalan sama ada program ini akan diteruskan atau tidak, saya kira perkara ini untuk menjamin masa depan warga nelayan, kementerian boleh berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tetapi kita ingin melihat dulu bagaimana kemajuan projek-projek yang telah pun kita mulakan pada tahun 2014, apakah masalah yang dialami sehingga berlaku kelewatan untuk empat projek yang saya nyatakan tadi dan berdasarkan input ini kita boleh merancang untuk pembangunan di masa yang akan datang. Ya.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Sahaja nak dapat penjelasan yang kata rumah nelayan ini dipindahkan ke EPU. Kalau saya salah, betulkan saya. Boleh tak tahu bila mula dipindahkan sebab dulu waktu MOA dapat RM300 juta, waktu saya jadi Menteri Pertanian, duit itu memang kita letak di bawah MOA dan salah satunya projek yang disebut itu kita buat di Pulau Pangkor. Itu projek RM300 juta. Ini yang bawah EPU ini projek yang mana?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Apa yang saya nyatakan tadi, projek ini bermula pada tahun 2014 sebagai projek perintis untuk melihat apakah skim ini boleh membantu nelayan untuk ditempatkan di tapak dan lokasi yang lebih sesuai bagi penempatan mereka. Maklumat awal yang diberikan ialah peruntukan awal ini disediakan oleh EPU pada ketika itu dan EPU telah pun memulakan projek ini pada tahun 2014 tetapi sehingga hari ini hanya satu sahaja projek yang telah siap manakala empat lagi berlaku kelewatan dari segi pelaksanaan.

Oleh sebab itu ada cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meneruskan skim penempatan kampung nelayan ini tetapi bagi pandangan kementerian, elok kita melihat dulu apakah cabaran yang kita hadapi dalam melengkapkan lima projek awal ini dan daripada maklumat itu kita boleh berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk projek di masa yang akan datang.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat, Beaufort. Beaufort, belakang.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Ya.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Saya nak tanya tadi Yang Berhormat Menteri maklumkan bahawa projek ini projek perintis, cuma ada di Lumut dan Pangkor. Semua ini berada di Semenanjung Malaysia. Walaupun projek perintis, tetapi janganlah tinggalkan kami Sabah dan Sarawak. Kalau mahu buat perintis, mestilah semua ertinya wilayah-wilayah Sabah dan Sarawak pun diambil kira juga.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Saya dapat memahami pandangan Yang Berhormat. Oleh sebab itu saya nyatakan tadi kita akan teliti masalah yang kita hadapi di lima projek ini. Kalau boleh saya namakan lima kawasan itu ialah di Teluk Muroh, Kampung Masjid, Kampung Sungai Pinang, Teluk Kecil dan Teluk Gedung. Hanya satu sahaja yang telah disiapkan setelah bermula pada tahun 2014 dan yang lainnya tergendala dan saya percaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan memberikan perhatian untuk membantu warga nelayan di Sabah dan juga Sarawak.

Yang Berhormat Parit Sulong ada juga membangkitkan status pembinaan kampung nelayan di Parit Sulong yang melibatkan 351 nelayan, berapakah peruntukan yang disediakan? Secara keseluruhannya, peruntukan bagi pembangunan nelayan seperti jeti, pasar nelayan, bantuan sara hidup dan insentif hasil tangkapan adalah di bawah MOA. MOA juga menerima peruntukan berjumlah RM156 juta secara *one-off* pada tahun 2016 bagi melaksanakan projek bina baru, baik pulih dan penempatan semula nelayan di seluruh negara.

Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Kemaman dan Yang Berhormat Sibuti ada membangkitkan Butiran 04000 tentang peruntukan RM200 juta bagi RISDA dan peruntukan RM738 juta bagi FELCRA dan RISDA. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, RM200 juta adalah bagi tujuan belanja mengurus bagi tahun 2020 yang meliputi emolumen bagi 3,968 pegawai-pegawai dan warga RISDA termasuk pegawai-pegawai kontrak. Manakala jumlah RM738 juta yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu perlu saya berikan penjelasan di mana daripada jumlah ini, RM521.8 juta adalah untuk peruntukan pembangunan (DE) RISDA.

Butirannya saya boleh berikan di sini iaitu untuk pembangunan kawasan tanam semula getah diperuntukkan pada tahun 2020 sebanyak RM238.7 juta untuk peningkatan produktiviti dan pembangunan pekebun kecil RISDA diperuntukkan RM38.3 juta, untuk tanam semula getah sambungan diperuntukkan RM23 juta, untuk tanam semula getah ke tanaman lain diperuntukkan RM63,400. Pembangunan semula hasil baharu diperuntukkan RM20 juta dan bantuan musim tengkujuh diperuntukkan RM201.8 juta yang menjadikan jumlah keseluruhan DE bagi RISDA sebanyak RM521.8 juta.

#### ■1750

Walau bagaimanapun, setelah kementerian berbincang semula dalam Jemaah Menteri dan merujuk kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita telah bersetuju supaya bantuan musim tengkujuh tidak lagi diletakkan di bawah DE tetapi mestilah diperuntukkan di bawah OE oleh Kementerian Kewangan dan disalurkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Saya juga ingin memaklumkan untuk FELCRA. Sebenarnya, saya akan berikan perincian selepas ini kerana ada salah faham di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebelum itu, saya hendak sentuh dahulu tentang projek khas yang banyak dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk daripada Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Masjid Tanah, Yang Berhormat Segamat, Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Kota Marudu, Yang Berhormat Rasah dan juga Yang Berhormat Kubang Kerian.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh RMKe-11, kos keseluruhan bagi projek khas adalah sebanyak RM5 bilion. Namun peruntukan yang diterima oleh kementerian sehingga hari ini adalah sebanyak RM2.46 bilion sahaja. MEA telah membuat permohonan untuk tambahan peruntukan bagi butiran projek khas kepada Kementerian Kewangan setelah perkara ini dibentangkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri Kabinet.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan projek khas dikhususkan untuk projek-projek kecil, projek-projek berimpak tinggi, *people centric* dan *touch point* di kawasan luar bandar dan juga projek-projek yang mendesak oleh kementerian, jabatan dan agensi di luar permohonan *rolling plan*. Projek-projek yang dimaksudkan ini boleh dimohon oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan disarankan supaya permohonan ini dibuat melalui kementerian dan juga kerajaan negeri untuk pertimbangan oleh MAA.

Antara projek-projek yang boleh dipertimbangkan adalah seperti menaik taraf jalan khususnya di jalan-jalan di luar bandar, jambatan, titi, kemudahan dan prasarana sekolah dan projek-projek pembangunan infrastruktur dan prasarana yang dapat memberikan kesejahteraan kepada penduduk-penduduk khususnya di kawasan luar bandar. Projek-projek yang akan diluluskan di bawah butiran ini adalah projek yang mematuhi Jadual Pertama dalam Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966.

Bagi projek keusahawanan IKS, kementerian mencadangkan supaya dirujuk kepada Kementerian Pembangunan Usahawan yang mempunyai skim dan program untuk membantu usahawan-usahawan kecil.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Arau, sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, projek khas RM100 juta. Katalah Yang Berhormat hendak bagi kepada kawasan Parlimen, baru 100 Parlimen kalau RM1 juta. Akan tetapi tidak mungkin kita boleh bagi RM1 juta sebab banyak permintaan yang tinggi di semua kawasan. Jadi, apakah Yang Berhormat bercadang supaya peruntukan projek khas daripada Kementerian Kewangan yang RM3 bilion lebih itu dimasukkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Jadi kalau Yang Berhormat bersetuju, apakah usaha akan dibuat untuk memindahkan projek tersebut? Oleh sebab Kementerian Kewangan tidak wajar memegang peruntukan. Ia meluluskan projek-projek besar yang khusus, yang diberi kepada kementerian-kementerian tetapi nampaknya ia sendiri hendak pegang projek khas. Jadi, di bawah kementerian mana, di

bawah pentadbiran mana ia hendak pegang? Sekurang-kurangnya di bawah Yang Berhormat, ICU di bawah Yang Berhormat.

Jadi, sekarang ini Kementerian Kewangan hendak pegang di bawah siapa? Jadi saya cadangkan supaya projek khas sebab Yang Berhormat sebut projek-projek kecil, jalan dan sebagainya mana mungkin dibuat RM100 juta. Apakah Yang Berhormat bercadang untuk memindahkan projek khas daripada Kementerian Kewangan ke Kementerian Hal Ehwal Ekonomi?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya telah berkongsi maklumat sebentar tadi bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas peruntukan untuk projek khas ini telah pun diluluskan sebanyak RM5 bilion. Maknanya setiap tahun kementerian akan diperuntukkan sebanyak RM1 bilion. Malangnya jumlah yang kita terima seperti yang saya nyatakan tadi, sehingga hari ini adalah di antara lebih kurang RM2.5 bilion.

Ini kerana sebagai contoh, pada tahun 2019 kita hanya menerima RM715 juta berbanding dengan RM1 bilion yang sepatutnya diperuntukkan. Pada tahun ini, kita mendapat RM715 juta untuk tujuan projek-projek berimpak tinggi, projek-projek yang mendesak di kawasan-kawasan luar bandar khususnya. Akan tetapi untuk tahun 2020, diperuntukkan hanya RM100 juta.

Oleh sebab itulah kementerian telah membentangkan perkara ini kepada Jemaah Menteri Kabinet dan memohon pertimbangan daripada Kementerian Kewangan. Saya percaya Kementerian Kewangan akan memberikan respons yang positif kerana kita banyak projek yang sedang berjalan dan projek-projek sambungan. Saya telah mendapat jaminan bahawa RM100 juta bagi tahun 2020 hanya untuk projek-projek baru. Projek-projek sambungan, Kementerian Kewangan sedang membantu untuk memastikan pembayaran itu berjalan mengikut jadual dan tahap kemajuan projek yang berkenaan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, sikit.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** ...Supaya tidak menjelaskan perjalanan untuk menyiapkan projek-projek yang berkenaan. Ini antara langkah awal yang telah diambil oleh kementerian untuk memastikan projek-projek khas ini dapat berjalan lancar dan tidak ada yang tertangguh.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, sikit sahaja. Saya ingin menyatakan protes. Kami Ahli-ahli Parlimen – saya ingat Ahli Parlimen Pakatan Harapan pun bersetuju bahawa satu perbuatan curang bajet telah berlaku di mana peruntukan diturunkan macam itu sahaja. Daripada RM1 bilion turun kepada RM100 juta. Ini adalah satu daripada RM790 juta diturun kepada RM100 juta. Ini adalah dipanggil pendekatan curang bajet. Rakyat kena tengok perbuatan ini tidak wajar berlaku dan Yang Berhormat Menteri Kewangan mesti ambil tanggungjawab kerana dia mengurangkan bajet yang agak ketara apabila melihat bahawa peruntukan ini banyak dibelanjakan di luar bandar.

Jadi Yang Berhormat Jelutong pun bersetuju bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membuat curang bajet dengan mengurangkan peruntukan daripada RM1 bilion kepada RM100 juta. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Tuan Pengerusi...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja. Benda yang sama. Saya hendak dapat penjelasan beza di antara projek-projek kecil luar bandar di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan projek-projek khas di bawah kementerian – ya lah, di bawah ICU, di bawah kementerian Yang Berhormat. Apa ia punya perbezaan itu? Oleh sebab saya ini datang daripada luar bandar, jadi boleh dapat penjelasan yang lebih jelas?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Tanjong Karang. Tuan Pengerusi, saya hendak nyatakan dalam Dewan ini saya tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Arau bahawa ini adalah belanjawan yang curang. Kita kena sedia maklum kedudukan kewangan negara pada hari ini amat terbatas. Maka perbelanjaan harus dilakukan secara berhemah dan bertanggungjawab.

Dalam sesi libat urus di antara Kementerian Kewangan dengan semua kementerian, perkara ini telah pun dibincangkan. Kita meletakkan senarai keutamaan di mana yang perlu diberikan keutamaan kita akan laksanakan terlebih dahulu. Oleh sebab itu saya telah memberi jaminan projek-projek sambungan yang telah berjalan tidak akan berlaku penangguhan dan Kementerian Kewangan telah pun bermurah hati untuk menimbaangkan supaya RM100 juta itu hanya untuk projek baharu. Projek yang sedang berjalan, projek sambungan akan tetap dibuat pembayaran.

Keduanya, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang. Perbezaannya ialah projek-projek kecil dan projek luar bandar di bawah kementerian yang berkenaan adalah projek-projek yang telah ditetapkan dan dibajetkan. Manakala projek-projek khas ini saya kata tadi projek-projek untuk membiayai keperluan mendesak kementerian ataupun agensi dan jabatan.

#### ■1800

Kadang-kadang berlaku masalah bencana, sebagai contoh, yang tidak dibajetkan ataupun masalah-masalah yang memerlukan penyelesaian segera di sesuatu kawasan. Akan tetapi, ia mestilah di dalam bentuk infrastruktur dan prasarana dan bukan untuk perbelanjaan mengurus. Inilah yang telah saya nyatakan tadi.

Dan permohonannya— saya hendak nyatakan di sini, permohonan untuk projek-projek ini boleh dibuat tertakluk ia tidak bertindih dengan projek-projek kementerian yang Yang Berhormat Tanjong Karang nyatakan tadi. Kalau projek itu telah pun disenaraikan oleh kementerian dan jabatan, maka ia pasti tidak termasuk dalam senarai ini. Akan tetapi, kalau ia di luar senarai kementerian atau jabatan dan ia merupakan satu perkara yang mendesak seperti di Parit Sulong, bukan Yang Berhormat Parit Sulong tetapi penduduk-penduduk Parit Sulong

memerlukan satu program tebatan banjir...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Minta laluan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** ...Yang serius setiap tahun, maka terpaksalah kita gunakan projek khas bagi...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih banyak di atas kelulusan tersebut RM20 *million*. Terima kasih.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Parit Sulong...

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Apabila dia sudah dapat, dia senyap.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya memprotes.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Saya bangun dahulu, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Sekejap. Saya hendak habiskan, Yang Berhormat Arau. Saya hendak habiskan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Jadi, maknanya projek-projek inilah yang di luar daripada butiran kementerian dan jabatan, kementerian akan memberikan pertimbangan. Permohonan boleh dibuat melalui kerajaan negeri. Permohonan juga boleh dibuat melalui Pejabat Pembangunan Negeri-negeri yang berkenaan dan dikemukakan.

Saya percaya ramai Ahli Yang Berhormat sedia maklum tentang butiran ini dan ramai juga yang telah pun mendapat kelulusan kerana kita mendapati ia amat mendesak dan perlu disegerakan. Terima kasih.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Minta laluan sedikit. Pertama, saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Cuma, daripada RM5 bilion yang sepatutnya— oleh kerana bajet ini ialah bajet terakhir dalam RMKe-11 dan saya fikir bahawa— saya masih lagi bersetuju dengan pandangan rakan-rakan bahawa Kementerian Kewangan memerlukan satu peruntukan lebih besar. Bandingkan RM715 juta tahun 2018 tinggal RM100 juta. Saya fikir ini satu jumlah yang sangat tidak adil dalam konteks keperluan yang mendesak yang saya rasa ada pada semua pihak. Jadi, saya fikir mungkin boleh dipertimbangkan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, sedikit Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Nanti. Saya habiskan ini dahulu. Cuma saya hendak nyatakan di sini, pengurangan dana bagi projek khas ini bukan hanya berlaku pada tahun 2019. Di bawah pentadbiran yang lama pun, mereka telah kurangkan dana peruntukan bagi projek khas. Sebagai contoh, tahun ini saya sebut RM715 juta. Tahun 2018, tahun 2017 jauh lebih rendah daripada jumlah yang sepatutnya kita dapat.

Akan tetapi, bagi saya, apabila proses itu dibuat secara telus dan terbuka, banyak penjimatan boleh kita lakukan. Dan kita berdasarkan senarai keutamaan yang akan

dikemukakan oleh negeri dan juga kawasan Parlimen untuk pertimbangan ini selain daripada peruntukan yang sudah ada di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan. Saya yakin walaupun jumlahnya agak ketat tetapi dengan proses yang telus, terbuka, kita boleh melaksanakan projek-projek bagi menjamin kemakmuran rakyat di luar bandar.

Saya hendak teruskan untuk...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri, dua kali bangkit.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Sedikit laluan.

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih. Tadi saya meneliti jawapan dengan agak cermat dan saya *complicated* sedikit sebab saya tengok jumlah keseluruhan bajet yang kita luluskan besar, tiba-tiba penjimatan berlaku daripada RM750 juta ke RM100 juta. Itu satu.

Keduanya, kita tengok semua— PUNB, kenapa dikurangkan? Ekuinas dikurangkan. Sepatutnya ini tempat-tempat yang peruntukan luar bandar sepatutnya diperbanyakkan lagi. TERAJU yang memimpin dalam agihan kek ekonomi kepada seluruh rakyat Malaysia di luar bandar ini telah dikurangkan begitu jelas sekali.

Jadi kalau Yang Berhormat Menteri kata penjimatan, kalau penjimatan tentulah bajet ia akan kurang. Tidak berlaku RM299 bilion. Jadi ini saya minta penjelasan. Kalau jimat, bagi ceritalah betul-betul.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Sedikit, Yang Berhormat Menteri. Benda hampir sama.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Walaupun jumlah belanjawan itu mencatatkan hampir RM300 bilion tetapi Yang Berhormat sedia maklum, dalam hasrat kita untuk mencapai matlamat kemakmuran bersama, sejumlah peruntukan yang lebih besar perlu diperuntukkan bagi negeri-negeri, enam negeri yang telah disenaraikan iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Kita bukan hanya tumpu kepada projek khas sahaja. Kementerian, jabatan juga memerlukan peruntukan yang *reasonable* untuk melaksanakan projek-projek di jabatan masing-masing.

Untuk negeri Sarawak, ada dua projek di bawah projek khas ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti. Pertama untuk sebuah surau di Miri yang menelan belanja sebanyak RM350,000. Kedua, Sekolah Kebangsaan Tambay, Kota Samarahan. Sekolah ini saya melawat sendiri pada awal tahun ini. Walaupun ia berhampiran dengan Bandar Raya Kuching tetapi amat daif. Saya memberikan kelulusan sebanyak RM14 juta untuk sekolah kebangsaan tersebut bagi dibangunkan semula. Ini sebagai contoh apabila keadaan itu terlalu daif dan perlukan perhatian segera, inilah dua projek yang di bawah projek khas untuk negeri Sarawak.

Manakala untuk negeri Sabah, ada 212 projek yang menelan belanja sebanyak RM47.8 juta yang telah diluluskan di bawah projek khas.

Tuan Pengerusi...

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Sedikit laluan. Laluan sedikit.

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Keningau dahulu.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Pengerusi:** Saya ingat Yang Berhormat Keningau bangun dahulu tadi. Silakanlah.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** ...Kerana penjelasan yang diberikan. Cuma, saya ingin mengemukakan sedikit permasalahan iaitu ada beberapa negeri di dalam negara kita ini yang telah dikemukakan permohonan-permohonan sekian lama. Ada daripada tahun 2000, umpamanya, isu membabitkan jalan raya tetapi sampai hari ini belum dibuat. Apakah prioriti yang akan dilaksanakan oleh pihak Yang Berhormat Menteri dalam isu-isu yang seperti ini?

Ada yang membabitkan sekolah, ada yang membabitkan jambatan yang sempit dan banyak lagi. Permohonan ini telah dikemukakan sama ada daripada pihak JKR, pihak kerajaan tempatan sekian lama. Saya hendak tanya permohonan yang lama, adakah diberi keutamaan? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Kalau izinkan saya mencadangkan supaya cadangan-cadangan daripada kerajaan negeri ini ataupun kawasan Parlimen yang berkenaan dapat dikemukakan semula kepada Pejabat Pembangunan Negeri masing-masing kerana senarai ini perlu saya bincang dengan kementerian-kementerian yang berbeza. Sebagai contoh, Kementerian Kerja Raya. Mungkin salah satu projek yang dicadangkan itu telah pun disenaraikan oleh kementerian yang berkenaan dan diberikan keutamaan untuk tahun 2020. Maka, seperti yang saya nyatakan tadi, kalau itu telah disenaraikan, maka tidak termasuklah dalam senarai projek khas.

Jadi, penyelarasannya itu, Yang Berhormat, amat penting dan saya pohon kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Seperti yang telah berlaku selama setahun ini, ada yang senyum, itu makna dia sudah dapat tetapi dia diamlah. Akan tetapi yang belum dapat, kita boleh bincang dengan Kementerian Kerja Raya, kementerian-kementerian yang berkenaan untuk pertimbangan yang selanjutnya.

Tadi saya sebut tentang Sabah dan Sarawak. Untuk Negeri Sembilan bagi tahun 2019 ini, sebanyak 26 projek dengan kos sebanyak RM16.8 juta telah diluluskan di bawah butiran projek khas. Ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rasah. Saya juga menggunakan jawapan yang sama untuk Yang Berhormat Kota Marudu. Yang Berhormat Kubang Kerian juga membangkitkan benda yang sama. Saya hendak tegaskan sekali lagi projek-projek yang

diluluskan termasuklah baik pulih balai raya, masjid, surau, rumah-rumah ibadat ataupun pembinaan dewan terbuka sekolah dan juga menaik taraf jalan dan juga lorong-lorong yang berkenaan.

Tuan Pengerusi...

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]:** *[Bangun]*

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, ada dua. Beaufort dan Yang Berhormat Keningau.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Keningau bangun dahulu. Yang Berhormat Keningau, silakan.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Yang Berhormat Keningau.

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]:** Terima kasih. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pendekatan dalam bajet ini masih lagi tidak menggambarkan strategi dan objektif untuk mengurangkan jurang pembangunan di antara wilayah?

Saya lihat daripada komen-komen dan butiran-butiran yang telah dibangkitkan bahawa ada keperluan untuk mengubah pendekatan ini supaya diberikan keutamaan kepada wilayah-wilayah yang masih mundur, masih ketinggalan dan mempunyai potensi-potensi untuk dimajukan seperti Sabah dan Sarawak.

#### ■1810

Bolehkah kementerian ini mengubah sedikit strategi supaya Projek Khas umpamanya akan diberi tumpuan kepada yang ketinggalan ini, yang mundur ini, yang mempunyai banyak potensi untuk dibangunkan. Terima kasih

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Menteri, bolehkah sekali, sama, Beaufort?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Yang Berhormat Kapit dan selepas itu Yang Berhormat Beaufort.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertariklah apa yang telah dibangkitkan atau apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Ranau tadi. Saya pun berpandangan yang sama. Kita sekarang mendengar *shared prosperity*. Jadi, saya tidak nampaklah *shared prosperity* ini ketara dalam bajet ini kalau-tadi contoh yang paling mudah, kita tengok dalam ini, RM3.2 juta sahaja untuk *Sarawak Economic Development Corporation* (SEDC) ataupun Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak berbanding dengan negeri-negeri lain. Jadi, saya minta penjelasan atau apakah jaminan daripada Yang Berhormat Menteri supaya ini lebih bermakna *shared prosperity* ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Beaufort.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Tuan Pengerusi, saya juga dalam nada yang sama. Tadi saya dengar Yang Berhormat Menteri menjawab bahawa seratus lebih projek untuk Sabah dengan kos sebanyak RM47 juta. Jadi, kalau saya tengok, saya bandingkan yang

disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tentang satu projek di Parit Sulong sahaja RM20 juta. Ini sudah jauh, sebuah negeri yang memerlukan, dibandingkan dengan sebuah Parlimen, tentunya tidak adil. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri supaya menimbangkan bagi kami daripada Sabah ini yang masih banyak keperluan lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Parit Sulong projek lamalah.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Keningau, Yang Berhormat Kapit, Yang Berhormat Beaufort. Secara prinsip dan dasarnya saya hendak tegaskan sekali lagi, komitmen Kerajaan Pakatan Harapan adalah untuk menjayakan *shared prosperity*. Di mana kekayaan negara ini bukan hanya berlegar di kalangan satu, dua tokoh tetapi mesti dikongsi dengan semua wilayah, daerah dan kawasan luar bandar. Ini prinsip yang kita pegang.

Akan tetapi Yang Berhormat juga sedia maklum, kekangan kewangan akibat pentadbiran kerajaan yang lama menyebabkan hutang negara hari ini telah mencecah lebih RM1 trilion. Saya tidak mahu berbahas tentang hutang negara dalam forum ini. Ini kerana sebagai kerajaan yang baharu diberikan mandat, mahu tidak mahu, kita mewarisi satu hutang dan kita perlu uruskan hutang tersebut.

Akan tetapi pada masa yang sama, bagaimana kita boleh *balance* kan, kita seimbangkan di antara masalah hutang dan juga masalah pertumbuhan, ini penting. Kita tidak boleh hentikan semua projek. Oleh sebab itu Yang Berhormat, sebaik sahaja Kerajaan Pakatan Harapan diberikan mandat, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Pekeliling untuk menyemak semua projek-projek yang diluluskan sebelum itu. Ini kerana kita mahu memastikan proses itu mestilah telus, terbuka dan tidak ada sebarang salah guna kuasa dalam perolehan.

*Alhamdulillah*, setelah proses itu berjalan untuk beberapa tempoh, kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan projek-projek berkenaan untuk menjamin satu pertumbuhan yang *sustainable* bagi meningkatkan produktiviti dan mendatangkan hasil kepada negara untuk membayar hutang yang terpaksa kita tanggung. Jadi saya harap, Yang Berhormat dapat memahami keperluan sekarang untuk mengimbangi di antara kedudukan fiskal dengan keperluan untuk pembangunan, itu yang pertama.

Keduanya, *shared prosperity* ini akan bermula hanya pada tahun 2021 hingga tahun 2030. Akan tetapi atas pertimbangan Jemaah Menteri, kita setuju supaya semangat KWB itu bermula dalam Belanjawan 2020. Inilah yang telah diambil kira oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memastikan sejumlah peruntukan dapat terus dikekalkan bagi pembangunan luar bandar untuk projek-projek dan skim bumiputera dan juga golongan-golongan yang memerlukan bantuan.

Jadi, saya harap untuk tahun 2020, kita berbelanja secara berhemah. Apabila keadaan lebih baik, dengan keadaan ekonomi semakin pulih, saya percaya mulai tahun 2021, hasrat WKB itu lebih terserlah dalam belanjawan berikutnya. Tuan Pengurus, saya hendak teruskan tentang peruntukan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri. Di mana untuk makluman

Ahli-ahli Yang Berhormat, pengagihan peruntukan bagi tahun 2020 bagi setiap Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri adalah tidak sama berdasarkan kepada beberapa faktor.

Antaranya berdasarkan permohonan setiap projek adalah berbeza dengan kos yang berbeza setiap projek dan negeri. Selain itu, status projek juga berbeza di mana terdapat projek dalam pelaksanaan, projek yang belum dimulakan dan memerlukan aliran tunai yang rendah pada tahun pertama sebenarnya juga mempengaruhi aliran tunai setiap Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri. Sebagai contoh, Negeri Sembilan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Rasah, sebarang kelulusan projek pembangunan adalah bergantung kepada *viability* projek, keutamaan projek dan ketersediaan projek untuk dilaksanakan.

Dalam hubungan ini, walaupun tidak ada sebarang projek DE diluluskan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sembilan, kerajaan masih boleh menimbulangkan projek pada tahun 2020 sekiranya ada permohonan daripada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Bagi Perak, tiada dalam senarai yang mendapat peruntukan di bawah MEA kerana Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak tidak mengemukakan permohonan. Ini sebagai *respond* kepada Yang Berhormat Taiping.

Namun, peruntukan di negeri Perak perlu juga dilihat di bawah kementerian-kementerian lain supaya ia tidak bertindih dengan peruntukan yang akan disediakan oleh MEA. Negeri Perak telah pun diperuntukkan sebanyak RM2.32 bilion, melibatkan semua kementerian untuk membawa pembangunan ke negeri Perak. Bagi negeri Sabah, telah diperuntukkan sebanyak RM10.7 juta dalam bajet tahun 2020 bagi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sabah melaksanakan empat projek pembangunan dan satu projek yang merangkumi:

- (i) Taman Industri Kecil dan Sederhana (SEDCO) di Sepanggar,
- (ii) Bazar Masjid di Tawau, Arked Perniagaan di Sandakan;
- (iii) Premis Perniagaan Kampung Paris di Kinabatangan; dan
- (iv) Program Tunas Niaga.

Kesemuanya berjumlah sebanyak RM10.6 juta. Secara keseluruhannya, bagi Rancangan Malaysia Ke-11, sejumlah RM58.77 juta diperuntukkan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sabah melibatkan enam projek pembangunan dan satu projek keusahawanan. Projek-projek terlibat akan menyediakan sejumlah 239 unit lot perniagaan bagi kemudahan usahawan tempatan, sekali gus membantu menggalakkan peningkatan ekonomi dan taraf hidup.

Saya juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Keningau supaya kaedah dapat disemak dan diberikan perhatian kepada negeri-negeri yang berkaitan, khususnya daerah-daerah pedalaman untuk mendapatkan sejumlah peruntukan yang munasabah bagi membangunkan kawasan yang berkenaan. Bagi perincian peruntukan yang telah diagihkan kepada PKEN Sarawak, terdapat tiga projek pembangunan, ini sebagai *respond* kepada Yang Berhormat Sibuti yang telah diluluskan. Pertama, premis perniagaan Marudi yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2.2 juta. Program Tunas Niaga dengan peruntukan sebanyak RM0.5 juta dan Program Pembangunan Usahawan dengan peruntukan sebanyak RM0.5 juta. Yang

Berhormat Kemaman, Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Jerantut dan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam sesi petang telah membangkitkan isu FELDA, FELCRA dan RISDA.

■ 1820

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Yang Berhormat Menteri, sebelum pergi jauh, terima kasihlah atas tiga buah projek untuk Sarawak itu tadi. Saya hendak bertanya, adakah hanya tiga buah projek itu sahaja dimohon oleh Badan Kemajuan Ekonomi Sarawak atau banyak lagi tetapi tidak diluluskan pada kali ini. Oleh sebab RM3.2 juta itu terlalu kecil kalau kita ambil kira Yang Berhormat Menteri. Saya faham *shared prosperity* ini, tetapi kita tidak menafikan bahawa daripada minyak dan gas kita memang negeri-negeri lain ini dapat juga daripada apa yang kami keluarkan daripada Sarawak. *It is a principle* Yang Berhormat Menteri.

Saya faham kita harus berkongsi, tetapi janganlah Sarawak hanya diberikan RM3 juta, kalau boleh ditambahkan lagi terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri, sebelum Yang Berhormat Menteri masuk tajuk lain. Yang Berhormat Menteri, tadi saya dengar Yang Berhormat Menteri bagi tahu tentang kelulusan kepada Negeri Sembilan lebih kurang *plus minus* RM16 juta. Saya tidak tahu, sama ada Masjid Jamek kawasan Parlimen Jelebu termasuk di dalam *allocation* itu. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri terima kasih, di dalam Dewan ini saya terjemah ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana peruntukan itu sudah diluluskan sebanyak RM5 juta tetapi peruntukan untuk bina masjid itu tidak cukup kerana peruntukan untuk membina masjid itu RM7.5 juta seperti di kawasan Jempol. Jadi, projek itu tergantung sekarang, saya hendak minta bantuan dan sokongan Yang Berhormat Menteri supaya lihat semula peruntukan di Jelebu ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Sekiranya Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan tambahan dan kementerian akan meneliti cadangan yang berkenaan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri sedikit, sebelum Yang Berhormat Menteri tukar ke tajuk lain. Ini cuma untuk direkodkan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri punya jawapan *almost perfect* di antara yang kira hebat. Akan tetapi - dan saya ucapan terima kasih di atas peruntukan yang telah diberi termasuk Parit Sulong dan lain-lain juga.

Akan tetapi, bila Yang Berhormat Menteri cakap berbanding kerajaan lama berhubung dengan hutang, Yang Berhormat Menteri hutang yang kita bayar *interest* hanya RM30 bilion tetapi semua peruntukan telah bertambah dengan hebatnya. Jadi, hendak menyebut bahawa kekangan kewangan menyebabkan kita kurang peruntukan itu saya tidak setuju tetapi saya minta dipertimbangkan semula termasuk penyusunan semula masyarakat. Dahulu tahun sudah kita bagi - tahun 2019 kita bagi RM300 juta, tetapi tahun depan, kita hanya bagi RM50 juta. Itu yang *is a matter of concern*, dengan izin.

Demikian juga projek khas ini tidak wajar dikurangkan dengan begitu teruk tetapi dipertimbangkan semula dalam bentuk apa yang dibagi pada tahun lepas. Jadi, itu sahaja untuk tujuan rekod Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya hanya tumpu kepada bidang tugas kementerian saya sahaja. Saya yakin sahabat saya Yang Berhormat Menteri Kewangan mendengar dengan tekun keluhan Ahli-ahli Yang Berhormat dan beliau merupakan seorang Menteri Kewangan yang amat peduli rakyat dan akan memberikan perhatian yang sewajarnya.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Yang Berhormat Menteri, kalau peduli rakyat, saya yakin, *I belief you* yang lebih peduli rakyat sebab tadi saya mendengar apabila Yang Berhormat Menteri melawat Kota Samarahan dan tengok sekolah daif, serta-merta diluluskan RM14 juta. Itulah Menteri yang peduli rakyat. Kalau begini agihan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, tidak berapa tidak peduli rakyat, *you* lebih peduli rakyat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sokong, sokong Yang Berhormat Kapit.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Yang Berhormat Kapit, kami bekerja sebagai satu pasukan. *[Tepuk]*

Yang Berhormat Kemaman, Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Jerantut dan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat di sesi petang telah banyak membahaskan tentang FELDA. Saya hendak jelaskan pada petang ini bahawa Projek Menaik Taraf Jalan FELDA dan Projek Sistem Bekalan Air di bawah Butiran 16200 dan 16300 telah bermula dari tahun 2016 dan peruntukan keseluruhan bagi Projek Jalan adalah sebanyak RM1 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 dan RM500 juta bagi Sistem Bekalan Air FELDA.

Peruntukan ini diteruskan bagi tahun 2020 iaitu Projek Jalan FELDA berjumlah RM70 juta dan Sistem Bekalan Air FELDA dianggarkan RM100 juta. Peruntukan yang berbeza pada setiap tahun adalah kerana ia berdasarkan keperluan yang berbeza pada setiap tahun semasa. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, FELDA mempunyai jarak keseluruhan jalan sejauh 3,273.44 kilometer. Sehingga tahun 2019, penyaluran yang diterima dapat melibatkan 1,552.37 kilometer dan dengan peruntukan RM70 juta bagi tahun 2020 dianggarkan 300 kilometer jalan akan diturap di dalam 34 Rancangan FELDA.

Bagi projek bekalan air, sejumlah 78 pakej telah dirancang. Sehingga kini 69 pakej telah ditender, 40 pakej telah siap, 29 pakej masih dalam pembinaan dan sembilan lagi pakej akan ditender. Sebanyak 10 pakej sebenarnya telah pun dirancang di negeri Terengganu dan kesemua pakej ini telah pun berjaya disiapkan dan telah diserahkan kepada Syarikat Air Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Kemaman ada bertanya, apakah mekanisme untuk menangani masalah bekalan air terputus di kawasan FELDA? Projek Sistem Bekalan Air Felda adalah berdasarkan keperluan oleh syarikat atau pihak berkuasa air negeri dan setelah siap projek-projek ini ia akan

disedarkan kepada syarikat atau pihak berkuasa air negeri seperti yang saya nyatakan. Untuk negeri Terengganu, kita telah serahkan 10 pakej ini kepada Syarikat Air Terengganu dan mekanisme mengatasi gangguan bekalan air terputus adalah tertakluk kepada SOP pihak berkuasa negeri ataupun syarikat air negeri yang berkenaan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sedikit Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi. Berkaitan projek Sistem Bekalan Air Felda ini, Yang Berhormat Menteri saya hendak merujuk kepada Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air Bukit Sagu yang bermula pada tahun 2015, sepatutnya siap pada tahun 2016 dengan kos RM7.1 juta. Akan tetapi, sehingga hari ini Yang Berhormat Menteri, projek tersebut gagal di bawah pentadbiran FELDA, sebelum disedarkan kepada PAIP Negeri Pahang. Itu yang pertama.

Yang kedua, di FELDA Lepar Hilir 3, projek penukaran paip sudah selesai Yang Berhormat Menteri, akan tetapi air di peringkat di FELDA di kawasan peringkat yang kedua itu air tidak dapat naik kerana struktur paip yang digunakan itu tidak sesuai dan saya minta komitmen Yang Berhormat Menteri mungkin boleh menjawab secara bertulis.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Oleh sebab ini perkara spesifik yang baru dibangkitkan, pegawai-pegawai saya bersedia untuk memberikan maklum balas terperinci kepada Yang Berhormat secara bertulis. Yang Berhormat Kemaman, ingin mohon penjelasan tentang platform terbaik untuk mengatasi masalah kewangan peneroka yang semakin meruncing. Perkara ini telah banyak kali dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini dan Kerajaan telah mengambil komitmen untuk membentangkan Kertas Putih. Sejumlah lebih RM6.3 bilion telah pun diluluskan dan semuanya telah dimasukkan dalam belanjawan tahun 2020.

Peruntukan ini merangkumi projek pembangunan peneroka bagi mendapatkan hasil baharu sebanyak RM250 juta, penghapusan faedah hutang kebun peneroka sebanyak RM300 juta dan Perumahan Generasi Baru FELDA sebanyak RM70 juta. Kesemuanya adalah daripada inisiatif kertas putih FELDA. Ini untuk tahun 2020 berdasarkan Butiran 16500 – Program Kelestarian FELDA.

Bagi Projek Pembangunan Peneroka (PPP), program ini bermatlamat meningkatkan pendapatan warga FELDA melalui aktiviti pertanian dan penternakan menggunakan teknologi moden *smart farming* dan *precision agriculture*. Bagi penghapusan faedah hutang, selaras janji kerajaan membiayai, sebahagian tanggungan perlu dibayar oleh peneroka. Penyaluran peruntukan sebanyak RM300 juta bagi tahun 2020 adalah sama seperti tahun 2019. Maknanya, tahun ini, Kerajaan Pakatan Harapan telah pun melaksanakan janjinya iaitu menghapuskan faedah hutang sebanyak RM300 juta bagi peneroka-peneroka FELDA. Dan untuk tahun 2020, sebanyak RM300 juta lagi telah pun diperuntukkan untuk menghapuskan faedah hutang di kalangan warga FELDA.

Bagi Perumahan Generasi Baru FELDA, peruntukan RM70 juta ini adalah baki daripada keseluruhan peruntukan RM250 juta untuk menyiapkan 20 projek dengan tahap kemajuan kerja

70 peratus ke atas. Saya pohon keizinan Tuan Pengerusi untuk memberikan perincian kemajuan Projek Perumahan Generasi Baru FELDA bagi tahun 2019, iaitu projek yang telah mencapai 70 peratus tahap kemajuan ke atas.

■1830

Kita kenal pasti terdapat 4,794 unit di 20 tapak, kemajuannya ialah 100 peratus telah pun siap sebanyak 1,698 unit di sembilan tapak. Kita telah menyerahkan kunci kepada 1,070 unit dan baki 628 unit akan diserahkan secara berperingkat mulai Januari 2020. Manakala terdapat 3,096 unit di 11 tapak dalam pembinaan di mana pada bulan Disember tahun 2019 sebanyak 660 unit akan disiapkan dan diserahkan, manakala baki 2,436 unit akan siap secara berperingkat pada tahun 2020. Ini membuktikan bahawa peruntukan RM250 juta untuk menyiapkan projek perumahan generasi baru FELDA ini berjalan dengan baik. *Insy-a-Allah* pada tahun hadapan dengan peruntukan RM70 juta lagi, kita dapat menyiapkan kesemua 4,794 unit perumahan generasi baru FELDA seperti yang dijanjikan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bera.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tahniah kepada Yang Berhormat kerana banyak unit perumahan generasi kedua FELDA telah pun disiapkan dan dijual. Soalannya dari segi pembeli tersebut. Isu generasi kedua FELDA yang masih tinggal di FELDA, mereka agak sukar untuk membeli perumahan mereka ini, perumahan generasi kedua FELDA ini kerana masalah mereka bekerja sendiri misalnya, tidak ada *pay slip* gaji yang menyebabkan bank tidak meluluskan pinjaman mereka.

Jadi, saya berharap Yang Berhormat kena cek pembeli-pembeli ini, sesetengahnya adalah spekulator. Betul anak-anak generasi kedua FELDA tetapi mereka tidak tinggal di perumahan tersebut, sebaliknya mereka menyewakan rumah tersebut. Mungkin mereka menjadi golongan profesional yang tinggal di Kuala Lumpur dan sebagainya, mereka beli dan sewakan. Ini tidak menyelesaikan isu asas tentang kenapa kita sediakan perumahan generasi kedua untuk anak-anak peneroka ini.

Ini kerana isu sebenarnya adalah anak peneroka sekarang ini tidak mampu untuk membeli rumah, tinggal di rumah ibu bapa mereka dan mereka akan terus tinggal di rumah ibu bapa mereka kerana masalah yang saya sebutkan tadi. Akhirnya, rumah yang dibina dimiliki oleh anak-anak peneroka yang berjaya dan akhirnya menyewakan rumah tersebut. Jadi, tujuan asal kita tidak berjaya.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Sedikit, sedikit, saya ada pandangan sedikit. Bolehkah pihak kerajaan mempertimbangkan slip gaji atau slip pendapatan peneroka menjadi jaminan kepada anak peneroka untuk mendapatkan pinjaman? Sebab anak peneroka tidak ada *pay slip* gaji tetapi bapa dia, ayah dia sebagai peneroka ada slip gaji ataupun slip pendapatan tetapi sebagai jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh anak bagi menyelesaikan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bera. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Tuan Pengerusi, satu sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Bersesuaian dengan tajuk Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi tentang perumahan generasi kedua. Contoh di kawasan saya, saya ada dua projek perumahan generasi kedua yang terbengkalai. Sudah 40 peratus siap, contoh di Taman Pasak Indah sudah 40 peratus siap. Contoh lagi rumah generasi kedua di FELDA Aping Timur sudah 60 peratus siap. Jadi agaknya macam mana Yang Berhormat Menteri boleh bantu? Ini adalah merupakan anak-anak generasi kedua yang memang duduk di tanah rancangan tersebut. Jadi, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh membantu saya untuk menyelesaikan projek terbengkalai yang ada ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Kubang Kerian dan Yang Berhormat Bera.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Yang Berhormat Jelebu, saya ada respons selepas ini. Pada ketika ini, kerajaan mempunyai skim di mana bagi peneroka yang tidak mampu membuat pinjaman, FELDA menawarkan kaedah pemilikan rumah-rumah generasi baru FELDA ini secara sewa beli. Di mana kaedah ini kita tawarkan dalam tempoh lima tahun dan pada tahun yang keenam, mereka perlu mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan.

Saya difahamkan skim ini nampak mendapat sambutan yang baik di kalangan generasi baru FELDA dan kita akan lihat keberkesanan skim ini sebelum kita membuat semakan seterusnya. Untuk makluman, skim pemberian secara lot FELDA kita telah tangguhkan melalui keputusan Mesyuarat Lembaga, Bilangan 382, bertarikh 13 September 2018 kerana FELDA tidak mampu menanggung kos infrastruktur pada ketika itu.

Untuk Yang Berhormat Kota Tinggi, saya kira ini sekali lagi secara spesifik. Saya telah menyatakan tadi prinsip kita ialah kalau tahap kemajuan pada ketika projek itu tertangguh 70 peratus ke atas boleh kita pertimbangkan. Apabila tahapnya kurang daripada 70 peratus, kita akan tunggu selesai dahulu 4,794 unit ini disiapkan dan sekiranya kedudukan kewangan FELDA membolehkan kita meneruskan projek-projek yang terbengkalai mungkin di antara 50 ke 69 peratus, maka perkara ini boleh kita bincang dan teliti pada masa yang akan datang.

Ini ada kaitan dengan jawapan yang saya hendak berikan kepada Yang Berhormat Jelebu, di mana 32 unit rumah di Pasoh 1 ini akan diisi pada pertengahan Disember 2019 setelah semua peserta melalui proses tapisan dan undian. Saya harap, saya hendak nyatakan dalam Dewan yang mulia ini pengurusan FELDA mesti menunaikan tanggungjawab untuk menyerahkan unit-unit ini kepada 32 generasi baru FELDA selewat-lewatnya Disember 2019.

Manakala dua pertiga lagi daripada projek di Pasoh ini sebanyak 220 unit tidak termasuk dalam senarai untuk disiapkan kerana kemajuan pembinaan kurang daripada 70 peratus. Ia akan diteruskan seperti yang saya terangkan kepada Yang Berhormat Kota Tinggi, sekiranya kita

selesai membina dan menyiapkan 4,794 unit ini dan kedudukan kewangan FELDA semakin stabil, kita akan teruskan untuk tahap fasa yang kedua untuk projek perumahan generasi baru FELDA.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat, boleh dua perkara ini Yang Berhormat? Pertama, saya mengucapkan terima kasih Yang Berhormat kalau 20 Disember 2019, kita boleh mengisi 32 unit ini, saya hendak mengucapkan terima kasih supaya ia menjadi satu kenyataan.

Kedua Yang Berhormat, fasal rumah Pasoh 2, Pasoh 3 ini, saya tidak tahu yang mana betul Yang Berhormat. Kalau mengikut pengurusan FELDA di Pasoh 2 dan Pasoh 3 ini, projek rumah generasi kedua ini sudah melebihi tahap 70 peratus Yang Berhormat. Saya sudah cek dua, tiga kali. Saya tidak tahu yang mana satu betul. Jadi kalau boleh pihak kementerian cuba tengok balik projek ini supaya dapat kita *identify* berapa peratus sebenarnya di peringkat akhir.

Kedua Yang Berhormat, rumah FELDA ini sudah cantik. Di Pasoh 1, saya tengok komuniti sudah cantik, generasi kedua sudah elok, terima tetapi satu yang akan menjadi *timebomb* ini Yang Berhormat yakni sampah. Sampah, FELDA masih lagi menggunakan *typical exercise* iaitu kontraktor FELDA yang kadang-kadang ambil dan dia campak dalam kawasan FELDA. Saya pernah mencadangkan supaya sampah ini kalau boleh dibuat satu pengurusan sampah yang betul supaya komuniti atau taman itu menjadi satu taman yang diuruskan dengan baik. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat Menteri, sambung. Sedikit sahaja Yang Berhormat. Saya hendak bertanya tentang penjualan lot yang ditangguhkan. Adakah kerana tidak menguntungkan FELDA sebab jual rumah mungkin lebih besar keuntungannya? Jadi saya berharap jadikan ini sebagai CSR FELDA. Saya mohon betul-betul Yang Berhormat kalau boleh tahap penangguhan itu jangan terlalu lama dan kalau boleh kita teruskanlah penjualan lot.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Bera dan Yang Berhormat Jelebu, saya berharap pengurusan baru FELDA ini dapat meneliti pandangan daripada Yang Berhormat Bera dan Yang Berhormat Jelebu. Pertama soal pengurusan sampah, harus ditambah baik dan yang keduanya, soal untuk meneruskan semula penjualan lot ini dan ia perlu dibincangkan dalam mesyuarat lembaga pengarah.

Cuma yang saya hendak sebut tadi soal Pasoh 2 dan Pasoh 3 ini, saya sebut dalam Dewan ini, saya akan minta FELDA buat secara bertulis kerana maklumat awal yang saya terima Pasoh 2 dan Pasoh 3 ini tahap kemajuannya kurang daripada 70 peratus tetapi Yang Berhormat Jelebu mendapat maklumat telah pun melepassi 70 peratus.

Jadi saya akan minta FELDA kemukakan kepada saya secara bertulis apakah tahap kemajuan sebenarnya di Pasoh 2 dan Pasoh 3 dan saya akan serahkan kepada Yang Berhormat Jelebu dan kita akan bincang bagaimana penyelesaian untuk menyiapkan 222 unit rumah yang berkenaan.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Tuan Pengerusi, saya berharap itu pun terpakai kepada dua rumah generasi kedua yang terbengkalai itu. Pihak FELDA sila semak mungkin sudah 70 peratus agaknya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1840

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Kita akan semak. Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Yang Berhormat Bera juga ada mencadangkan supaya tangguh bayaran ataupun potongan hutang peneroka sehingga pendapatan stabil. Saya percaya Yang Berhormat sedia maklum bahawa dasar pendapatan minimum peneroka telah pun diperkenalkan oleh FELDA semenjak tahun 1988 iaitu pada ketika itu sebanyak RM350. Kemudian dinaikkan kepada RM600 pada tahun 2000 dan kemudian dinaikkan lagi kepada RM1,000 pada tahun 2009. Di bawah dasar ini, sekiranya pendapatan kasar peneroka kurang dari RM1,000 sebulan setelah ditolak kos operasi kebun, maka potongan bayaran kembali atau BK akan ditangguhkan.

Walau bagaimanapun, potongan hutang persendirian seperti hutang kedai, pembesaran rumah peneroka akan diteruskan seperti biasa. Sekiranya FELDA menangguhkan semua potongan hutang tersebut, kesannya ialah pertama hutang peneroka semakin bertambah apabila kos operasi semasa setiap bulan tidak dipotong. Selain itu pembayaran kepada kontraktor yang melaksanakan kerja ladang juga akan terjejas. Jadi kita hendak jaga peneroka, kita juga hendak jaga hak kontraktor yang menjalankan kerja-kerja ladang. Yang kedua hutang peneroka FELDA tidak dapat dikutip dan menjelaskan aliran tunai FELDA.

Jadi, saya masih ingat Yang Berhormat Bera dalam sesi yang lalu ada mencadangkan untuk dinaikkan kepada RM1,500 tetapi garis panduan ini masih diterima pakai iaitu RM1,000 setelah pemotongan kos yang saya nyatakan tadi iaitu kos operasi kebun dan saya berharap suasana ini akan bertambah baik dan tidak membebankan peneroka-peneroka FELDA.

Yang Berhormat Bera juga ada bertanyakan tentang status PPP. FELDA telah pun mengkaji serta mengenal pasti beberapa jenis aktiviti tanaman dan ternakan sampingan yang kini digiatkan secara jayanya oleh warga peneroka serta cadangan projek-projek baru. Antaranya ialah projek nanas, pisang, roselle, arnab, lembu dan ayam pedaging. Sesi libat urus telah pun dijalankan di 11 wilayah FELDA dan kini program di peringkat perancangan akhir untuk pelaksanaan.

Berhubung tentang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelebu iaitu projek di Bukit Rokan yang dinyatakan itu adalah projek rintis Bukit Rokan di Gemencheh, Negeri Sembilan yang melibatkan tanah FELDA seluas 77 ekar. Yang itu, itu tanah FELDA. Akan tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat Jelebu, rundingan memang masih berjalan dengan 171 peneroka di Bukit Rokan yang melibatkan 1,368 ekar tanah dan ini memang masih dirundingkan.

Apakah tempoh pajakan yang bersesuaian untuk menggabungkan tanah-tanah peneroka ini menjadi skala yang lebih besar seperti yang dicadangkan oleh kerajaan. Ini adalah cadangan daripada FELDA dan juga kerajaan untuk melihat konsep baru pengurusan ladang-

ladang ini kerana kalau ianya kekal dalam skala yang kecil, tidak mungkin kita dapat meningkatkan produktiviti dan hasil bagi peneroka FELDA.

Akan tetapi ini tertakluk kepada persetujuan peneroka-peneroka FELDA dan rundingan masih berjalan tetapi sebagai projek rintis, kita akan memulakan di tanah FELDA seluas 77 ekar di Bukit Rokan. Sekiranya projek ini berjaya dan kita dapat meyakinkan peneroka-peneroka dan saya percaya matlamat ini dapat dicapai pada masa yang akan datang. Yang Berhormat Jempol dan juga Yang Berhormat Jerantut ada menyinggung saya tentang belanjawan 2020 bagi FELDA yang dicatatkan RM810 juta. Akan tetapi dalam butiran jumlah yang dicatatkan hanya RM790 juta sahaja. Di mana RM20 juta lagi? Cara soalan itu nampak macam menyinggung saya tetapi RM20 juta itu, *to be exact* untuk RM20,068,800 berada di Butiran 00121, Infrastruktur Luar Bandar. Jadi, saya harap Yang Berhormat boleh merujuk kepada butiran yang berkenaan.

Persoalan seterusnya oleh Yang Berhormat Jempol ialah bagaimana peruntukan RM250 juta diumumkan, Kertas Putih dibelanjakan. Saya telah nyatakan tadi bagaimana kemajuan perumahan generasi baharu FELDA ini yang telah saya berikan perincian tentang tahap kemajuan dan bagaimakah status keseluruhan projek perumahan generasi baru FELDA juga telah saya memperincikan sebentar tadi.

Yang Berhormat Jempol ingin bertanya tentang PPP. Ini juga saya telah nyatakan seperti jawapan kepada Yang Berhormat Bera. Yang Berhormat Kota Marudu dan juga Yang Berhormat Beaufort tentang mengapakah peruntukan Butiran 00121 ini, Infrastruktur Luar Bandar ini berkurangan. Ini ada kaitan dengan Yang Berhormat Jerantut tadi yang RM20 juta diletak di bawah Butiran 00121...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat sudah habis FELDA kah?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Ya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sudah habis FELDA kah?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Selesai.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Ada lagi FELDA?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Tidak ada.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Boleh sebelum itu. Yang Berhormat. Kalau kita lihat dari segi harga sawit ini, nampaknya masih kekal rendah dan peluang untuk naik itu nampaknya mungkin agak tipis kerana ancaman-ancaman seperti boikot daripada industri sawit India, EU dan sebagainya masih belum diselesaikan. Jadi, Yang Berhormat Menteri Industri Utama mencadangkan supaya sawit digantikan dengan buluh. Jadi, adakah pihak kementerian melihat cadangan itu cadangan yang baik untuk kita tingkatkan pendapatan peneroka apabila kita gantikan dengan buluh dan sebagainya? Adakah– sejauh mana perbincangan Yang Berhormat dengan Yang Berhormat Menteri Industri Utama ini dari segi menukar sawit kepada buluh ini.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Yang Berhormat Bera, kita tengah bincangkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini di mana kerajaan ingin mencadangkan kepada peneroka-

peneroka FELDA, peserta-peserta FELCRA supaya jangan terlalu bergantung kepada industri getah dan juga kelapa sawit semata-mata kerana harga-harga komoditi ini di luar kawalan kita. Yang Berhormat Bera sendiri nyatakan sebentar tadi bagaimana berlakunya kempen secara besar-besaran untuk menidakkannya pasaran sawit dan juga getah daripada negara Malaysia. Mungkin ada kepentingan-kepentingan geopolitik yang sedang berlaku tetapi ini adalah di luar kawalan kerajaan. Sebab itulah kerajaan ingin mencadangkan kepada peserta dan peneroka FELDA dan FELCRA untuk melihat semula sistem perladangan yang lebih efektif yang boleh meningkatkan produktiviti dan juga hasil bagi peneroka-peneroka ini.

Sebagai contoh yang kita cadangkan, ketika berlakunya program tanam semula, jangan ditanam keseluruhannya dengan getah ataupun kelapa sawit. Akan tetapi sebahagian daripada keluasan ladang itu haruslah ditanam dengan tanaman-tanaman kontan yang dapat memberikan hasil dan pulangan yang lebih baik kepada petani, peneroka dan peserta FELDA dan FELCRA.

Keduanya, kita juga mencadangkan supaya digabungkan keluasan tanah-tanah yang kecil ini menjadi ladang-ladang yang boleh diuruskan secara profesional. Ramai anak-anak muda di kalangan generasi baru FELDA yang telah mendapat pendidikan yang baik, pendedahan yang baik, dengan teknologi yang terkini boleh membawa teknologi ini balik ke rancangan masing-masing dan diperkenalkan tentang pengurusan ladang yang lebih efektif.

Saya percaya dengan pengenalan sistem perladangan yang baru ini, sekiranya berlaku harga komoditi merudum pun, pekebun ataupun peserta dan peneroka FELDA tidak perlu bergantung kepada harga komoditi tersebut tetapi masih ada lagi hasil daripada tanaman-tanaman sampingan ini. Yang Berhormat Bera pernah duduk di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Yang Berhormat sedia maklum bagaimana import makanan dalam negara yang begitu besar yang telah melebihi RM50 bilion dan sebahagian besar daripada import makanan ini sebenarnya boleh ditanam di dalam negara kita di tanah-tanah rancangan FELDA dan juga RISDA.

Sebagai contoh, cili, kubis, halia dan sebagainya, nanas. Mengapa tidak peneroka-peneroka ini dibantu dan diberikan peluang dengan penggunaan teknologi-teknologi baharu supaya mereka juga dapat terlibat secara langsung dalam industri moden ini dan dapat meningkatkan hasil mereka.

#### ■1850

Saya percaya kalau kita dapat menjayakan hasrat ini, generasi baharu FELDA yang telah meninggalkan rancangan FELDA akan kembali ke rancangan masing-masing kerana mereka lebih senang menggunakan teknologi-teknologi ini daripada ibu dan ayah mereka yang mungkin telah lanjut usia mereka.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Yang Berhormat Paya Besar.

**Dato' Hj Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Sikit, sikit sahaja.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Dia bagi saya lah.

**Dato' Hj Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Sekejap, sikit sahaja. Saya nak betulkan Yang Berhormat Menteri sebab saya tidak berniat untuk sinis kepada Yang Berhormat Menteri. Sebab saya tengok dalam Belanjawan 2020, RM810 juta dan dipecahkan kepada Butiran 00121 – Infrastruktur Luar Bandar, saya ingat dia dah terpisah daripada FELDA. Jadi, kalau Yang Berhormat Menteri terasa, saya tidak berniat begitu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Pertamanya Yang Berhormat Jerantut, saya akan jelaskan apakah komponen RM20 juta itu. Dia ada kaitan dengan FELDA, dia bukanlah satu butiran yang berasingan yang tidak ada kaitan dengan masa depan FELDA. Cuma saya beri sekejap kepada Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengurus. Saya ada beberapa perkara, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri sebut tadi berkaitan percantuman ladang-ladang supaya diusahakan dalam skala yang besar. Saya nak tanya, siapa atau syarikat mana yang akan menjadi pemajak kepada ladang-ladang tersebut. Itu yang pertama.

Kedua, Yang Berhormat Menteri sebut tadi anak-anak muda akan kembali balik ke FELDA. Akan tetapi apakah status FELDA 2.0 yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional tempoh hari? Itu yang kedua.

Ketiganya, saya nak tahu mengenai peruntukan yang telah diumumkan RM1 bilion untuk PPP iaitu Program Pembangunan Peneroka dan berapa banyak daripada RM1 bilion itu telah diguna pakai untuk tujuan tersebut? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. RM1 bilion untuk tempoh empat tahun dan setiap tahun ialah RM250 juta. Sebab itu saya nyatakan di awal tadi, RM250 juta untuk Program Pembangunan Peneroka ini sedang berjalan ataupun kita sedang memperhalusi kaedah yang terbaik seperti Yang Berhormat Paya Besar tanya...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, boleh tak saya nak tahu RM250 juta itu dah berapa banyak dah pakai sebab FELDA di Paya Besar belum dapat lagi.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Ini FELDA keseluruhan negara, saya tidak merujuk kepada Paya Besar sahaja tetapi saya percaya peruntukan yang telah bermula pada tahun ini akan disalurkan kepada kawasan-kawasan yang terlibat dalam PPP ini. Cuma untuk maksud tersebut yang saya nyatakan tadi, kita perlukan sokongan dan kerjasama daripada peneroka-peneroka FELDA untuk bersetuju dengan cadangan ini kerana sekiranya mereka masih kekal dengan cara yang ada sekarang, kita bimbang ianya tidak dapat meningkatkan hasil dan produktiviti mereka.

Keduanya, apabila digabungkan, FELDA masih lagi melihat tentang mendapat persetujuan daripada peneroka dahulu. Saya nak beri contoh seperti di Bukit Rokan tadi. Rundingan telah berjalan tetapi ianya tidak mudah kerana untuk mendapatkan 100 peratus persetujuan daripada 171 peneroka FELDA, ianya mengambil masa. Sebab itulah saya masih

mengharapkan kerjasama daripada peneroka-peneroka FELDA tentang memahami hasrat kerajaan pada hari ini.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Berkaitan, pasal kes FELDA Rokan. Yang Berhormat Menteri, cadangan dan kaedah ini baik kalau kita ikut kaedah yang sebenarnya. Yang Berhormat Menteri tengok ya, pada 7 November 2019, ada perjumpaan FELDA dan juga NGO-NGO dalam satu sesi silaturahim NGO FELDA dan juga pentadbiran FELDA. Dalam perjumpaan itu Yang Berhormat Menteri, FELDA bagi penekanan bahawa 77 ekar itu dia buat kemudian, dia nak buat di tanah milik peneroka dahulu. Ini yang peneroka bangkit untuk menentang, Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi makluman daripada Yang Berhormat Menteri tadi lain. Jadi saya khuatir dasar Yang Berhormat Menteri buat baik tetapi *implementation* di peringkat FELDA, dia jadi terbalik. Jadi, saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Saya ingin ulangi bahawa FELDA akan memulakan projek perintis ini di tanah FELDA dengan keluasan 77 ekar. Pada masa yang sama, rundingan dengan 171 orang peneroka akan kita teruskan sehingga mendapat persetujuan mereka.

Berhubung dengan peruntukan RM20 juta itu, mengapa ianya telah berkurangan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Untuk makluman Yang Berhormat Beaufort dan juga Yang Berhormat Kota Marudu, peruntukan ini sebenarnya adalah untuk FELDA sahaja. Ianya melibatkan lima projek di FELDA iaitu dua projek sambungan daripada tahun 2018 dan tiga projek baharu bagi tahun 2020. Projek sambungan adalah membina dan menaik taraf bangunan dan projek lampu jalan FELDA, ini di peringkat nasional.

Manakala tiga projek baharu ini adalah di Sabah iaitu pendalaman Kolam Takungan Fajar Harapan serta menaik taraf sistem mekanikal di muka sauk Loji Rawatan Air Cenderawasih, Sabah. Menaik taraf enjin janakuasa elektrik di Stesen Janakuasa Sahabat, Sabah dan menaik taraf enjin janakuasa elektrik di Stesen Janakuasa Cenderawasih, Sabah. Yang Berhormat Beaufort pun dah balik. Jadi, tiga projek di Sabah, dua projek di peringkat nasional.

Tuan Pengerusi, saya ada hanya 10 minit lagi tetapi saya ada terlalu ramai Ahli Parlimen yang membangkitkan. Saya bercadang saya akan berhenti jam 7.05 minit, yang lain saya pohon izin Tuan Pengerusi untuk memberikan jawapan secara bertulis.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Saya teruskan dengan FELCRA kerana ada sedikit kekeliruan apabila Yang Berhormat Kemaman menyatakan berlaku penurunan ketara peruntukan pembangunan daripada RM222 juta kepada RM84 juta sahaja. Saya nak maklumkan kepada Yang Berhormat Kemaman bahawa setelah kita semak, RM222 juta itu adalah peruntukan bagi tahun 2019 manakala RM84 juta itu adalah sebahagian daripada peruntukan tahun 2020. Akan tetapi RM84 juta itu adalah dalam bentuk geran manakala RM333 juta adalah

dalam bentuk pinjaman kepada FELCRA. Jadi, jumlah keseluruhannya adalah RM418 juta bagi FELCRA bagi tahun 2020. Satu peningkatan yang besar daripada peruntukan pada tahun 2019.

Yang Berhormat Kemaman juga—ini saya dah jawab tadi. Kemudian Yang Berhormat Sibuti, juga isu yang sama. Bagaimana berlaku penurunan dan Yang Berhormat Sibuti ingin bertanya tentang pembayaran hutang kepada kontraktor di Sarawak. Belanjawan 2020 yang diluluskan kepada FELCRA adalah untuk pembangunan ladang sahaja iaitu bagi tanam semula dan projek baharu sawit dan getah.

Sukacita saya memaklumkan bahawa kerajaan telah pun meluluskan pembiayaan sebanyak RM230 juta untuk tahun 2019 sahaja bagi tujuan menyelesaikan isu bayaran tertunggak kepada kontraktor. Adalah dijangkakan bayaran tertunggak ini akan mula dibayar secara terus kepada kontraktor terlibat bermula minggu ketiga dan keempat Disember 2019. Jadi, kontraktor-kontraktor FELCRA akan dibayar pada bulan Disember ini setelah FELCRA mendapat peruntukan sebanyak RM230 juta.

Yang Berhormat Sik...

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Yang Berhormat Menteri, boleh tanya sikit? Ini khusus kepada yang saya bertanya tadi.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Ya, termasuk. Ini seluruh kontraktor FELCRA termasuk yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Oh! Okey. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Yang Berhormat dari Sik ingin bertanya bahawa seramai 21,000 orang peserta FELCRA belum menerima Bantuan Sara Hidup. Untuk makluman Yang Berhormat, FELCRA telah menerima suntikan pembiayaan daripada kerajaan sebanyak RM73.48 juta bagi membayar Bantuan Sara Hidup B40 kepada 17,200 peserta bagi tempoh bayaran bulan Ogos 2018 hingga Disember 2019 dengan kadar bayaran RM70 seekar sebulan. Maknanya daripada Ogos tahun lepas sehingga Disember tahun ini, FELCRA telah pun mendapat peruntukan RM73.48 juta untuk membayar Bantuan Sara Hidup kepada peserta-peserta FELCRA.

Bayaran tertunggak yang pernah dibangkitkan telah pun dibayar sebelum Hari Raya Aidilfitri pada bulan Mei 2019 kepada peserta-peserta berkenaan dan sehingga Oktober 2019, sebanyak RM40.3 juta telah pun dibayar kepada mereka. Maknanya, mulai bulan Mei tidak ada lagi tunggakan. Setiap bulan kita membayar kepada peserta-peserta FELCRA dan kita ada dua bulan lagi untuk membuat pembayaran iaitu bulan November dan bulan Disember dan bayaran ini akan diteruskan. Bagi tahun depan iaitu tahun 2020, *insya-Allah* tidak akan berlaku lagi penangguhan kerana kerajaan telah pun meluluskan RM42.9 juta bagi tujuan pembayaran Bantuan Sara Hidup B40 FELCRA.

Tuan Pengerusi, saya pohon untuk mendapat persetujuan daripada Tuan Pengerusi bagi menjawab yang lain ini secara bertulis.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sikit sahaja Yang Berhormat Menteri, pasal PUNB dan Ekuinas pun bertulis ya?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Kita akan jawab semua secara bertulis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey, sahkan.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Kepada semua Ahli Yang Berhormat ...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri telah berucap hampir dua jam.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Ini kerana sudah dua jam saya memberikan ruang yang sepenuhnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang pasal FELCRA Lakai tak ada, Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Ya?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** FELCRA Lakai tadi.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Ada. Kita akan masukkan semua secara bertulis.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jawapan bertulis ya? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Saya ucapkan terima kasih di atas pandangan, teguran, maklum balas. Saya percaya pandangan ini adalah untuk kebaikan negara dan juga rakyat. Saya ucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi, kementerian ini ialah kementerian yang paling penting dalam Malaysia. Itu sebab lama.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Saya ucap terima kasih kepada pegawai-pegawai daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang telah banyak membantu saya. *[Tepuk]* Dan juga saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong supaya peruntukan MEA dinaikkan untuk kepentingan rakyat.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Yang Berhormat Arau nak cium tangan sebelah mana lagi ini?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Saya percaya usaha ini akan memberikan manfaat kepada kita semua. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kamu seorang penjahat yang dahsyat.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Puncak Borneo dia cakap macam itu, dia perli saya. Dia seorang penjahat yang dahsyat.

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]* Tak apalah, tak apa. Saya tahu dua-dua memang kawan baik.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Jangan marah bakal Presiden UMNO.

[Ketawa] [Tepuk]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Gembiranya.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM513,313,900 untuk Maksud B.15 di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM513,313,900 untuk Maksud B.15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,724,871,200 untuk Maksud P.15 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM2,724,871,200 untuk Maksud P.15 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2020]

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 12 November 2019. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.03 malam]**